



# Mengajar Kelas Kanak-kanak Gred 1



Institut Ruhi



Buku 3



# Mengajar Kelas Kanak-kanak

## Gred 1

Institut Ruhi

Buku-buku dalam Siri ini:

Berikut adalah tajuk-tajuk terkini dalam siri yang dibentuk oleh Institut Ruhi. Buku-buku ini dicadangkan untuk digunakan sebagai urutan utama kursus-kursus dalam satu usaha sistematik bagi meningkatkan keupayaan belia-belia dan orang dewasa untuk berkhidmat kepada komuniti mereka. Institut Ruhi juga sedang memperkembangkan satu set kursus-kursus yang bercabang dari buku ketiga dalam siri latihan guru-guru kelas kanak-kanak Bahá'í, dan satu lagi set daripada buku 5 bagi melatih animator kepada kumpulan belia muda. Ini juga telah dinyatakan dalam senarai di bawah. Harus dimaklumkan bahawa senarai ini akan melalui perubahan apabila pengalaman-pengalaman dari lapangan semakin maju, dan tajuk-tajuk baharu akan ditambahkan apabila bilangan elemen kurikulum yang sedang dalam perkembangan menjadi semakin meningkat sehingga mencapai tahap yang mana ianya dapat digunakan dengan meluas.

Buku 1	<i>Renungan tentang Kehidupan Roh</i>
Buku 2	<i>Bangkit untuk Berkhidmat</i>
Buku 3	<i>Mengajar Kelas Kanak-kanak, Gred 1</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-kanak, Gred 2 (cabang kursus)</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-kanak, Gred 3 (cabang kursus)</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-kanak, Gred 4 (cabang kursus)</i>
Buku 4	<i>Manifestasi Berkembar</i>
Buku 5	<i>Membebaskan Daya Belia Muda</i> <i>Dorongan Awal: Kursus cabang pertama daripada Buku 5</i> <i>Lingkungan Membesar: Kursus cabang kedua daripada Buku 5</i>
Buku 6	<i>Mengajar Akidah</i>
Buku 7	<i>Melangkah Bersama di Jalan Khidmat</i>
Buku 8	<i>Waadat Bahá'u'lláh</i>
Buku 9	<i>Memperoleh Perspektif Bersejarah</i>
Buku 10	<i>Membina Komuniti yang Bersemangat</i>
Buku 11	<i>Sarana Kebendaan</i>
Buku 12	<i>Keluarga dan Komuniti</i>
Buku 13	<i>Melibatkan Diri dalam Tindakan Sosial</i>
Buku 14	<i>Melibatkan Diri dalam Wacana Umum</i>

Hak Cipta © 1999, 2022 oleh Ruhi Foundation, Colombia

Hak cipta terpelihara. Edisi 2.2.1.PE published in Julai 2022

Dicetak di Sabah, Malaysia

Penerbitan asal diterbit dalam Bahasa Sepanyol sebagai *Enseñar clases para niños, primer grado*

Hak Cipta © 1987, 1996, 2021 oleh Ruhi Foundation, Colombia

ISBN 978-958-52941-7-2

Kebenaran untuk pencetakan terhad buku ini ke dalam Bahasa Malaysia telah diberikan kepada Sabah Training Institute (STI) oleh Institut Ruhi.

Institut Ruhi  
Cali, Colombia  
Emel: [instituto@ruhi.org](mailto:instituto@ruhi.org)  
Laman Web: [www.ruhi.org](http://www.ruhi.org)

Sabah Training Institute  
P.O.Box 13978, 88846  
Kota Kinabalu, Sabah  
Emel: [nsasabah@gmail.com](mailto:nsasabah@gmail.com)

## Isi Kandungan

Beberapa Buah Fikiran untuk Tutor .....	v
Beberapa Prinsip Pendidikan Bahá'í .....	1
Beberapa Pelajaran untuk Kelas Kanak-kanak, Gred 1...	41



## Beberapa Buah Fikiran untuk Tutor

Buku ini menggabungkan dua unit yang berusaha untuk membangunkan keupayaan dalam kalangan individu yang bilangannya semakin bertambah untuk melakukan tindakan yang amatlah terpuji iaitu mengajar kelas-kelas secara kerap untuk pendidikan kerohanian kanak-kanak di kejiranan dan perkampungan. Ia adalah yang ketiga dalam urutan utama kursus-kursus Institut Ruhi, dan buku pertama yang membuka jalan khidmat khusus kepada mereka yang ingin meneruskannya. Para peserta yang bercadang untuk berbuat demikian akan meneruskan dengan kajian satu siri kursus-kursus cabang untuk mengajar kanak-kanak, sambil terus maju, mengikut kadar kelajuan yang sesuai dengan keadaan masing-masing sepanjang jalan yang digariskan oleh urutan utama.

Dalam membimbing satu kumpulan melalui buku tersebut, tutor harus menyimpan visi di atas dalam minda, mengingati bahawa hanya satu peratusan daripada para peserta mungkin memilih untuk mendedikasikan diri mereka kepada bidang daya usaha ini. Melangkaui tujuan langsungnya, seterusnya buku tersebut akan berfungsi dengan lebih luas untuk membiasakan setiap individu yang kini sedang melalui jalan khidmat ini dengan beberapa konsep dan idea yang membentuk program pendidikan untuk anak-anak muda yang sedang berlangsung di perkampungan atau kejiranan mereka. Dalam pada ini, harapan buku itu adalah untuk menyumbang kepada peningkatan kesedaran dalam komuniti, kedua-dua kewajipannya untuk mengasuh kanak-kanak secara rohani dan tentang sifat-sifat, sikap-sikap serta tingkah laku yang perlu ditunjukkan oleh golongan dewasa semasa berkomunikasi dengan mereka.

Daripada kajian mereka dalam unit kedua Buku 2, para peserta sudah biasa dengan pernyataan ‘Abdu’l-Bahá bahawa terdapat tiga jenis pendidikan: kebendaan, kemanusiaan dan kerohanian. Di sini, mereka akan diberi sebuah peluang untuk memahami dengan lebih lanjut tentang jenis pendidikan ketiga, yang dengan bantuannya sifat rohani, iaitu sifat tinggi individu diperkembangkan. Apa yang seharusnya jelas sejak permulaan adalah bahawa pendidikan rohani untuk kanak-kanak seperti yang terkandung dalam Akidah Bahá’í berbeza pada asasnya daripada pengenaan kepercayaan-kepercayaan dogmatik yang kadangkala dikaitkan dengan arahan keagamaan. Sebaliknya, ia bertujuan untuk memupuk perasaan cinta terhadap ilmu pengetahuan, sikap terbuka terhadap pembelajaran, dan keinginan yang berterusan untuk menyiasat realiti.

Samalah pentingnya untuk mengakui bahawa persepsi keagamaan tidak boleh diketepikan dalam pendidikan golongan muda kerana dengan berbuat demikian bererti akan menafikan mereka akses kepada kebenaran ilahi dan prinsip kerohanian, prinsip-prinsip yang diperlukan untuk mengatur fikiran dan tindakan mereka. Mereka yang menyokong dakwaan bahawa golongan muda sebaiknya dibiarakan untuk memperoleh standard dan pandangan dunia mereka sendiri daripada interaksi mereka dengan masyarakat, kyonnya dengan pilihan bebas, nampaknya tidak menyedari sepenuhnya bagaimana kuasa-kuasa politik, ekonomi dan budaya yang agresif mempromosikan corak-corak kepercayaan dan kelakuan yang

menyumbang kepada kepentingan mereka sendiri. Namun walaupun bukan sedemikian, tidak ada sebab untuk menganggap bahawa generasi akan datang mampu untuk membina dunia yang lebih baik tanpa pendidikan yang memupuk sifat rohani seseorang individu. Umat manusia yang kehilangan bimbingan daripada Pendidik Ilahi boleh menghasilkan tidak lebih daripada kekacauan, ketidakadilan dan penderitaan.

Justeru, ajaran-ajaran Bahá'í adalah pusat kepada program pendidikan kanak-kanak selama enam tahun yang divisikan dalam buku ini dan dalam buku-buku yang bercabang daripadanya. Dengan itu, reka bentuk program tersebut terutamanya susunan isi kandungan sepanjang semua gred membuka jalan bagi golongan muda dari semua latar belakang untuk mengambil bahagian. Pelajaran-pelajaran untuk Gred 1 mementingkan perkembangan sifat-sifat rohani dalam kanak-kanak yang berumur 5 atau 6 tahun—ini, dalam suatu usaha untuk menyumbang kepada pemurnian perwatakan. Gred 2 dibangunkan melalui pelajaran-pelajaran ini dengan memupuk tabiat-tabiat dan corak tingkah laku yang memberi ekspresi kepada sifat-sifat dalaman yang diterokai pada tahun sebelumnya—sebagai contoh, tabiat berdoa, di mana keadaan dalaman dibezaikan oleh hasrat untuk mendekatkan diri kepada Tuhan dinyatakan. Gred-gred seterusnya berpaling kepada persoalan tentang pengetahuan. Secara spesifik, untuk bekerja secara sedar bagi perkembangan rohani mereka sendiri, para individu mestilah dihubungkan kepada Sumber yang darinya ilmu pengetahuan tentang Tuhan itu mengalir. Tema-tema yang berpusat kepada kehidupan Manifestasi Berkembar Tuhan untuk Hari ini, termasuklah Manifestasi-manifestasi yang datang sebelum Mereka juga dibincangkan dalam pelajaran bagi gred-gred ini. Gred terakhir memberikan kanak-kanak peluang untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang Revelasi Bahá'u'lláh, yang dibimbang, dan dimanfaatkan daripada penerangan-penerangan dan teladan 'Abdu'l-Bahá. Ini diharapkan akan membantu kanak-kanak memperkuatkan tabiat untuk berpaling kepada Tulisan-tulisan dan kata-kata-Nya semasa mereka maju dalam kehidupan dan berusaha untuk menyelarikan pemikiran dan tindakan mereka dengan ajaran-ajaran Bahá'u'lláh. Apabila mereka mencapai usia 11 atau 12 tahun, golongan muda sudah bersedia untuk melangkah ke program pemerkasaan rohani belia muda, yang melalui kesedaran mereka yang semakin meningkat akan diperluaskan secara lanjut melalui satu siri teks, yang dipelajari bersama seorang animator, termasuklah teks-teks yang menyambung pendidikan yang mereka terima dalam kelas-kelas kanak-kanak Bahá'í. Guru kelas kanak-kanak yang bercita-cita tinggi harus berasa yakin bahawa ibu bapa yang bukan Bahá'í menyambut peluang untuk menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas sedemikian dan sentiasa gembira melihat kesan-kesan pendidikan rohani terhadap hati dan minda mereka yang lembut.

Seperti yang dinyatakan di atas, kelas-kelas Gred 1 berfokus pada pemurnian perwatakan. Justeru, dengan berkisar pada konteks inilah, unit pertama, "Beberapa Prinsip Pendidikan Bahá'í", meneliti konsep-konsep penting tertentu yang dikumpulkan daripada Tulisan-tulisan Akidah yang mempunyai implikasi mendalam terhadap pendidikan. Setengah daripada bahagian awal unit diberikan kepada perbincangan ini manakala bakinya melihat pada pendekatan apa yang boleh diambil dalam mengendalikan pelajaran-pelajaran tersebut dan pada hubungan antara guru dengan para ibu bapa.

Salah satu daripada konsep pertama yang dibincangkan dalam unit itu adalah potensi manusia, yang diterokai melalui imej yang terdapat dalam pernyataan Bahá'u'lláh yang mengumpamakan umat manusia seperti "sebuah lombong yang kaya dengan permata yang tak terkira nilainya". Para peserta diminta untuk merenung pada dua implikasi langsung yang boleh diambil daripada pernyataan itu—iaitu, pendekatan pendidikan yang melihat para pelajar sebagai wadah kosong yang menunggu untuk diisi dengan maklumat harus

diketepikan dan juga, tanpa asuhan yang wajar, kanak-kanak tidak akan mampu menjelaskan banyak permata yang terletak dalam wujud terdalam mereka.

Antara permata yang dikurniakan kepada setiap individu, unit itu mengusulkan, adalah yang disebut sebagai “sifat-sifat rohani”, dilihat sebagai struktur kekal yang padanya perwatakan yang mulia dan tulus boleh dibangunkan. Bahawa ia membentuk satu kategori “nilai-nilai murni” yang berbeza—satu istilah umum yang digunakan bagi setiap sifat terpuji, termasuklah tabiat dan sikap serta kemahiran dan kebolehan—merupakan idea penting yang harus difahami dengan baik oleh semua peserta. Bahagian 6 dan 7 mempertimbangkan beberapa implikasi pernyataan ini. Tutor akan ingin memastikan bahawa ahli-ahli kumpulan dapat menghubungkaitkan apa yang mereka bincang dengan kajian mereka dalam unit ketiga Buku 1, yang mana mereka berfikir tentang bagaimana sifat-sifat rohani, sebagai fakulti-fakulti roh manusia, mesti diperkembangkan dalam kehidupan ini untuk membantu dan menolong kita dalam perjalanan abadi kita menuju Tuhan. Cinta kepada Tuhan dan pengetahuan tentang Tuhan adalah sangat diperlukan dalam memupuk sifat-sifat rohani. Pentinglah untuk para peserta melihat bagaimana idea-idea dalam dua bahagian ini membezakan pelajaran-pelajaran dalam Gred 1, katakan satu kursus tentang nilai-nilai murni yang menganggap ketepatan masa dan kebenaran sebagai satu dan jenis sifat yang sama. Dan, apabila guru-guru menghargai perbezaan ini, mereka akan mengelak kecenderungan untuk melihat perkembangan perwatakan yang baik terutamanya dari segi pengubahsuaian tingkah laku.

Tentunya, sifat-sifat rohani mempunyai kedinamikan tersendiri, yang mana elemen-elemen teras pelajaran—doa, penghafalan petikan-petikan, dan cerita—secara khususnya berusaha untuk pupuk. Para peserta sudah mempunyai sedikit pengertian tentang sifat elemen-elemen ini daripada kajian Buku 1 dan Buku 2, dan Bahagian 8 pula bertujuan untuk membantu mereka memperluas apa yang telah dipelajari kepada tugas mengajar kanak-kanak. Dalam berbuat demikian, mereka harus mengakui bahawa, untuk memupuk sifat rohani dalam golongan muda, pelajaran-pelajaran tersebut meletakkan mereka dalam perhubungan langsung dengan Kalimat Tuhan dan memberi inspirasi kepada mereka dengan cerita-cerita ‘Abdu’l-Bahá, penjelmaan kesempurnaan manusia yang tertinggi.

Konsep lain yang diteroka dalam unit ini adalah ketakwaan kepada Tuhan, yang diutarakan dalam Bahagian 12. Menurut Tulisan Bahá’í, ia adalah “faktor utama” dalam pendidikan umat manusia. Apa yang penting untuk difahami oleh para peserta adalah bahawa ketakwaan ini tidak boleh dipisahkan dengan cinta kepada Tuhan, kerana ia merupakan satu ketakwaan yang lahir daripada hasrat untuk menyenangkan Dia yang kita cintai dan untuk mengelak sebarang tindakan yang akan menghalang kurnia cinta-Nya daripada mencapai kita. Dalam ketiadaan cinta, ketakwaan yang mendorong kita untuk berpaling daripada kelakuan yang tidak wajar adalah daripada jenis lain—takut akan hukum oleh Tuhan yang murka. Ini bukanlah bayangan yang sepatutnya ada dalam minda kanak-kanak. Walaupun guru-guru yang berwawasan perlu memahami dengan baik hubungan antara cinta kepada Tuhan dan ketakwaan kepada Tuhan dalam proses pendidikan, mereka harus tahu bahawa ia bukanlah satu subjek yang akan dibangkitkan dengan teliti dalam kelas. Sebaliknya mereka mesti belajar untuk menyalakan api cinta kepada Tuhan dalam hati pelajar-pelajar mereka dan membantu mereka mendapatkan jaminan mutlak bahawa, setelah menciptakan umat manusia kerana cinta-Nya yang tidak terhingga, Tuhan tidak akan berhenti memelihara dan melindungi kita. Dalam analisis terakhir, cinta pada Keindahan-Nyalah yang akan menghindari mereka daripada bertindak dengan cara yang bertentangan dengan keredaan-Nya.

Perbincangan mengenai konsep-konsep dan idea- idea di atas harus menuntun para peserta kepada kesedaran bahawa, pada akhirnya, melalui satu proses pendidikan rohani, kanak-kanak seharusnya menganggap pemerolehan sifat-sifat rohani sebagai ganjaran dalam dirinya sendiri dan memiliki perwatakan yang tidak layak sebagai hukuman terbesar. Dengan itu, semua ini harus memungkinkan para peserta untuk melihat pengubahsuaian tingkah laku dalam golongan muda daripada perspektif yang sewajarnya—bukan sebagai tujuan utama tetapi sebagai bantuan kepada pemurnian perwatakan. Oleh itu, mereka akan mencari cara yang sesuai dalam interaksi mereka dengan kanak-kanak untuk menggalakkan tingkah laku yang diingini dan untuk menghindari corak-corak tingkah laku yang tidak wajar, dan beberapa antaranya disebutkan dalam Bahagian 13. Konsep lain yang disebut secara ringkas dalam bahagian ini adalah yang berkaitan dengan kebebasan dan disiplin. Walaupun hukuman yang berat jelas tidak memiliki tempat dalam pendidikan kanak-kanak, namun membiarkan mereka dengan kebebasan yang mutlak untuk melakukan apa yang mereka inginkan juga boleh merosakkan perkembangan rohani mereka.

Seterusnya, unit tersebut beralih kepada persoalan tentang bagaimana untuk mengekalkan tata tertib dan disiplin di dalam kelas sambil mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang meriangkan. Tutor harus ingat bahawa kebanyakan peserta tidak mempunyai pengalaman lalu dalam mengajar kanak-kanak, dan dengan itu hanya beberapa idea awal diberikan di sini untuk pertimbangan mereka. Mereka mungkin ingin kembali ke bahagian-bahagian tertentu selepas mereka telah melalui tindakan khidmat ini dan merenung pada idea-idea berdasarkan pengalaman.

Para peserta kemudian meneliti beberapa pendekatan yang mereka boleh ikuti untuk melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti yang membentuk pelajaran-pelajaran tersebut. Sebagai tambahan kepada elemen-elemen teras yang ditekankan di atas iaitu doa, penghafalan petikan dan cerita, aktiviti-aktiviti ini juga termasuk lagu, permainan dan mewarna. Dalam menganalisis pendekatan-pendekatan yang tersedia untuk mereka, para peserta mengimbas semula pelajaran pertama mengenai sifat rohani kesucian.

Akhirnya, dalam Bahagian 26, mereka mempertimbangkan sifat perbualan yang berkembang antara seorang guru dan ibu bapa kanak-kanak dalam kelasnya. Bahagian ini dibangunkan berdasarkan apa yang telah dikaji oleh para peserta dalam Buku 2, dan juga apa sahaja pengalaman yang telah mereka peroleh semenjak itu sebagai sebahagian daripada nukleus rakan-rakan yang melawat rumah-rumah yang mempunyai kanak-kanak yang menghadiri kelas-kelas di kejiraninan atau perkampungan mereka. Tutor harus memastikan untuk memberi para peserta masa yang mencukupi untuk melaksanakan latihan yang menyeru mereka untuk meneliti semula konsep-konsep dalam unit pertama ini sebagai persediaan perbualan mereka dengan para ibu bapa. Latihan tersebut berfungsi sebagai suatu sarana bagi ahli kumpulan memperkuatkan dalam minda mereka kebanyakan konsep dan idea yang telah dibincangkan.

Unit kedua, “Pelajaran-pelajaran bagi Kelas Kanak-kanak, Gred 1”, terdiri daripada dua bahagian: dua puluh empat pelajaran yang dicadangkan untuk gred ini dan bahagian-bahagian awal yang direka untuk membolehkan para guru menjadi memahami dengan baik isi kandungan pelajaran-pelajaran itu, yang setiap satunya disusun berdasarkan perkembangan suatu sifat rohani. Mengambil empat pelajaran sekali gus, bahagian-bahagian awal membimbing para peserta melalui imbasan semula setiap elemen teras, yang mana mereka

menganalisis dengan cara yang lebih sama dengan yang mereka lakukan pada kali pertama tentang kemurnian dalam unit sebelumnya.

Sebuah petikan daripada Tulisan Bahá'í mengandungi elemen penting bagi setiap pelajaran. Ia disertakan dengan satu pernyataan pendek yang guru-guru digalakkan untuk guna semasa memperkenalkan petikan kepada kanak-kanak. Walaupun ringkas, pernyataan tersebut menggunakan sekumpulan kata-kata dan gambar-gambar yang diambil dari Tulisan-tulisan yang akan membantu kanak-kanak untuk mula membentuk satu gambaran dalam minda mereka tentang kedinamikan yang mencirikan sifat rohani yang disampaikan. Keupayaan seorang guru untuk menyampaikan komen-komen pengenalan dengan cara yang semula jadi dan membantu para pelajar mendapatkan pengertian terhadap kedinamikan ini akan berkembang melalui pengalaman dan melalui renungan yang berterusan tentang sifat-sifat rohani yang dibincangkan dalam pelajaran-pelajaran tersebut. Berdasarkan ini, para peserta diminta pada bahagian-bahagian awal untuk melakukan renungan awal tentang kepentingan setiap sifat, dalam kedua-dua kehidupan individu serta untuk usaha mengajar mereka, dan sebilangan kecil petikan terpilih yang berkaitan dengan setiap satu disertakan untuk tujuan ini.

Setelah terlibat dalam renungan seumpama itu, para peserta seterusnya meneliti cerita-cerita yang menggambarkan sifat-sifat yang telah mereka pertimbangkan. Sebahagian besar diperoleh daripada kehidupan 'Abdu'l-Bahá, ini bertujuan untuk memberi gambaran kepada kanak-kanak mengenai penjelmaan-penjelmaan sifat rohani yang tidak terbatas sebagai sifat-sifat roh manusia. Bagi melakukan ini, beberapa pertanyaan disediakan bagi setiap cerita untuk membantu guru-guru melihat melampaui urutan peristiwa kepada realiti rohani yang diterokainya. Khususnya dalam kes cerita-cerita 'Abdu'l-Bahá, persoalan-persoalan ini dibentuk untuk memastikan bahawa, dalam pengisahan mereka, para guru memberi penekanan terhadap bagaimana Beliau menjelaskan sifat-sifat rohani ke kesempurnaan yang tertinggi dan menghindari daripada menarik jenis hubungan langsung dan luaran yang boleh mengalihkan perhatian kanak-kanak daripada melihat kepentingan sebenar tindakan-Nya.

Selepas para peserta menganalisis setiap kumpulan yang mengandungi empat pelajaran dengan cara ini, mereka diminta untuk meluangkan masa berlatih pelbagai elemen sesama mereka, menggunakan pendekatan yang dibincangkan dalam unit pertama. Kepentingan komponen latihan tidak boleh diremehkan. Sekarang kebanyakan tanggungjawab terletak pada tutor untuk membantu ahli-ahli kumpulan dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan mereka sebagai guru potensi. Penyusunan kajian pelajaran-pelajaran ke dalam set-set empat pelajaran bagi membolehkan satu tahap fleksibiliti dalam hal ini, dan beberapa pertimbangan harus diberikan oleh tutor mengenai cara terbaik untuk meneruskan, dengan musyawarah, jika perlu, bersama koordinator institut bagi kelas kanak-kanak. Kadang kala terdapat masa apabila ia memungkinkan para peserta untuk menyelesaikan kajian seluruh unit, termasuk komponen praktikalnya, sebelum mereka memulakan tindakan khidmat ini. Dalam hal itu, penting untuk mereka yang berhasrat untuk mengadakan kelas agar dapat memperoleh pengalaman dengan cepat setelah menyelesaikan Buku 3, sama ada dengan memulakan kelas sendiri atau bekerja bersama guru yang lain, membantu dalam beberapa aktiviti. Dalam keadaan lain, bagaimanapun, mungkin bermanfaat bagi para peserta untuk mula memperoleh pengalaman yang serupa dalam pengajaran setelah mereka menamatkan kajian dan latihan, katakanlah, satu atau dua set empat pelajaran itu. Oleh itu, pada selang waktu yang sesuai, tutor akan membawa para peserta kembali bersama

untuk mengkaji dan mempraktikkan empat lagi pelajaran berdasarkan pengalaman mereka yang semakin meningkat.

Ia harus disebut di sini bahawa penyusunan bahagian-bahagian awal ke dalam kumpulan empat pelajaran tidak menunjukkan bahawa sifat-sifat kerohanian yang diutarakan dalam bahagian-bahagian tersebut adalah berhubungkait dalam apa jua cara yang istimewa.

Tidak kira apa jua susunannya, penting bagi guru-guru untuk menjadi sepenuhnya biasa dengan pelajaran-pelajaran dan bersedia dengan baik untuk setiap tempoh kelas. Kelas kanak-kanak akan lebih berjaya lagi jika para guru tidak membaca secara langsung dari buku tetapi telah belajar untuk melafazkan doa dan petikan melalui hati, telah bersedia untuk memperkenalkan petikan untuk pelajaran tersebut dan telah berlatih menyampaikan cerita. Selain daripada persediaan seumpama ini, sangat sedikit diperlukan untuk kelas dari segi bahan-bahan dan sumber luar, melebihi beberapa bekalan untuk permainan dan lembaran mewarna dan krayon. Lembaran mewarna yang ditemukan di akhir unit kedua, boleh difotokopi atau dihasilkan semula dengan menekap lukisan itu di atas sekeping kertas yang lain. Tambahan pula, lembaran tersebut boleh dimuat turun dari laman web Institut Ruhi agar dapat dicetak. Selain itu, rakaman lagu-lagu Gred 1 juga disediakan dalam laman web tersebut, yang mana guru-guru boleh gunakan bukan sahaja untuk menyediakan mereka untuk kelas tetapi untuk membantu kanak-kanak dalam belajar menyanyikan lagu-lagu tersebut. Mereka yang memulakan sebuah kelas untuk golongan muda dalam komuniti mereka adalah digalakkan untuk menyimpan satu buku nota yang dikhaskan untuk usaha-usaha mereka, yang akan membolehkan mereka untuk langsung mendapatkan maklumat yang diperlukan dan akan memperkuatkan satu corak persediaan dan renungan.

Berfaedah untuk dijelaskan di sini bahawa dua puluh empat pelajaran untuk Gred 1 telah direka dengan tujuan untuk memastikan bahawa setiap pelajaran dapat diselesaikan dalam tempoh satu kelas, dalam keadaan yang biasa. Membahagikan elemen-elemen pelajaran kepada dua waktu menyumbang kepada kecenderungan untuk memanjangkan aktiviti tanpa sebab. Walau bagaimanapun, lebih penting lagi, ia dapat menjelaskan keberkesanan proses pembelajaran yang mewujudkan rentak antara aktiviti, masing-masing dengan tahap intensiti yang berbeza, tetapi semua berkitar di sekitar satu sifat rohani, adalah sangat penting.

Akhir sekali, sepatah dua kata harus diungkapkan mengenai hubungan antara guru dan pelajar dalam proses pendidikan, satu tema yang dibahas dalam Bahagian 9 dan 10 dari unit pertama tetapi tersirat di seluruh buku tersebut. Bahawa setiap guru harus berusaha sedaya upaya untuk membawa usahanya kepada kanak-kanak semua sifat rohani mereka kaji dalam Gred 1 adalah jelas. Antara ini, tiada yang lebih penting daripada cinta, sebuah cinta yang merupakan pantulan cinta kepada Tuhan. Cinta ini akan dirasai dalam suasana yang diwujudkan oleh guru—pada tahap persediaan dibuat sebelum kelas, dalam doa yang disebutkan pada permulaan setiap kelas, dalam bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan para pelajar, dan dalam cara para pelajar menerima galakan dan pujiyan kerana kemajuan yang mereka capai.



# Beberapa Prinsip Pendidikan Bahá'í

## Tujuan

Untuk meneroka beberapa prinsip dan konsep yang ditemui dalam Tulisan-tulisan Bahá'í berkaitan dengan pendidikan dan untuk merenung tentang bagaimana untuk melibatkan kanak-kanak dalam kelas-kelas yang memupuk mereka secara rohani



## **BAHAGIAN 1**

Buku ketiga Institut Ruhi ini memperkenalkan kepada anda satu tindakan khidmat yang terpuji iaitu mengajar kelas-kelas Bahá'í untuk pendidikan rohani kanak-kanak. Jika anda memutuskan untuk mendedikasikan sedikit masa dan tenaga terhadap tindakan khidmat ini selepas mengkaji buku tersebut dan melaksanakan komponen praktikalnya, maka anda berpeluang untuk memulakan satu kelas mingguan bagi sekumpulan anak-anak muda yang memasuki gred pertama program pendidikan enam-tahun. Semasa anda menawarkan kelas tersebut, anda tentu akan terus maju melalui buku-buku urutan utama.

Mengajar kanak-kanak merupakan salah satu daripada beberapa tindakan khidmat yang sedang anda jejaki. Walaupun anda memilih untuk tidak melibatkan diri, namun anda akan mendapati kajian kursus ini bernilai. Dalam menyumbang kepada proses pembangunan komuniti di kampung, bandar atau kejiranan anda, dalam kebanyakan masa anda akan berinteraksi dengan kanak-kanak kecil dan akan berupaya untuk sering menggunakan pengertian yang anda peroleh daripada kajian anda di sini. Ambil sejenak masa untuk merenung tentang sentimen-sentimen pernyataan berikut yang ditujukan kepada kanak-kanak daripada Balai Keadilan Sedunia:

**“Kanak-kanak merupakan harta paling berharga yang dapat dimiliki sebuah komuniti kerana dalam diri mereka terdapat janji dan jaminan bagi masa depan. Mereka membawa benih-benih perwatakan masyarakat masa depan yang sebahagian besarnya dibentuk oleh apa yang dilakukan atau gagal dilakukan oleh orang dewasa dalam sebuah komuniti terhadap kanak-kanak. Mereka adalah amanah yang tidak dapat diabaikan oleh komuniti tanpa mendapat hukuman. Sebuah cinta terhadap kanak-kanak yang merangkumi semua, cara melayan mereka, sifat perhatian yang ditunjukkan kepada mereka, semangat tingkah laku orang dewasa terhadap mereka—ini semua adalah antara aspek penting bagi sikap yang diperlukan.”<sup>1</sup>**

Pelajaran-pelajaran gred pertama yang disampaikan dalam unit kedua buku ini adalah mudah. Setiap satunya mengandungi satu set aktiviti yang berfokus pada perkembangan sifat rohani. Kanak-kanak digalakkan untuk menghafal doa-doa dan petikan-petikan daripada Tulisan Suci, mendengar cerita-cerita dan penerangan-penerangan akan ajaran-ajaran, melukis dan mewarna, menyanyi dan bermain. Untuk menawarkan pelajaran-pelajaran ini, pengetahuan yang luas dalam bidang pendidikan tidaklah diperlukan. Kursus ini akan menyediakan anda untuk mengendalikan kelas kanak-kanak setiap minggu dengan berkesan tanpa mengambil kira sama ada anda mempunyai latihan formal sebagai seorang guru. Anda akan berpeluang untuk memikirkan banyak isu yang mendasari pendidikan semasa anda mengkaji kursus-kursus yang bercabang daripada Buku 3 dan memperoleh pengalaman. Pada mulanya, anda mungkin akan mengikuti rancangan pelajaran secara teliti tetapi lambat laun anda akan mampu memperkaya mereka dengan kandungan tambahan yang dihuraikan oleh diri anda sendiri.

## BAHAGIAN 2

Mari kita merenung pada kata-kata berikut daripada Bahá'u'lláh dan 'Abdu'l-Bahá, yang membantu kita menghargai kerja yang dilakukan oleh seorang guru. Anda mungkin ingin menghafalnya supaya anda boleh mengingatinya ketika mengajar.

**"Diberkatilah guru yang akan bangkit untuk mengajar kanak-kanak dan untuk membimbing semua orang ke jalan-jalan Tuhan, Yang Pemberi, Yang Pengasih."<sup>2</sup>**

**"Antara khidmat terbesar yang mungkin dapat disumbangkan oleh manusia kepada Tuhan Yang Maha Kuasa ialah pendidikan dan latihan kanak-kanak . . ."<sup>3</sup>**

**"Menurut Teks suci yang jelas, mengajar kanak-kanak amat diperlukan dan wajib. Ini menunjukkan bahawa para guru merupakan hamba-hamba Tuhan, kerana mereka telah bangkit untuk mengerjakan tugas ini, yang adalah sama seperti ibadat. Oleh itu engkau harus memberi pujian bagi setiap nafas, kerana engkau sedang mendidik anak-anak rohanimu."<sup>4</sup>**

1. Semasa anda memikirkan kepentingan kata-kata ini, isikan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut.
  - a. \_\_\_\_\_ yang akan bangkit untuk \_\_\_\_\_ kanak-kanak, dan untuk \_\_\_\_\_ semua orang ke \_\_\_\_\_ Tuhan, Yang \_\_\_\_\_, Yang \_\_\_\_\_.
  - b. Antara \_\_\_\_\_ yang mungkin dapat disumbangkan oleh manusia kepada Tuhan Yang Maha Kuasa ialah \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ kanak-kanak.
  - c. Menurut Teks suci yang jelas, mengajar kanak-kanak \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_. Ini menunjukkan bahawa \_\_\_\_\_ merupakan \_\_\_\_\_ Tuhan, kerana mereka telah \_\_\_\_\_ untuk mengerjakan tugas ini, yang adalah \_\_\_\_\_ seperti \_\_\_\_\_. Oleh itu engkau harus memberi \_\_\_\_\_ bagi setiap nafas, kerana engkau sedang mendidik \_\_\_\_\_.
2. Berdasarkan apa yang telah kita kaji setakat ini, tentukan pernyataan mana yang benar:

\_\_\_\_\_ Ibu bapa, guru dan komuniti, semua berkongsi tanggungjawab bagi pendidikan rohani kanak-kanak.

\_\_\_\_\_ Setiap komuniti mempunyai kewajipan untuk mendirikan kelas-kelas pendidikan rohani kanak-kanak.

\_\_\_\_\_ Mengajar kanak-kanak boleh dianggap satu tindakan beribadah.

- \_\_\_\_\_ Disebabkan kanak-kanak pergi ke sekolah, komuniti tidak perlu mendirikan kelas-kelas untuk pendidikan rohani mereka.
- \_\_\_\_\_ Seorang guru kanak-kanak sedang membesarakan anak-anak rohani.

## BAHAGIAN 3

Terdapat banyak petikan dalam Tulisan Akidah yang berkaitan dengan bidang pendidikan. Kita akan mengkaji beberapa daripadanya dalam kursus ini dan dalam cabang-cabang kursus ini. Untuk memulakan, baca kata-kata Bahá'u'lláh yang berikut:

**“Anggaplah manusia bagaikan lombong yang kaya dengan permata yang tak terkira nilainya. Pendidikan sahaja, boleh menyebabkannya untuk membongkarkan khazanahnya, serta membolehkan umat manusia bermanfaat daripadanya.”<sup>5</sup>**

Melengkapkan ayat-ayat berikut akan membantu anda merenungkan makna mendalam pernyataan ini dan menghafalnya, jika anda belum melakukannya.

- a. Umat manusia bagaikan \_\_\_\_\_ yang kaya dengan permata yang tak terkira \_\_\_\_\_.
- b. \_\_\_\_\_ sahaja, boleh menyebabkannya untuk \_\_\_\_\_ khazanahnya, serta membolehkan umat manusia \_\_\_\_\_ daripadanya.

Implikasi kata-kata Bahá'u'lláh bagi bidang pendidikan adalah luas dan beberapa daripadanya akan diutarakan dalam bahagian-bahagian yang seterusnya. Buat masa sekarang, mari kita pertimbangkan satu idea. Katakan anda diberi dua puluh balang kosong dan diminta untuk mengisinya dengan air, sudu demi sudu. Sekiranya pendidikan difahami dengan cara ini—memberi sedikit demi sedikit maklumat kepada pelajar—bukankah ia akan menjadi satu tugas yang meletihkan? Seterusnya, bayangkan satu lombong yang penuh dengan permata tersembunyi yang sedia untuk ditemui dan dihidupkan. Tidakkah anda setuju bahawa jika mengajar dilihat sebagai melombong permata sememangnya merupakan satu pekerjaan yang paling menggembirakan?

## BAHAGIAN 4

Mari kita berfikir dengan lebih lanjut tentang petikan di atas. Bolehkah kita masukkan sifat-sifat seperti cinta, kebenaran, keadilan, kedermawanan, keteguhan dan keikhlasan ke dalam permata-permata yang dirujuk oleh Bahá'u'lláh? Bagaimana pula dengan kuasa-kuasa minda manusia, kuasa-kuasanya untuk menemui misteri-misteri alam semula jadi, untuk menghasilkan karya-karya seni yang indah, untuk meluahkan fikiran yang mulia dan memberangsangkan? Kanak-kanak yang anda akan ajar berpotensi memiliki semua sifat ini. Bolehkah anda sebutkan beberapa lagi? Adakah antara sifat ini yang boleh diperkembangkan tanpa pendidikan yang sepatutnya? Dalam merenung soalan-soalan ini, ingatlah pada analogi

yang terdapat dalam Buku 1, bahawa sebuah pelita mempunyai potensi untuk memberikan cahaya tetapi untuk berbuat demikian, ia mesti dinyalakan.

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 5

Untuk memperkembang potensi kita, kita semua melalui satu proses pendidikan pada pelbagai tahap yang boleh dikatakan berkembang sehingga ke akhir hayat kita. Kita dididik di rumah, di sekolah, di tempat kerja, dan dalam komuniti. Satu soalan yang kita mesti tanya diri kita ialah, Apakah yang seharusnya menjadi fokus bagi kelas Bahá’í untuk kanak-kanak, terutamanya dalam gred pertama, sebagai salah satu aspek proses pendidikan sepanjang hayat ini? Nasihat-nasihat ‘Abdu’l-Bahá yang tertentu akan membantu kita mencari jawapan:

**“Anda harus mempertimbangkan persoalan perwatakan yang baik sebagai yang terpenting. Adalah menjadi tanggungjawab setiap ibu bapa untuk menasihati anak-anak mereka dalam jangka yang panjang dan membimbing mereka kepada perkara-perkara yang membawa kepada penghormatan abadi.”<sup>6</sup>**

**“Latihan dalam akhlak dan tingkah laku yang baik jauh lebih penting daripada pembelajaran buku. Seorang anak yang bersih, menyenangkan, mempunyai perwatakan yang baik, berkelakuan baik—walaupun dia jahil—adalah lebih disukai daripada anak yang kasar, tidak bersih, bersikap buruk, dan meskipun menjadi sangat berpengalaman dalam semua ilmu sains dan kesenian. Sebabnya adalah bahawa anak yang berkelakuan baik, walaupun dia jahil, dia bermanfaat bagi orang lain, sementara anak yang bersikap buruk, tidak berkelakuan baik adalah merosakkan dan membahayakan orang lain, walaupun dia seorang yang berpelajaran. Namun, jika anak itu dilatih untuk menjadi terpelajar dan baik, hasilnya adalah cahaya demi cahaya.”<sup>7</sup>**

**“Pada masa akan datang, akhlak akan merosot ke tahap yang melampau. Ia adalah penting agar kanak-kanak dibesarkan dengan cara Bahá’í, agar mereka dapat memperoleh kebahagiaan di dunia ini dan juga di akhirat. Jika tidak, mereka akan dilanda penderitaan dan masalah, kerana kebahagiaan manusia adalah berdasarkan pada tingkah laku rohani.”<sup>8</sup>**

Petikan-petikan seperti ini telah menyebabkan Institut Ruhi untuk berfokus pada pemurnian perwatakan dalam gred pertama programnya untuk pendidikan rohani kanak-kanak. Sebelum kita lanjutkan untuk meneroka tujuan ini, anda mungkin ingin membincangkan dalam kumpulan anda apa pemahaman anda tentang “perwatakan yang baik” dan tulis beberapa kesimpulan anda dalam ruangan berikut.

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 6

Satu konsep yang langsung terlintas dalam fikiran ketika seseorang memikirkan tentang perwatakan yang baik adalah "nilai murni". Terdapat banyak program yang berfaedah di dunia yang berusaha untuk memperkembang dalam diri pelajar satu set nilai murni atau yang lain. Program-program ini menggunakan istilah "nilai murni" untuk menggambarkan pelbagai sifat terpuji manusia yang luas. Beberapa adalah tabiat seperti ketepatan masa. Yang lain adalah sikap seperti simpati terhadap orang yang dalam kesusahan. Namun yang lain merujuk kepada kemahiran dan kebolehan tertentu, katakan, kebolehan bercakap dengan jelas. Tetapi ada satu kategori nilai murni yang berbeza daripada yang lain — kebenaran, kedermawanan, kerendahan hati, cinta, sebagai beberapa contoh — yang kita gelar "sifat-sifat rohani". Anda diminta untuk menumpukan usaha anda dalam gred pertama pada perkembangan sifat-sifat asas roh manusia. Ini tidak bermaksud bahawa dalam interaksi anda dengan kanak-kanak, anda akan mengabaikan nilai-nilai lain. Cuma pelajaran yang anda ajar sahaja yang akan terutamanya berkaitan dengan sifat-sifat yang penting bagi perjalanan abadi roh menuju Tuhan. Untuk menghargai jenis perbezaan yang dibuat di sini, pertimbangkan ketepatan masa sebagai nilai murni. Seseorang yang menepati masa juga boleh jadi jahat dan kejam. Kekejaman dan kejahatan, bagaimanapun, tidak boleh menjadi sifat seseorang yang telah memperoleh sifat-sifat syurgawi kebenaran dan keikhlasan, cinta dan keadilan, kedermawanan dan kemaafan. Tentunya orang yang menepati masa juga tentu saja sangat disukai.

Anda telah memikirkan beberapa sifat yang harus dimiliki oleh roh dalam kehidupan ini dalam unit ketiga dari Buku 1. Mungkin inilah masa yang sesuai untuk anda kembali ke unit itu dan mengimbas semula bahagian-bahagian yang berkaitan. Kemudian fikirkan apa yang anda telah kaji di sana dalam konteks kepentingan memperkembangkan sifat-sifat rohani sejak zaman awal kanak-kanak. Berikut adalah ruangan untuk anda menulis renungan anda.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 7**

Dalam membantu kanak-kanak untuk memperlihatkan perwatakan terpuji, dengan semula jadinya anda akan mengambil berat tentang tingkah laku mereka, kerana nilai murni harus wajib dipraktikkan. Sebagai seorang guru, anda akan menekankan tingkah laku yang baik dalam pelbagai cara. Pujian, dorongan, nasihat, penjelasan, ganjaran - setiap satu daripada ini akan anda gunakan berulang kali dalam mengikuti kemajuan sekumpulan kecil anak muda. Kadangkala, luahan ketidaksenangan daripada anda juga akan menjadi sarana untuk menghindari tingkah laku tidak menyenangkan yang ditunjukkan oleh seorang atau seorang lagi kanak-kanak yang lain—ini, setelah anda menjalin ikatan cinta dan kasih sayang yang mendalam dengan pelajar di kelas anda. Kita akan menerokai beberapa isu yang berkaitan dengan bagaimana anda akan berinteraksi dengan para pelajar dalam bahagian-bahagian yang akan datang. Bagi tujuan perbincangan kita sekarang ini, mari kita mempertimbangkan satu contoh. Dalam interaksi anda dengan kanak-kanak, anda pasti akan berusaha memupuk sikap berkongsi dan tabiat yang bersesuaian. Apakah beberapa perkara yang boleh anda katakan dan lakukan? Bincangkan persoalan ini dengan ahli kumpulan anda yang lain..

Sekarang renungkanlah persoalan berikut: Adakah perkongsian sebagai aspek tingkah laku akan bertahan, katakan, pada saat kekurangan, jika itu bukan penjelmaan kemurahan hati, suatu sifat rohani yang merupakan pantulan daripada sifat Tuhan, Yang Pemurah, Yang Maha Dermawan? Jawapannya, tentu saja, adalah bahawa sementara perubahan tingkah laku ada kedudukannya, tujuan sebenarnya adalah perkembangan sifat-sifat rohani yang, sebagai fakulti-fakulti roh manusia, mesti dipupuk oleh pengetahuan tentang Tuhan dan cinta kepada Tuhan. ‘Abdu’l-Bahá menasihati kita:

**“Engkau telah menulis mengenai kanak-kanak: sejak awal lagi, kanak-kanak mesti mendapat pendidikan ilahi dan mesti selalu diingatkan untuk mengingati Tuhan mereka. Biarkan kasih Tuhan meresapi kewujudan terdalam mereka, bercampur dengan susu ibu mereka.”<sup>9</sup>**

**“Sejak bayi lagi, anak itu harus disusui pada dada cinta kasih Tuhan, dan diasuh dalam pelukan pengetahuan-Nya, agar dia dapat memancarkan cahaya, membesar dalam kerohanian, dipenuhi dengan kebijaksanaan dan pembelajaran, dan mewarisi ciri-ciri malaikat suci.”<sup>10</sup>**

**“ Mengenai soalanmu tentang pendidikan kanak-kanak: diwajibkan bagimu untuk mengasuh mereka dengan susu cinta kasih Tuhan, dan mendorong mereka maju dalam hal-hal rohani, agar mereka dapat mengarahkan wajah mereka kepada Tuhan; agar jalan-jalan mereka akan bersesuaian dengan aturan-aturan tingkah laku yang baik dan kelakuan mereka tidak menjadi kurang baik berbanding sesiapa pun; agar mereka memiliki segala yang baik dan sifat-sifat terpuji umat manusia. . .”<sup>11</sup>**

Anda mungkin ingin menghafal sekurang-kurangnya satu daripada petikan ini.

## **BAHAGIAN 8**

Pelajaran yang akan anda ajar kepada kanak-kanak dalam gred pertama, biasanya berumur lima atau enam tahun, telah dihuraikan dengan idea-idea yang telah kita terokai selama ini dalam minda. Mungkin berguna pada ketika ini untuk anda beralih ke unit kedua dan membaca seimbas lalu dua atau tiga pelajaran, dengan memberi perhatian khusus kepada yang awal. Anda akan berpeluang untuk menganalisis kesemua dua puluh empat pelajaran secara terperinci kemudian. Buat masa ini, anda digalakkan untuk berkongsi buah fikiran terhadap pelbagai elemennya, seperti yang dinyatakan berikut, berdasarkan perbincangan di bahagian lepas.

Setiap kelas bermula dengan doa yang dilafazkan oleh anda dan beberapa kanak-kanak. Sejurus selepas itu, anak-anak muda mendedikasikan masa untuk menghafal sebuah doa dengan bantuan anda. Doa sangat diperlukan untuk perkembangan seorang kanak-kanak yang “diasuh pada dada cinta kasih Tuhan”. ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita bahawa “kanak-kanak bagaikan pohon muda dan mengajar doa kepada mereka bagaikan mencurahkan hujan ke atas mereka, supaya mereka menjadi lembut dan segar, dan bayu lembut cinta Tuhan akan bertiup di atas mereka, membuatkan mereka menggeletar dengan keriangan.” Berhenti sejenak untuk merenung bagaimana elemen kelas ini menyumbang kepada tujuan keseluruhan memupuk perwatakan yang baik dalam kanak-kanak. Cuba ungkapkan idea-idea anda dalam beberapa ayat. Petikan-petikan tertentu yang dipetik dari Buku 1, seperti yang berikut, akan membantu anda:

**“Pencapaian terbesar atau keadaan paling manis tidak lain daripada perbualan dengan Tuhan. Ia menciptakan kerohanian, menciptakan kesedaran dan perasaan syurgawi, melahirkan daya tarikan baru Kerajaan dan menimbulkan kepekaan kebijaksanaan yang lebih tinggi.”<sup>12</sup>**

**“Lagukanlah, wahai hamba-hamba-Ku, ayat-ayat Tuhan yang telah diterima olehmu, sebagaimana dilakukan oleh mereka yang telah mendekati Tuhan, agar kemanisan iramamu dapat mengobarkan rohmu sendiri, dan menarik kalbu semua manusia.”<sup>13</sup>**

**“Roh mempunyai pengaruh; doa mempunyai kesan rohani.”<sup>14</sup>**

**“Adalah diwajibkan bagi hamba itu berdoa dan mencari pertolongan daripada Tuhan, serta meminta dan memohon bantuan-Nya. Begitulah jadinya pangkat pengabdian, dan Tuhan akan menetapkan apa pun yang Dia inginkan, sesuai dengan kebijaksanaan-Nya yang sempurna.”<sup>15</sup>**

---

---

---

---

---

Tema setiap pelajaran berkisar pada petikan dari Teks Suci yang diharapkan untuk dihafal oleh kanak-kanak. Anda diminta untuk melakukan yang terbaik untuk mereka memperoleh pemahaman asas tentang maknanya, satu pemahaman yang sentiasa terbukti penting bagi perkembangan sifat-sifat rohani. Satu persoalan yang harus dipertimbangkan dalam hal ini adalah adakah anda dapat memupuk sifat-sifat yang diinginkan dengan cara yang bermakna tanpa bantuan Kalimat Tuhan. Sekali lagi, dalam membentuk pemikiran anda, ingat kembali sedikit renungan anda dalam buku-buku yang terdahulu dalam urutan—sebagai contoh, pada kuasa Kalimat Tuhan dalam unit pertama Buku 2. Bagaimanakah petikan berikut secara khususnya, yang mungkin anda telah menghafalnya, dapat membantu anda menjawab persoalan ini?

**“Kalimat Tuhan boleh diumpamakan anak pokok, yang akar-akarnya telah ditanamkan dalam kalbu manusia. Wajiblah bagi engkau untuk memelihara pertumbuhannya dengan air kehidupan kearifan, kalimat-kalimat murni dan suci, agar akar-akarnya akan menjadi tetap kukuh dan cabang-cabangnya merebak luas setinggi syurga dan lebih jauh lagi.”<sup>16</sup>**

---

---

---

---

---

Satu lagi elemen pelajaran tersebut terdiri dari cerita-cerita yang dikisahkan kepada kanak-kanak. Kebanyakannya diambil daripada kehidupan ‘Abdu’l-Bahá, Dia yang merupakan Teladan yang sempurna bagi ajaran-ajaran Ayahanda-Nya, menjelmakan sifat-sifat yang anda berhasrat untuk memupuk. Daripada kajian anda mengenai unit ketiga Buku 2, anda sudah sedar akan rahmat unik yang dikurniakan kepada manusia iaitu Peribadi ‘Abdu’l-Bahá. Cerita-cerita yang mana kanak-kanak mempelajari tentang kehidupan-Nya memainkan satu peranan yang istimewa dalam perkembangan perwatakan mereka, dan mereka harus sering kali diingatkan tentang cinta Beliau yang maha agung terhadap kanak-kanak. Apabila ikatan mereka dengan ‘Abdu’l-Bahá bertambah kuat, anda boleh meyakinkan mereka bahawa apabila mereka berusaha mengikuti teladan-Nya, mereka membawa keriangan kepada hati-Nya. Pada pandangan anda, bagaimanakah cerita-cerita dari kehidupan ‘Abdu’l-Bahá, yang diceritakan dengan riang dan perasaan hormat, menyumbang kepada perkembangan yang diharapkan dalam anak-anak muda?

---

---

---

---

---

Menyanyikan lagu-lagu adalah satu lagi elemen dalam kelas, yang mengisi hati dan jiwa kanak-kanak dengan kegembiraan. ‘Abdu’l-Bahá berkata:

**“Seni muzik itu ilahi dan berkesan. Ia adalah makanan bagi jiwa dan roh. Melalui kuasa dan daya tarikan muzik, roh manusia diangkatkan. Ia mempunyai alunan dan kesan yang mengagumkan dalam hati kanak-kanak, kerana hati mereka suci, dan melodi mempunyai pengaruh besar dalam diri mereka. Bakat-bakat terpendam yang mana hati kanak-kanak ini diberkati akan mencari ekspresi melalui medium muzik.”<sup>17</sup>**

Bincangkan dengan kumpulan anda, mengapakah penting bagi kanak-kanak untuk belajar menyanyikan lagu yang merdu sejak awal usia muda lagi.

---

---

---

---

Permainan dan mewarna adalah dua elemen lain dalam kelas. Permainan adalah bersifat kerjasama dan bertujuan untuk menyumbang kepada perkembangan sikap-sikap dan tabiat-tabiat tertentu yang diingini. Lembaran mewarna yang disediakan untuk pelajaran-pelajaran adalah berkaitan dengan sifat rohani yang mana setiap satunya tumpukan. Mewarna juga menguatkan beberapa kemahiran dan kebolehan penting yang diperlukan oleh kanak-kanak pada peringkat pertumbuhan ini. Dua aktiviti ini membantu mewujudkan suasana keriangan yang semestinya menjadi ciri khas sebuah kelas untuk pendidikan rohani kanak-kanak. Anda mungkin ingin mengatakan sedikit tentang betapa pentingnya suatu suasana yang riang bagi perkembangan sifat rohani.

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 9**

Dalam beberapa bahagian yang lepas, anda telah memperoleh pengertian terhadap tujuan pelajaran-pelajaran gred pertama dan telah melihat bagaimana setiap elemen menyumbang kepada pemurnian perwatakan. Sekarang, mari kita meneliti secara ringkas sifat hubungan anda dengan anak-anak muda yang akan anda ajar.

Pertama dan yang paling utama adalah perasaan cinta anda terhadap para pelajar, suatu cinta yang bagaikan pantulan cinta kepada Tuhan, akan meliputi semua kanak-kanak dari setiap latar belakang. Bagaimana untuk meluahkan cinta ini dengan cara yang menjangkau setiap kanak-kanak adalah sesuatu yang guru harus usahakan.

Cinta anda terhadap para pelajar, yang suci dan bebas daripada pilih kasih, akan menyenangkan anda untuk menemui permata yang tak ternilai yang telah disimpan dalam realiti setiap kanak-kanak oleh Tangan yang Maha Berkasa. Anda akan melihat setiap pelajar sebagai makhluk mulia yang dicipta dalam imej Tuhan, satu kebenaran yang kata-kata Bahá'u'lláh ini naik saksi:

**“Diselubungi dalam wujud-Ku yang kekal dan dalam keabadian purba inti-Ku,  
Aku mengetahui kasih-Ku kepadamu; oleh sebab itu Aku telah menciptakanmu,  
telah mengukirkan pada dirimu citra-Ku dan menjelmakan kepadamu  
keindahan-Ku.”<sup>18</sup>**

**“Dengan tangan kekuatan Aku menciptakan dikau dan dengan jari-jari kekuatan  
Aku menciptakan dikau; dan di dalam dirimu Aku telah menempatkan intisari  
cahaya-Ku.”<sup>19</sup>**

**“Engkau adalah pelita-Ku dan cahaya-Ku berada dalam dirimu. Peroleh  
darinya kecemerlanganmu dan jangan mencari sesiapa pun selain Daku.  
Kerana Aku telah menciptakanmu kaya dan telah mengurniakan kepada dirimu  
pertolongan-Ku yang melimpah ruah.”<sup>20</sup>**

Tentunya, anda harus sedar bahawa cinta akan semestinya diuji. Semasa anda mengajar, anda akan pasti jumpa sifat perwatakan para pelajar yang tidak diingini. Pada waktu seperti itu, adalah penting bagi anda untuk menolak anggapan yang salah bahawa sebilangan kanak-kanak tidak dapat diperbetulkan. Seorang guru kelas kanak-kanak Bahá'í mesti tiada keraguan bahawa setiap anak mempunyai keupayaan untuk mengenali Tuhan melalui Manifestasi-manifestasi-Nya dan patuh pada ajaran-ajaran Mereka. Setiap kanak-kanak mempunyai keupayaan untuk maju secara rohani. Setiap satu daripada anak-anak muda dalam kelas anda telah diciptakan mulia dan dengan bantuan anda, boleh menunjukkan kemuliaan ini.

Mengingati frasa-frasa yang digunakan oleh Master yang dikasih dalam merujuk kepada kanak-kanak akan membantu anda melihat dengan lebih jelas intipati rohani mereka sebagai ciptaan Tuhan. Berikut adalah pilihan frasa-frasa sebegini; baca dan renungkan mengenai bagaimana frasa-frasa tersebut harus membentuk persepsi anda terhadap makhluk berharga yang akan anda ajar:

- kanak-kanak yang menyenangkan ini
- kanak-kanak yang terang, cemerlang ini
- kanak-kanak Kerajaan yang indah ini
- anak pohon yang telah tumbuh di sungai bimbingan-Mu ini
- pohon muda Syurga Abhá
- tumbuh-tumbuhan kebun-Mu
- bibit muda di taman cinta Tuhan
- anak pokok segar di padang rumput pengetahuan Tuhan
- anak pokok yang cepat mekar di musim bunga keilahan-Mu

- bunga mawar taman-Mu
- bunga mawar taman bimbingan-Mu
- bunga-bunga padang rumput-Mu
- ranting-ranting pohon kehidupan
- dahان-dahan muda yang tumbuh di taman-taman pengetahuan-Mu
- dahان-dahan yang bertunas di dusun anugerah-Mu
- burung-burung di padang rumput keselamatan
- lilin-lilin yang telah dinyalakan oleh jari-jari Kesempurnaan Yang Diberkati
- hasil karya jari-jari kekuasaan-Mu
- tanda-tanda menakjubkan keagungan-Mu
- mereka yang dikasihi ‘Abdu’l-Bahá

## BAHAGIAN 10

Di samping cinta, hubungan yang anda pupuk dengan para pelajar anda akan dicirikan oleh semua sifat kerohanian lain yang disampaikan dalam pelajaran untuk gred pertama. Tiada keraguan lagi bahawa anda akan berusaha untuk semakin menjelmakan sifat-sifat ini bukan sahaja dalam interaksi anda dengan kanak-kanak semasa kelas tetapi juga dalam setiap aspek kehidupan anda. Bahá'u'lláh menasihati kita:

**“Berhati-hatilah, wahai manusia, jangan sampai kamu termasuk orang yang memberi nasihat yang baik kepada orang lain tetapi lupa untuk mengikutinya sendiri.”<sup>21</sup>**

Pentinglah terutamanya bagi guru kelas kanak-kanak mendapatkan penghayatan yang semakin meningkat terhadap makna dan implikasi setiap sifat yang dibincangkan dalam pelajaran, satu penghayatan yang akan membantu dalam usaha mereka untuk melatih dan mengasuh pohon-pohon itu muda di bawah jagaan mereka. Seperti yang anda akan perhatikan, sebagai contoh, pelajaran pertama bertumpu pada kesucian. Wajarlah nampaknya bahawa kelas yang mementingkan persoalan tentang perwatakan harus bermula dengan menerokai sifat kemurnian hati. Bahá'u'lláh mengingatkan kita, “Semua yang ada di syurga dan di bumi” Tuhan telah menetapkan untuk kita “kecuali hati manusia,” yang Dia telah jadikan tempat tinggal keindahan dan kemuliaan-Nya. Membersihkan cermin hati seseorang membolehkannya untuk memantulkan semua sifat lain yang harus menghiasi jiwa manusia.

Untuk membantu para guru memikirkan tentang sifat-sifat rohani yang disampaikan dalam gred ini, unit kedua merangkumi beberapa petikan yang berkaitan dengan setiap satu. Buat masa ini, anda digalakkan untuk membaca petikan-petikan berikut mengenai kemurnian. Kemudian, dengan ahli kumpulan anda yang lain, bincangkan kepentingan sifat ini dalam kehidupan seorang manusia, secara umum, dan pada usaha mereka yang bangkit untuk mengajar kanak-kanak, khususnya. Setelah menulis beberapa pemikiran anda dalam ruangan

yang disediakan, anda mungkin ingin menghafal sekurang-kurangnya satu daripada petikan berikut:

**“Wahai saudara-Ku! Hati yang murni bagaikan cermin; bersihkannya dengan penggilap cinta dan keterpisahan daripada semua kecuali Tuhan, agar suria sejati dapat bersinar di dalamnya dan fajar pagi yang abadi menyingsing.”<sup>22</sup>**

**“Wahai Putera Wujud! Hatimu adalah rumah-Ku; sucikannya untuk keturunan-Ku. Rohmu adalah tempat wahyu-Ku; bersihkannya bagi penjelmaan-Ku.”<sup>23</sup>**

**“Semakin murni dan suci hati manusia, semakin dekat ia kepada Tuhan, dan cahaya Suria Realiti didedahkan di dalamnya.”<sup>24</sup>**

**“Pertama dalam cara kehidupan umat manusia mestilah kemurnian, kemudian kesegaran, kebersihan, dan kebebasan roh. Pertama dasar sungai mesti dibersihkan, kemudian barulah kemanisan air sungai dibawa melaluinya.”<sup>25</sup>**

---

---

---

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 11**

Sekarang, anda perlu bertanya pada diri sendiri, sebagai guru anak-anak muda, bagaimana anda dapat membantu memperkuatkan motivasi mereka untuk bertindak sesuai dengan ajaran yang telah diwahyukan Tuhan melalui Manifestasi-Nya Bahá'u'lláh dan mengembangkan sifat yang Dia perintahkan untuk menghiasi jiwa kita. Semasa anda mencari jawapan untuk soalan ini, renungkan kata-kata Bahá'u'lláh berikut:

**“Lidah kekuasaan-Ku, dari langit kemuliaan-Ku yang maha kuasa, telah menyampaikan kata-kata berikut kepada makhluk-Ku: ‘Patuhilah perintah-perintah-Ku, demi cinta akan keindahan-Ku.’ Berbahagialah pencinta yang telah menghirup keharuman keilahian dari Kekasih Terbaiknya melalui kata-kata ini, yang penuh dengan wangи-wangian kurnia yang tak dapat digambarkan oleh lidah apa pun.”<sup>26</sup>**

**“Biarlah nyala cinta Tuhan membakar dengan terang dalam hatimu yang cemerlang. Isikannya dengan minyak bimbingan Keilahian, dan lindunginya di bawah naungan keteguhanmu. Jagalah ia dalam glob kepercayaan dan ketakterikatan daripada segala-galanya kecuali Tuhan, agar bisikan jahat orang-orang yang tak beriman tidak dapat memadamkan cahayanya.”<sup>27</sup>**

**“Wahai Putera Wujud! Cinta-Ku adalah benteng-Ku, barang siapa yang memasukinya akan selamat dan terlindung, dan barang siapa yang berpaling daripadanya nescaya akan sesat dan musnah.”<sup>28</sup>**

1. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan perkataan daripada petikan di atas:
  - a. Kita harus mematuhi perintah-perintah Tuhan demi cinta akan \_\_\_\_\_.
  - b. \_\_\_\_\_ cinta Tuhan harus membakar dengan \_\_\_\_\_ dalam hati kita yang \_\_\_\_\_.
  - c. Kita harus mengisi nyala \_\_\_\_\_ Tuhan dengan \_\_\_\_\_ Keilahian.
  - d. Kita harus melindunginya di bawah \_\_\_\_\_ kita.
  - e. Kita harus \_\_\_\_\_ nyala \_\_\_\_\_ Tuhan dalam glob \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ daripada \_\_\_\_\_.
  - f. Kita harus mematuhi perintah-perintah Tuhan demi cinta akan \_\_\_\_\_-nya. \_\_\_\_\_ cinta Tuhan harus membakar \_\_\_\_\_ dalam hati kita yang \_\_\_\_\_. Kita harus mengisi nyalaan ini dengan minyak bimbingan \_\_\_\_\_. Kita harus melindunginya di bawah naungan \_\_\_\_\_ kita. Kita harus menjaganya dalam glob \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ daripada segala-galanya kecuali Tuhan. Kita harus mengisi nyalaan cinta Tuhan, melindunginya dan menjaganya agar bisikan jahat orang-orang yang tak beriman tidak dapat memadamkan \_\_\_\_\_. Barang siapa yang memasuki benteng \_\_\_\_\_ Tuhan akan selamat dan \_\_\_\_\_.

## **BAHAGIAN 12**

Semasa anda meluangkan masa dengan anak-anak muda, anda akan berusaha untuk menyemarakkan “nyala cinta Tuhan” dalam hati mereka yang cemerlang dan menjadikan mereka sedar akan berkat-Nya dan keriangan kerana dapat tumbuh melalui kata-kata-Nya. Sudah tentu, cinta kita kepada Tuhan dan perasaan kerinduan kita untuk menerima rahmat-Nya juga membawa ketakwaan bahawa, atas sebab tertentu, cinta-Nya tidak dapat sampai kepada kita. Bagaimana pula jika kesalahan kita bertindak sebagai penyekat yang menghalang kita daripada menerima berkat-Nya? Cinta Tuhan adalah punca sebenar kewujudan kita, dan jika kita kehilangannya walaupun untuk sedetik, hidup kita akan hancur. Ketakwaan ini, bahawa jika kita tidak mentaati Tuhan, kita mungkin tidak dapat menerima cinta-Nya, mengekalkan kita di jalan yang lurus dan melindungi kita daripada dorongan ego kita dan daripada hasad dengki, ketamakan, khayalan sia-sia dan keinginan yang merosakkan.

Dalam usaha anda untuk menyemai benih cinta kepada Tuhan dalam hati kanak-kanak, anda juga harus memikirkan ketakwaan kepada Tuhan, kerana kedua-duanya tidak dapat dipisahkan daripada satu sama lain. ‘Abdu’l-Bahá menasihati kita:

**“Latihlah kanak-kanak ini dengan nasihat-nasihat ilahi. Sejak zaman kanak-kanak mereka tanamkan dalam hati mereka cinta kepada Tuhan agar mereka dapat menunjukkan dalam kehidupan mereka ketakwaan kepada Tuhan dan mempunyai keyakinan terhadap kurniaan Tuhan. Ajarlah mereka untuk membebaskan diri daripada ketidaksempurnaan manusia dan untuk mendapatkan kesempurnaan ilahi yang terpendam dalam hati manusia.”<sup>29</sup>**

Penting untuk mengetahui bahawa ketakwaan kepada Tuhan bukanlah konsep untuk dibincangkan secara langsung dengan kanak-kanak. Satu-satunya imej yang mesti mereka bayangkan adalah Tuhan yang pengasih, yang mereka mesti mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang sepenuhnya dalam kurnia dan anugerah-Nya. Semasa anda berusaha untuk memupuk dalam diri mereka cinta kepada Tuhan, satu tanggapan yang anda boleh perkenalkan adalah bahawa perkataan dan perlakuan tertentu disenangi Tuhan manakala yang lain tidak. Anda boleh ingatkan kanak-kanak dari semasa ke semasa bahawa disebabkan mereka cinta Tuhan, mereka ingin menyenangkan-Nya. Sebagai contoh, mereka boleh diberitahu bahawa mempunyai lidah yang lembut dan menjadi penyayang terhadap satu sama lain adalah tindakan yang menyenangkan Tuhan manakala menggunakan perkataan yang tidak baik atau menyakitkan orang lain tidak menyenangkan Dia.

Petikan berikut disediakan untuk renungan anda:

**“Diwajibkan bagimu untuk menyeru orang-orang, dalam segala keadaan, kepada apa sahaja yang akan menyebabkan mereka untuk menunjukkan perwatakan-perwatakan rohani dan perlakuan-perlakuan baik, agar semua dapat menjadi sedar akan apa yang menyebabkan semangat manusia dinaikkan, dan boleh, dengan daya usaha terdalam, mengarahkan diri mereka kepada Kedudukan yang maha luhur dan Mercu Kemuliaan. Ketakwaan kepada Tuhan telah selamanya menjadi faktor utama dalam pendidikan makhluk-makhluk-Nya. Beruntunglah mereka yang telah mencapai ke sana!”<sup>30</sup>**

**“Dalam Revelasi ini, angkatan-angkatan yang boleh memberikan kemenangan adalah angkatan-angkatan perlakuan terpuji dan perwatakan yang benar. Pimpin dan komander bagi angkatan-angkatan ini telah selamanya merupakan ketakwaan kepada Tuhan, ketakwaan yang merangkumi segala benda dan memerintah segala benda.”<sup>31</sup>**

**“Sifat-sifat lain bagi kesempurnaan adalah ketakwaan kepada Tuhan, untuk mencintai Tuhan dengan mencintai hamba-hamba-Nya, untuk mengamalkan kelembutan dan kesabaran serta tenang, untuk menjadi ikhlas, boleh dibetulkan, berbelas kasihan dan penyayang; untuk mempunyai iltizam dan keberanian, kebolehpercayaan dan tenaga, untuk berusaha dan bekerja keras, untuk menjadi dermawan, setia, tanpa niat jahat, untuk mempunyai semangat dan rasa hormat, untuk menjadi orang yang berfikiran tinggi dan baik hati, dan untuk mempedulikan hak-hak orang lain.”<sup>32</sup>**

Berdasarkan petikan di bahagian ini dan bahagian sebelumnya, tulis satu atau dua perenggan yang menggambarkan hubungan antara cinta kepada Tuhan dan ketakwaan kepada Tuhan dan bagaimana interaksi dinamik bagi kedua-duanya penting untuk perkembangan perwatakan yang terpuji.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 13

Seperti yang seharusnya jelas daripada perbincangan kita dalam bahagian-bahagian sebelumnya, pendidikan rohani menggunakan daya tarikan pada keindahan dan, dengan memusatkan perhatian pada perkembangan sifat-sifat rohani, mengarahkan hati kanak-kanak pada keindahan sejati dengan sebaik-baiknya—keindahan perwatakan yang baik, keindahan yang terdapat dalam Kalimat Suci, keindahan tingkah laku yang patut diteladani, keindahan pemikiran yang luhur, dan yang paling penting, tarikan pada Keindahan Yang Maha Mulia. Akhirnya, ketaatan pada hukum-hukum Tuhan datang dari cinta akan keindahan-Nya. Dengan demikian, kanak-kanak membesar dengan melihat bahawa memperoleh sifat-sifat rohani merupakan ganjaran terbesarnya sendiri, dan memiliki perwatakan yang tidak layak adalah hukuman terbesar. ‘Abdu’l-Bahá berkata:

**“Punca sebenar kesalahan adalah kejihilan, dan oleh itu kita mesti berpegang teguh pada alat persepsi dan pengetahuan. Perwatakan yang baik harus diajar. Cahaya harus disebarluaskan jauh, agar, di sekolah kemanusiaan, semua dapat memperoleh ciri-ciri roh yang bersifat syurgawi, dan melihat dengan sendiri tanpa sebarang keraguan bahawa tiada neraka yang lebih ganas, tiada lagi jurang yang lebih berapi, daripada memiliki perwatakan yang jahat dan tidak berasas; tiada lagi lubang yang gelap mahupun seksaan yang menjijikkan daripada menunjukkan sifat-sifat yang patut dikutuk.”<sup>33</sup>**

Untuk membantu kanak-kanak mengalami keriangan dalam mencerminkan sifat-sifat syurgawi, kita harus mendorong mereka dalam usaha mereka untuk menunjukkan tingkah laku yang benar dan tidak mendorong tingkah laku yang tidak diingini. Kedua-dua hukuman berat dan kebebasan mutlak iaitu membenarkan kanak-kanak melakukan sesuka hati mereka, harus dielakkan. Seperti yang diingatkan oleh Balai Keadilan Sedunia, “Cinta memerlukan disiplin, keberanian untuk membiasakan kanak-kanak dengan kesusahan, bukan memanjakan mereka dengan keinginan masing-masing atau membiarkan mereka sepenuhnya dengan peranti mereka.” Seterusnya, kanak-kanak dikatakan, “mesti dengan penuh kasih sayang tetapi secara berterusan dibimbing untuk mematuhi standard-standard Bahá’í”. Dan ‘Abdu’l-Bahá menjelaskan:

**“Bilamana pun seorang ibu melihat bahawa anaknya telah melakukan dengan baik, biarlah dia memuji dan memberi tepukan kepadanya dan menceriakan hatinya; dan jika sedikit pun sifat yang tidak diinginkan harus muncul dengan sendirinya, biarlah dia menasihati anak itu dan menghukumnya, dan menggunakan kaedah berdasarkan pertimbangan, bahkan sedikit teguran lisan sekiranya ini diperlukan. Namun, tidaklah dibenarkan untuk memukul anak, atau mencerca, kerana perwatakan anak itu akan menjadi sesat sepenuhnya jika dia dikenakan pukulan atau penderaan lisan.”<sup>34</sup>**

Untuk mengikuti bimbingan ‘Abdu’l-Bahá, guru harus memikirkan cara-cara untuk memuji kanak-kanak dan menggembirakan hati mereka apabila mereka melakukannya dengan baik. Ini memerlukan guru untuk memerhati dan mencatat kemajuan setiap kanak-kanak, dengan berhati-hati untuk tidak memuji beberapa kanak-kanak yang sama sahaja sepanjang masa manakala mengabaikan yang lain. Bagi seorang kanak-kanak yang sudah biasa menerima perhatian penuh kasih daripada guru, maka, isyarat mudah tanda tidak setuju terhadap tingkah laku luar kawalan boleh menjadi cara hukuman yang halus tetapi berkesan. Kadangkala mungkin perlu untuk menerangkan secara lanjut dan meluahkan tanda tidak setuju secara lisan terhadap salah laku, terutamanya jika seorang kanak-kanak mengganggu sesuatu aktiviti. Ini harus dilakukan dalam nada suara yang tegas dan menghormati, tanpa menunjukkan sedikit pun kemarahan atau ketidaksabaran. Tambahan pula, para guru sering kali perlu untuk mencari masa selain waktu kelas untuk menasihati seorang kanak-kanak atau kanak-kanak yang lain.

Ia mungkin berlaku bahawa, walaupun guru mengikuti nasihat di atas, beberapa kanak-kanak tidak berkelakuan seperti yang diharapkan. Dalam kes-kes seumpama ini, sekatan-sekatan kecil dan sesuai mungkin diperlukan. Contoh-contoh sekatan seumpamanya termasuklah tidak membenarkan seorang kanak-kanak itu mewarna atau menahannya daripada suatu permainan selama beberapa minit. Terdapat dua idea penting yang perlu diingat dalam hal ini. Pertama, guru harus menerangkan dengan jelas kepada kanak-kanak itu kenapa dia disekat dengan berkata, sebagai contoh, “Disebabkan kamu melakukan hal seperti itu, maka kamu mesti tunggu selama lima minit sebelum memasuki permainan.” Idea kedua adalah sekatan itu mesti diberikan sejurus selepas terjadinya kelakuan tidak baik; jika tidak anak itu mungkin tidak dapat menghubungkaitkan hukuman itu dengan tingkah laku.

Sekarang bincangkan idea-idea di atas dengan ahli-ahli kumpulan anda yang lain. Bolehkah anda merangka ayat-ayat yang anda fikirkan sesuai untuk digunakan dalam mendorong tingkah laku yang baik pada kanak-kanak dan dalam memuji kemajuan yang anda lihat mereka lakukan, baik secara individu maupun kumpulan? Apakah ayat-ayat yang sesuai untuk tidak mendorong salah laku, apabila diperlukan?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 14

Bagi membantu kanak-kanak dalam memperkembang sifat-sifat terpuji, pentinglah bagi anda untuk mewujudkan suasana yang sesuai dalam kelas, satu suasana yang dibezakan oleh disiplin dan ketertiban.

‘Abdu’l-Bahá berkata:

**“... sekolah kanak-kanak mesti menjadi satu tempat disiplin dan ketertiban tertinggi, bahawa arahan mesti teliti, dan persediaan mesti dibuat untuk pemberian dan memurnikan perwatakan; supaya dalam tahun-tahun terawalnya, dalam intipati anak itu, asas keilahian akan diletakkan dan struktur kesucian dibangkitkan.”<sup>35</sup>**

Dan merujuk kepada kelas mingguan untuk kanak-kanak, Beliau memberikan nasihat-nasihat yang berikut:

**“Anda mesti meneruskan aktiviti yang teratur ini tanpa henti, dan mempercayai kepentingannya, agar hari demi hari ia dapat berkembang dan digerakkan dengan nafas Roh Suci. Jika aktiviti ini diatur dengan baik, yakinlah engkau bahawa ia akan memberikan hasil yang memberangsangkan.”<sup>36</sup>**

Kebanyakan seni pengajaran termasuklah mengetahui bagaimana membimbing setiap kanak-kanak supaya tindakannya menyumbang kepada satu suasana pembelajaran yang riang namun berdisiplin. Walaupun terdapat banyak pengertian yang akan anda peroleh daripada pengalaman dalam hal ini, kita akan membincangkan beberapa idea asas untuk membantu anda menyediakan diri dari awal. Sebagai permulaan, baca gambaran yang berikut tentang tempoh sebuah kelas:

Anda memberi kanak-kanak beberapa minit untuk menyesuaikan diri dan duduk dengan senyap ketika mereka tiba. Sebaik semua anak muda sudah bersedia, anda mengambil peluang terhadap suasana yang tenang untuk memulakan kelas dengan berdoa. Aktiviti seterusnya yang anda perkenalkan ialah menyanyi lagu-lagu, selepas itu anda menyampaikan tema pelajaran dan membantu kanak-kanak menghafal

sebuah petikan. Kemudian, setelah mewujudkan suasana yang menanti-nantikan, anda bercerita kepada kanak-kanak. Setelah itu, mereka bermain sebuah permainan. Apabila mereka selesai, anda mengagihkan lembaran mewarna dan krayon atau pensel dan meminta mereka mewarna gambar dengan teliti. Bagi mengakhiri kelas, anda menggalakkan kanak-kanak untuk duduk dengan senyap dan menyediakan diri mereka untuk doa penutup, yang dilafazkan oleh anda dan beberapa anak muda.

Adakah terdapat logik dalam urutan aktiviti-aktiviti tersebut? Mengapa anda fikir aktiviti-aktiviti tersebut disusun mengikut cara ini?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 15

Seperti yang telah anda bincangkan di atas, kanak-kanak tidak datang ke kelas untuk berdiam diri. Bukan juga seharusnya menjadi niat anda untuk membuat mereka sebegitu. Anda harus mencuba untuk mengambil peluang terhadap tenaga semula jadi mereka dan menyalurkannya kepada pembelajaran. Untuk berbuat demikian, anda perlu merancang untuk masa-masa yang senyap dan untuk tempoh-tempoh aktiviti dan kes spontan. Dalam semua hal, pengaturan adalah elemen yang asas. Apabila sebuah kelas diatur dengan baik, lebih mudahlah bagi kanak-kanak untuk menumpukan perhatian dan untuk belajar. Ia memberikan manfaat untuk mempertimbangkan sekurang-kurangnya tiga poin yang berikut dalam hubungan ini:

1. Setiap tempoh kelas harus bermula dengan cara yang jelas dan konsisten dan juga berakhir dengan cara yang tertib.
2. Satu rutin perlu diasaskan. Maka, sedikit demi sedikit, kanak-kanak dapat mengetahui aktiviti mana satu mengikuti aktiviti yang mana satu dan apa yang diharapkan daripada mereka.
3. Masa yang didedikasikan kepada setiap satu aktiviti haruslah fleksibel dan harus bergantung pada semangat dan tenaga kanak-kanak.

Seperti yang tercatat dalam gambaran pada bahagian lepas, aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh kanak-kanak dalam setiap tempoh kelas adalah seperti yang berikut:

- a. Melafazkan dan menghafal doa

- b. Menyanyikan lagu
- c. Belajar dan menghafal petikan daripada Tulisan-tulisan Bahá'í
- d. Mendengar cerita
- e. Bermain permainan
- f. Mewarna lukisan
- g. Melafazkan doa penutup

Aktiviti-aktiviti ini secara semula jadinya cenderung untuk berbeza pada tahap tenaga dan darjah pergerakan yang diperlukan; ada beberapa yang akan sangat aktif dan yang lain lebih tenang.

Manakah antara tujuh aktiviti ini melibatkan pergerakan yang paling banyak? \_\_\_\_\_

---

---

---

Aktiviti manakah yang lebih senyap? \_\_\_\_\_

---

---

---

Terdapat tuntutan tertentu terhadap guru dalam mengekalkan suasana yang teratur. Manakah antara yang berikut menyumbang kepada suasana yang diingini dan manakah yang menghalanginya? Tandakan dengan “S” atau “H” mengikut kesesuaian.

- \_\_\_\_\_ Mengelakkan ruang di mana kelas diadakan bersih dan teratur
- \_\_\_\_\_ Sentiasa tenang dan sabar, tidak kira apa jua keadaan
- \_\_\_\_\_ Seseorang itu hilang kesabaran apabila kanak-kanak tidak mendengar arahan
- \_\_\_\_\_ Menyediakan bahan-bahan untuk setiap aktiviti lebih awal
- \_\_\_\_\_ Mencari bekalan untuk sesuatu aktiviti di merata-rata tempat sementara kanak-kanak menunggu
- \_\_\_\_\_ Menerangkan dengan jelas apa yang harus kanak-kanak lakukan untuk setiap aktiviti
- \_\_\_\_\_ Menyediakan aktiviti lain untuk kanak-kanak yang telah menyiapkan tugas mereka lebih awal agar mereka sentiasa mempunyai aktiviti
- \_\_\_\_\_ Membantu kanak-kanak beralih dari satu aktiviti ke aktiviti yang lain secara teratur
- \_\_\_\_\_ Membaca cerita kepada kanak-kanak dari buku

\_\_\_\_\_ Belajar suatu cerita dengan baik sekali sehingga ia dapat diceritakan dengan mudah dan bersemangat kepada kanak-kanak

## BAHAGIAN 16

Dalam berusaha untuk mewujudkan satu suasana dalam kelas yang berdisiplin dan teratur, anda perlu mengasaskan standard-standard tingkah laku yang tertentu. Dalam hal ini, beberapa minggu pertama terutamanya adalah sangat penting. Apa sahaja harapan yang ditetapkan dalam tempoh awal ini kemungkinan dapat dikekalkan sepanjang tahun. Pada mulanya, guru harus memilih beberapa standard kelakuan, tidak lebih daripada tiga atau empat dalam satu masa dan menerangkannya kepada kanak-kanak menggunakan bahasa yang mudah difahami. Standard yang sangat umum seperti “Kita sendiri harus berkelakuan baik” tidak berapa membantu, tetapi yang lain seperti “Kita mengambil giliran apabila bercakap” adalah mudah untuk difahami. Bincang dengan ahli-ahli dalam kumpulan anda mengenai standard yang ditetapkan dalam pernyataan yang berikut dan tambahkan lagi beberapa kepada senarai itu:

- a. Kita membantu satu sama lain apabila kita bermain satu permainan.
- b. Kita tetap bersatu dan tidak bergaduh.
- c. Kita mengalu-alukan rakan baru ke kelas kita.
- d. Kita mendengar antara satu sama lain dan kepada guru kita apabila mereka bercakap.
- e. Kita bercakap dengan satu sama lain dengan lidah yang lembut.
- f. Kita menunggu giliran untuk bercakap.
- g. Kita berkongsi krayon dengan satu sama lain.
- h. Kita cuba untuk menyiapkan tugasan kita.
- i. \_\_\_\_\_
- j. \_\_\_\_\_
- k. \_\_\_\_\_
- l. \_\_\_\_\_

Kelakuan yang diharapkan, apabila disusun menjadi ayat-ayat yang mudah seperti ini, boleh dibincangkan dengan kanak-kanak dan pernyataan-pernyataan itu dilafazkan bersama mereka secara kerap. Dengan cara ini, pernyataan-pernyataan tersebut dapat disebatikan sebagai standard yang diinginkan oleh kanak-kanak dan tidak akan dianggap sebagai peraturan yang dikenakan secara ketat. Apabila mereka menjadi terbiasa dengan satu set harapan yang diberikan, guru itu boleh mula memperkenal pernyataan yang lain secara perlahan-lahan dan ingat untuk mengelak daripada menambah semua sekaligus. Sekiranya terdapat kesukaran tertentu wujud dalam kelas, kanak-kanak boleh dibantu dalam merangka

beberapa ayat mudah yang mengutarakannya. Dalam keadaan sedemikian, guru itu harus bersikap tegas dan konsisten, namun pada masa yang sama peramah dan sangat lembut.

## BAHAGIAN 17

Dalam Bahagian 8, kita meneliti secara ringkas kepentingan pelbagai elemen pelajaran Gred 1 dan membincangkan bagaimana setiap satunya berusaha untuk menyumbang kepada perwatakan yang terpuji. Dalam bahagian ini dan tujuh bahagian yang seterusnya, kita akan mempertimbangkan beberapa pendekatan yang anda boleh ambil dalam melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti yang dicadangkan, bermula dengan hafalan.

Hafalan doa dan petikan daripada Tulisan adalah pusat kepada pelajaran-pelajaran yang akan anda ajar dan dalam setiap waktu kelas, anda akan membantu para pelajar anda dalam usaha mereka untuk melafazkan doa dari ingatan dan belajar satu petikan baharu dengan menghafal. Sebelum kita membincangkan bagaimana anda boleh melibatkan mereka dalam aktiviti ini, sepatah dua kata harus dikatakan mengenai konsepsi umum yang salah yang sebaiknya diketepikan dalam usaha membantu anak-anak muda menghafal Kalimat Suci.

Anda mungkin telah terdengar, atau mungkin mendengar semasa anda mula mengajar, komen-komen seperti “kanak-kanak tidak seharusnya mengulangi perkara”, “mereka harus belajar meluahkan idea mereka sendiri”, “mereka tidak seharusnya mengulangi fakta dan maklumat”. Sesungguhnya, kritikan terhadap pembelajaran hafalan begitu meresap sehingga menyebabkan idea-idea ini menjadi lebih tersebar di seluruh pelosok dunia. Benarlah bahawa seseorang dapat menghafal satu persamaan dalam matematik, definisi hukum dalam fizik, atau satu karya prosa dalam kesusasteraan dengan pemahaman yang sedikit atau langsung tiada mengenainya. Namun, persoalan yang anda harus tanya diri sendiri adalah ini: Mengapakah penghafalan pernyataan yang mendalam dan pemahaman akan maknanya diletakkan bertentangan antara satu sama lain? Daya ingatan adalah kuasa minda manusia sama seperti kuasa pemahaman, pemikiran, dan imaginasi. Semuanya melengkapi dan mengukuhkan satu sama lain. Kita hanya dapat membayangkan seberapa banyak penghafalan Kalimat Tuhan, dengan potensi yang tidak berkesudahan untuk mencipta semula hati dan minda manusia, akan meningkatkan kecerdasan dan pemahaman pada kanak-kanak. Kemudian, ketika mereka melalui tahap pertumbuhan yang berlainan, mereka akan memperoleh pengertian baharu daripada petikan-petikan yang telah mereka hafal, dan sepanjang kehidupan mereka, mereka akan dapat menarik kuasa-kuasa Kalimat Tuhan yang kreatif, memperbaharui dan mentransformasikan.

Bincang dengan ahli-ahli kumpulan anda yang lain mengapa penting untuk guru-guru mempunyai keyakinan bahawa penghafalan Kalimat Tuhan membantu menanam dengan kukuh benih ilmu pengetahuan rohani dalam minda dan hati kanak-kanak, benih yang akan tumbuh dari semasa ke semasa untuk menghasilkan buah-buahan yang enak.

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 18

Dengan renungan di atas dalam minda, marilah kita memikirkan bagaimana anda akan membantu para pelajar anda menghafal petikan-petikan daripada Tulisan-tulisan Suci, dengan mengambil petikan dalam Pelajaran 1 sebagai contoh. Untuk memulakan, anda akan ingin membantu mereka memperoleh sedikit pengertian awal mengenai kepentingan sifat rohani yang menjadi tumpuan pelajaran tersebut. Bagi tujuan ini, satu pernyataan pengenalan yang ringkas disediakan untuk anda gunakan. Anda kemudiannya digalakkan untuk membantu mereka memperoleh pemahaman asas yang pertama mengenai makna petikan itu dengan memilih perkataan sukar yang terkandung dalamnya dan menggunakan dalam situasi-situasi yang dapat dikenal pasti oleh kanak-kanak dengan mudah. Pertimbangkan pendekatan ini seperti yang digambarkan dalam Pelajaran 1 yang mengutarakan sifat kemurnian.

Hati kita adalah seperti cermin. Kita harus sentiasa memastikannya bersih. Berdendam terhadap seseorang, berasa cemburu dengan seseorang, dan menjadi tidak baik hati kepada sesiapapun dengan alasan apapun—ini adalah seperti debu-debu yang menutupi cermin hati kita. Apabila hati kita murni, ia memantulkan cahaya Tuhan dan sifat-sifat-Nya—sifat-sifat seperti kebaikan hati, cinta dan kedermawanan—and kita menjadi punca kegembiraan kepada orang lain. Untuk membantu memastikan hati kita murni, mari kita menghafal petikan Bahá'u'lláh ini:

**“ Wahai Putera Roh! Nasihat-Ku yang pertama adalah ini: Milikilah hati yang murni, baik dan cemerlang . . .”**

*Nasihat*

1. Pada suatu hari, Gerard dan Mary sedang mewarna beberapa lukisan. Gerard memerlukan krayon warna kuning, tetapi Mary tidak ingin memberi kepadanya. Guru memberitahu Mary bahawa dia harus berkongsi. Guru memberi nasihat yang baik kepada Mary.
2. Patricia harus memutuskan sama ada ingin membelanjakan wangnya untuk membeli gula-gula atau sebuah buku cerita. Ibu bapanya menasihati untuk membeli sebuah buku cerita. Ibu bapa Patricia memberinya nasihat yang baik.

*Memiliki*

1. Tinaye suka membaca doa sebelum tidur. Dia mempunyai buku doa kecil untuk dibaca. Tinaye memiliki buku doa yang kecil.
2. Kami menanam pelbagai jenis sayur-sayuran yang sedap di kebun kami. Kami memiliki satu plot tanah yang menghasilkan sayur-sayuran yang segar.

*Hati yang murni*

1. Cathy menjadi marah dan mengucapkan kata-kata yang tidak baik kepada Agot. Agot sedih tetapi dengan pantas memaafkan Cathy. Agot memiliki hati yang murni.
2. Gustavo suka berkongsi biskutnya dengan semua kanak-kanak, mahupun dengan Jorge, yang tidak berkongsi apapun dengan yang lain. Gustavo memiliki hati yang murni.

*Hati yang baik*

1. Bila ibu bapa Ming Ling menjemput rakan-rakan ke rumah mereka, dia menghidangkan makanan kepada mereka dengan gembira. Ming Ling memiliki hati yang baik.
2. Encik Robertson sangat tua. Jimmy membantu dia mengangkat buah-buahan tuaianya ke pasar. Jimmy memiliki hati yang baik.

*Hati yang cemerlang*

1. Ketika saya berasa sedih, ibu selalu menghibur dan membuat saya gembira. Ibu saya memiliki hati yang cemerlang.
2. Obuya sakit dan harus menghabiskan waktunya di atas katil. Dia melafazkan banyak doa, tidak bersedih, dan selalu kelihatan gembira. Obuya memiliki hati yang cemerlang

Tentunya, anda tidak akan membaca pernyataan pengenalan dan ayat-ayat penerangan begitu sahaja daripada buku, dan dengan itu anda akan memerlukan persediaan rapi yang lebih awal untuk mempersiapkannya secara semula jadi.

Bagi doa-doa yang dihafal oleh kanak-kanak, dicadangkan bahawa anda mengambil pendekatan yang serupa, tetapi akan terpulang kepada anda untuk memutuskan perkataan atau frasa mana yang mungkin memerlukan penerangan. Anda akan ingin memberi perhatian dalam hal ini. Ada masanya apabila ia mungkin mencukupi untuk membenarkan anak-anak muda memperoleh makna perkataan sedikit demi sedikit daripada doa-doa itu sendiri. Lihatlah, sebagai contoh, doa berikut yang kanak-kanak mula mempelajari dalam Pelajaran 1. Mereka akan segera mengakui bahawa kedua-dua “hati yang murni” dan “mutiara” adalah sesuatu yang berharga. Namun, untuk memahami bahawa, pada akhirnya, hati yang murni

diberikan kepada kita oleh Tuhan, mereka mungkin perlu belajar apa makna perkataan “kurniakan”. Apakah ayat yang anda akan bina bagi tujuan ini?

**“Dialah Tuhan! Ya Tuhan, Tuhanku! Kurniakan kepadaku hati yang murni, bagaikan sebutir mutiara.”<sup>37</sup>**

---

---

---

---

## BAHAGIAN 19

Sekarang mari kita mempertimbangkan satu pendekatan yang boleh anda ambil untuk membantu para pelajar anda menghafal doa-doa dan petikan-petikan. Apa yang anda boleh lakukan adalah membahagikan petikan menjadi bahagian yang lebih kecil, yang kemudiannya dapat dipelajari satu demi satu. Setelah bahagian pertama telah dihafal, bahagian kedua boleh ditambahkan kepadanya dan seterusnya, sehingga seluruh petikan atau doa telah dihafal. Anda boleh meminta kanak-kanak untuk mengulangi bahagian-bahagian tersebut selepas anda menyebutnya, kadang-kadang secara individu dan pada masa lain secara berkumpulan.

Sebagai contoh, untuk mengajar pelajar anda petikan dalam Pelajaran 1, anda akan bermula dengan frasa “Wahai Putera Roh!” dan meminta mereka mengulangnya. Selepas itu, anda akan menggabungkan “Wahai Putera Roh!” dengan “Nasihat-Ku yang pertama adalah ini” dan meminta mereka mengulang dua frasa itu bersama-sama. Akhirnya, anda akan menambah kata-kata “Milikilah hati yang murni, baik dan cemerlang”. Setelah kumpulan tersebut telah mempelajari petikan tersebut melalui cara ini, beberapa kanak-kanak dapat dibantu untuk melafazkannya menerusi daya ingatan. Tentunya, anda perlu memastikan latihan ini dilakukan dengan sikap yang penuh tenaga, agar kanak-kanak tetap memberikan perhatian dan suasana yang riang dapat dikekalkan. Selanjutnya, apabila keupayaan mereka meningkat secara beransur-ansur, mereka mungkin dapat menghafal segmen yang lebih panjang dalam doa dan keseluruhan petikan sekaligus.

Semasa anda melaksanakan bahagian kelas ini, situasi tertentu mungkin muncul dengan sendirinya yang sukar dijangka, dan anda harus belajar menanganinya melalui pengalaman secara langsung. Namun, terdapat beberapa situasi yang perlu anda pertimbangkan sebagai sebahagian daripada persediaan anda. Bincangkan soalan-soalan berikut dengan ahli kumpulan anda yang lain:

- Sekiranya terdapat ramai kanak-kanak dalam kelas anda, bagaimana anda membantu mereka untuk menghafal petikan?
- Apakah yang akan anda lakukan sekiranya sebilangan kanak-kanak menghafal lebih cepat daripada yang lain?
- Apakah yang akan anda lakukan sekiranya seorang atau beberapa kanak-kanak mengalami kesukaran untuk menghafal?

- Bagaimanakah anda akan memastikan bahawa, walaupun seorang kanak-kanak tidak dapat menghafal petikan secara keseluruhan semasa kelas, dia masih merasakan suatu rasa pencapaian?

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 20

Kanak-kanak sangat suka menyanyi, dan aktiviti ini, yang mendahului penghafalan petikan, adalah salah satu yang paling meriangkan. Kunci kejayaan adalah latihan. Anda sendiri harus menyanyikan lagu-lagu itu dengan seseorang yang mengetahuinya dengan memberikan perhatian khusus kepada ritma dan melodi. Jika anda dapat mendengar rakaman lagu-lagu tersebut, anda akan mempelajarinya dengan lebih cepat. Bersama dengan kanak-kanak, anda juga harus menyanyikan lagu-lagu itu berulang kali sehingga mereka telah mempelajarinya dengan baik. Kata-kata dalam lagu dapat dihafal seperti cara menghafal petikan, cuma kali ini kata-katanya diulang bersama dengan melodi. Anda mungkin mendapati, bergantung kepada keupayaan para pelajar anda, bahawa beberapa lagu terlalu sukar untuk mereka nyanyikan. Dalam hal sedemikian, anda mungkin boleh menyanyikan rangkap-rangkap dan para pelajar anda boleh menyertai anda dalam menyanyikan korus.

## SECTION 21

Aktiviti seterusnya yang akan kita pertimbangkan adalah bercerita. Seperti yang disebutkan sebelumnya, kebanyakan cerita dalam gred pertama diambil daripada kehidupan ‘Abdu’l-Bahá. Cerita-cerita ini mempunyai tujuan yang sangat istimewa. Ia membantu kanak-kanak melihat bagaimana sifat-sifat rohani yang mereka cuba peroleh dijelmakan sepenuhnya oleh Teladan sempurna sepanjang hari-hari-Nya di alam dunia ini. Rasa hormat yang ditunjukkan oleh seorang guru ketika mengisahkan cerita-cerita ini menyentuh emosi syurgawi dalam hati mereka yang lembut dan membangkitkan kepekaan rohani mereka.

Meskipun cerita-cerita yang akan anda sampaikan kepada kanak-kanak tentang ‘Abdu’l-Bahá adalah pendek, pengertian rohani yang diketengahkan sangatlah mendalam. Oleh itu, anda akan ingin membawa pelajar anda melangkaui peristiwa yang digambarkan untuk membantu mereka melihat sekilas ke dalam realiti rohani. Dalam hal ini, marilah kita meneliti cerita daripada Pelajaran 1.

*“Abdu'l-Bahá selalu dapat mengetahui apa yang ada dalam hati seseorang, dan Beliau sangat mencintai orang-orang yang hatinya murni dan cemerlang. Ada seorang wanita yang mendapat kehormatan untuk menjadi tetamu ‘Abdu'l-Bahá dalam suatu acara makan malam. Semasa dia duduk mendengarkan kata-kata-Nya yang arif, dia melihat segelas air di depannya dan berfikir, “Oh! Kalaulah ‘Abdu'l-Bahá boleh mengambil hatiku dan mengosongkannya daripada setiap keinginan dunia ini dan kemudian mengisinya dengan cinta dan pemahaman Ilahi, sama seperti yang engkau boleh lakukan dengan gelas air ini.”*

*Fikiran ini melintas begitu cepat di mindanya, dan dia tidak berkata apa-apa mengenainya, namun tidak lama kemudian, sesuatu terjadi dan membuatnya menyedari bahawa ‘Abdu'l-Bahá telah mengetahui apa yang difikirkannya. Di tengah pembicaraan-Nya, Beliau berhenti sejenak untuk memanggil seorang pembantu-Nya dan mengucapkan sepatah dua kata kepadanya dengan lembut. Pembantu tersebut datang ke tempat wanita itu di meja, mengambil gelasnya, mengosongkannya, dan meletakkannya kembali di depannya.*

*Tidak lama kemudian, ‘Abdu'l-Bahá, semasa meneruskan ceramah-Nya, mengambil bekas air dari meja, dan dengan cara yang sangat semula jadi, mengisi gelas wanita tersebut dengan perlahan-lahan. Tidak ada seorang pun menyedari apa yang telah berlaku, namun wanita tersebut mengetahui bahawa ‘Abdu'l-Bahá sedang menjawab hasrat hatinya. Dia dipenuhi dengan keriangan. Kini dia tahu bahawa hati dan minda semua orang adalah bagaikan buku yang terbuka bagi ‘Abdu'l-Bahá , Yang membacanya dengan cinta dan kebaikan hati yang mendalam.*

Jelas sekali kemurnian ialah sifat rohani yang mana cerita tersebut—dan bahkan seluruh pelajaran itu tertumpu. Soalan-soalan yang berikut akan membantu anda berfikir tentang bagaimana penceritaan anda akan memperdalam pemahaman para pelajar mengenai sifat ini dan apa maknanya untuk berusaha mencapainya.

1. Penting bagi kanak-kanak untuk menyedari bahawa tetamu ‘Abdu'l-Bahá sangat ingin untuk memperoleh kemurnian hati. Apakah hubungan dalam cerita antara keinginan ini dan segelas air di hadapan tetamu tersebut?
2. Untuk mencapai kemurnian, kita mesti, sama seperti satu gelas yang dikosongkan dan diisi semula, menyingkirkan dari diri kita pemikiran dan perasaan yang tidak sepatutnya agar Tuhan menerangi hati kita dengan sifat-sifat seperti cinta, kedermawanan dan kebaikan hati. Sudah tentu kita tahu bahawa tiada apa pun yang dapat disembunyikan daripada penglihatan Tuhan. Bagaimanakah pemahaman ini membantu kita dalam usaha kita untuk mencapai kemurnian?

Selepas membincangkan soalan-soalan ini dengan ahli kumpulan yang lain, tuliskan beberapa pemikiran anda di sini.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Terdapat beberapa cerita dalam gred ini yang meskipun tiada kaitan dengan kehidupan ‘Abdu’l-Bahá, mengilustrasikan kepentingan sifat-sifat rohani. Dalam cerita tersebut, kanak-kanak dapat melihat ganjaran kerana menunjukkan sifat-sifat ini dan akibat-akibat mengabaikannya. Sebagai contoh, cerita dalam Pelajaran 4 mengenai si penggembala menjerit serigala yang terkenal dalam banyak budaya, menunjukkan akibat berbohong dan dengan cara ini, memberi pengertian terhadap sifat kebenaran. Kanak-kanak boleh mendapat banyak manfaat daripada mesej yang disampaikan dalam cerita-cerita ini, yang akan terbukti berharga untuk mereka dalam pembentukan perwatakan mereka.

## BAHAGIAN 22

Bercerita adalah seni. Bagi menyampaikan cerita secara berkesan, seseorang itu mestilah arif mengenainya. Dalam bahagian ini, kita akan mempelajari cerita dari Pelajaran 1 dengan lebih mendalam untuk melihat bagaimana seorang guru harus menceritakannya kepada kanak-kanak.

Kami telah menetapkan bahawa tema utama cerita tersebut adalah sifat rohani kemurnian hati, yang diterokai melalui contoh sebuah gelas. Soalan pertama yang perlu anda tanya diri sendiri adalah, Apakah bahagian cerita tersebut yang mempunyai kaitan langsung dengan tema utama ini? Bahawa kata-kata hikmat ‘Abdu’l-Bahá membuatkan wanita itu berfikir mengenai betapa dia ingin untuk memurnikan hati daripada keinginan dunia, seperti gelas di hadapannya, merupakan satu bahagian yang penting. Arahan yang diberikan oleh ‘Abdu’l-Bahá kepada pelayan untuk membuang air dalam gelas itu, yang kemudiannya diisi semula oleh ‘Abdu’l-Bahá , adalah satu lagi. Apakah akan terjadi sekiranya anda tidak menyebut bahawa, sebagai contoh, ‘Abdu’l-Bahá meminta pelayan itu untuk mengosongkan gelas wanita itu?

Sekarang, walaupun kita telah mengenal pasti bahagian-bahagian penting cerita tersebut, perincian lain juga tidak boleh dilupakan. Adakah ia merupakan sebuah cerita jika anda mengatakan dengan ringkas bahawa seorang tamu ‘Abdu’l-Bahá, yang sedang duduk semasa makan malam, berhasrat hatinya dapat dimurnikan sama seperti seseorang yang dapat mengosongkan sebuah gelas? Selalu ada perincian dalam cerita yang memberikannya lebih banyak perasaan dan membuatnya menarik. Apakah perincian ini?

- Pemikiran mengenai gelas kosong tersebut muncul kepada tetamu itu semasa sedang menjamu selera, sambil mendengar ‘Abdu’l-Bahá berkongsi kebijaksanaan-Nya, tetapi dia tidak pernah menyuarakan pemikirannya secara terbuka.
- Walaupun sedang berucap kepada hadirin yang berkumpul semasa majlis makan malam, ‘Abdu’l-Bahá berhenti sejenak untuk memenuhi pemikiran terpendam wanita itu.
- Tiada sesiapapun perasan apa yang telah berlaku.
- Tetamu itu berasa sangat riang apabila mengetahui bahawa ‘Abdul-Bahá sedar akan keinginan hatinya.

Harus dinyatakan di sini bahawa setiap guru mesti berhati-hati agar tidak memperindah cerita-cerita dalam Gred 1 dengan perincian tambahan dan elemen-elemen lain, yang dapat mengalihkan perhatian kanak-kanak daripada kebenaran rohani yang sepatutnya disampaikan dalam cerita.

Oleh itu, sepanjang penceritaan anda, anda harus ingat bahawa tujuan bercerita adalah untuk mengajar sesuatu yang penting kepada kanak-kanak. Apabila anda menceritakannya dengan keriangan dan perasaan, mereka akan memahaminya dengan lebih baik. Kanak-kanak tidak akan berminat dengan cerita yang disampaikan secara monoton. Anda mesti belajar meluahkan emosi seperti kegembiraan, kesedihan, kekecewaan, ketakutan, dan keberanian melalui suara, riak wajah dan gerak isyarat anda. Nada dan kelantangan suara anda harus berubah mengikut perkembangan cerita, dan gerakan anda, walaupun biasa, harus bersesuaian dengan setiap bahagian. Anda juga perlu berfikir tentang ritma dan kelajuan penceritaan anda. Sekiranya anda bercakap terlalu perlahan, kanak-kanak akan menjadi bosan, dan sekiranya anda bercakap terlalu laju, mereka tidak akan dapat mengikuti cerita itu. Melebihi segalanya, anda harus ingat bahawa anda tidak bermain-main dan perasaan anda mestilah ikhlas. Anak-anak muda dapat mengesan kurangnya keikhlasan dengan mudah. Apa yang diinginkan adalah untuk berhubung dengan hati kanak-kanak dan meneruskan tradisi penceritaan yang telah lama wujud yang mana selama ribuan tahun sekarang, simpanan kebijaksanaan yang diperoleh umat manusia telah diturunkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya.

## **BAHAGIAN 23**

Sekarang mari kita pertimbangkan dua aktiviti selepas bercerita—bermain permainan dan mewarna. Dalam bahagian ini kita akan membincangkan bagaimana menggunakan waktu yang didedikasikan untuk permainan, dan bahagian berikutnya akan mengutarakan tentang mewarna.

Seperti yang disebutkan lebih awal, permainan dalam Gred 1 bersifat kerjasama. Ramai orang percaya bahawa, untuk membuatkan permainan mencabar, kanak-kanak perlu bersaing antara satu sama lain. Apa yang harus kita sedari adalah, ketika kanak-kanak diletakkan dalam situasi di mana mereka harus bersaing, sikap dan tabiat tertentu yang tidak diingini akan dipupuk dan berkekalan meskipun permainan telah lama selesai. Selanjutnya, terdapat tanggapan bahawa kecemerlangan hanya dapat dicapai melalui persaingan.

Anda perlu meneliti secara terperinci kebenaran idea ini. Adakah betul-betul benar bahawa kita tidak dapat mencapai kecemerlangan melalui kerjasama? Dalam persaingan, ada yang menang sementara yang lain kalah; dalam kerjasama, semua merasakan suatu rasa pencapaian.

Permainan dalam gred pertama bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan mengikuti arahan pada kanak-kanak. Mereka juga akan melihat bahawa setiap permainan menetapkan satu tujuan yang sama untuk seluruh kelas dan bahawa, dalam menyelaraskan usaha mereka, setiap seorang daripada mereka mempunyai peranan untuk dimainkan bagi mencapainya. Melebihi segalanya, diharapkan bahawa mereka akan meningkatkan tahap prihatin yang mereka tunjukkan kepada satu sama lain, belajar ketekunan, dan mengeratkan ikatan persahabatan yang menghubungkan mereka. Oleh itu, anda harus ingat bahawa mereka tidak perlu bermain permainan dengan sempurna untuk merasakan suatu rasa kejayaan. Misalnya, lihat pada permainan yang dicadangkan dalam Pelajaran 1. Bagaimanakah ia menyumbang kepada tujuan yang diinginkan?

Untuk aktiviti yang seterusnya, letakkan tayar di tanah, kemudian tanya kanak-kanak berapa ramai daripada mereka yang boleh berdiri di atasnya pada waktu yang sama. Sebaliknya, jika tidak terdapat tayar, anda boleh meletakkan tikar atau tuala, ataupun objek lain yang serupa, di tanah. Apapun objek yang anda pilih, ia haruslah cukup kecil untuk menjadikan permainan lebih mencabar bagi bilangan kanak-kanak dalam kelas.

Cara seorang guru memperkenal sebuah permainan mempengaruhi cara kanak-kanak bermain. Matlamatnya harus diterangkan dengan jelas. Selanjutnya, ketika memberi arahan kepada kanak-kanak, seorang guru sering kali harus menunjukkan cara bermain dan berlatih bermain dengan mereka.

## BAHAGIAN 24

Aktiviti-aktiviti kesenian adalah penting terhadap perkembangan kreativiti dan kemahiran-kemahiran mental kanak-kanak, dan sejak usia awal mereka harus diberi peluang untuk menggunakan imaginasi mereka melalui lukisan gaya bebas dan bentuk ekspresi artistik yang lain. Namun, di kebanyakan tempat di dunia, kanak-kanak tidak mempunyai banyak peluang untuk melukis sebelum usia lima atau enam tahun, lebih sedikit yang mempunyai pendedahan terhadap krayon. Bagi mereka, mewarna gambar yang disediakan dengan pelajaran di gred pertama adalah salah satu tempoh kelas yang paling menyeronokkan, dan ini menimbulkan keyakinan yang diperlukan untuk beralih ke aktiviti kesenian yang lebih kompleks pada gred berikutnya. Ini juga merupakan kaedah untuk memperkembang ketangkasian dan suatu rasa disiplin mereka. Bagaimanakah kemampuan, kemahiran dan sikap yang berikut ditingkatkan oleh kanak-kanak melalui aktiviti mewarna?

- Menghargai keteraturan dan keindahan
- Memberi perhatian kepada perincian

- Menumpukan pada tugas sedia ada
- Berkongsi bahan-bahan dengan orang lain
- Menghormati orang lain

Selain memupuk kemahiran dan sikap tertentu, tempoh kelas yang didedikasikan untuk mewarna memberi peluang kepada guru untuk berbincang dengan para pelajarnya sifat-sifat yang disebutkan dalam pelajaran di Gred 1. Dengan mengemukakan soalan kepada kelas mengenai lukisan dalam gambar, para guru dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyebut idea-idea dan membuat hubungan dalam fikiran mereka ketika mereka membincangkan apa yang berlaku dalam gambar. Lihatlah lembaran mewarna untuk pelajaran pertama dan terokai dengan kumpulan anda bagaimana anda akan memperkenalkannya kepada kanak-kanak. Tuliskan pemikiran anda di bawah.

---

---

---

---

---

Seorang guru mesti bersedia secara rapi untuk aktiviti ini. Kanak-kanak selalu menunjukkan keinginan yang tinggi untuk mewarna; namun, bahagian kelas ini boleh menjadi huru-hara jika tidak diatur dengan betul. Satu tempat untuk kanak-kanak mewarna harus dikenal pasti, dan salinan gambar untuk setiap pelajaran harus disediakan lebih awal. Terutamanya dalam beberapa pelajaran pertama, guru mungkin perlu menetapkan standard bagaimana kanak-kanak harus memperlakukan diri mereka sendiri dengan krayon dan membina suatu rasa disiplin dan kerjasama dengan mereka. Pada mulanya, setiap kanak-kanak diminta untuk memilih satu krayon dari kotak yang dipegang oleh guru. Apabila mereka mahu menukar warna, mereka boleh menyerahkan krayon dan menukarnya dengan yang krayon lain. Setelah beberapa kelas, apabila mereka sudah terbiasa hanya memiliki satu warna dalam satu masa, kotak krayon boleh ditinggalkan di satu tempat di tengah-tengah.

Sekarang, lihat situasi berikut. Situasi yang manakah dalam setiap pasangan akan menyumbang kepada keberkesanan aktiviti ini?

- \_\_\_\_\_ Guru membenarkan kanak-kanak mewarna di luar garisan, selagi dia berusaha mewarna dengan baik.
- \_\_\_\_\_ Semua kanak-kanak diminta untuk mewarna secara teliti hanya di dalam garisan.
- \_\_\_\_\_ Semasa kanak-kanak sedang mewarna, guru berjalan-jalan di antara mereka, memberikan bantuan dan galakan kepada mereka.
- \_\_\_\_\_ Semasa kanak-kanak sedang mewarna, guru duduk dan melakukan kerja sendiri.

- \_\_\_\_\_ Sepanjang waktu yang diperuntukkan untuk mewarna, kanak-kanak menumpukan perhatian pada tugas sedia ada.
- \_\_\_\_\_ Sepanjang waktu yang diperuntukkan untuk mewarna, kanak-kanak mengganggu perhatian satu sama lain.
- \_\_\_\_\_ Semasa mereka mewarna, kanak-kanak kekal betul-betul senyap.
- \_\_\_\_\_ Semasa mereka mewarna, kanak-kanak dengan riangnya berinteraksi dan menggalakkan satu sama lain.

## **BAHAGIAN 25**

Ramai guru mendapatinya berguna untuk menyimpan sebuah buku nota yang mana maklumat asas mengenai kumpulan anak-anak muda yang diajar dapat dikekalkan. Dua jadual membantu dalam hal ini, satu dengan nama dan umur pelajar untuk merekod kehadiran mereka dalam kelas dan satu lagi untuk menjelaki perkembangan mereka dalam menghafal petikan. Jadual yang kedua ini boleh mempunyai, sebagai contoh, nama kanak-kanak di lajur kiri dan jumlah pelajaran dalam baris pada bahagian atas. Seterusnya, guru boleh menanda pada sel yang sesuai bagi kanak-kanak yang mana telah menghafal petikan yang mana.

Buku nota juga boleh mempunyai bahagian yang dikhaskan untuk pelajaran-pelajaran itu sendiri, di mana guru dapat mencatat analisis mereka terhadap setiap pelajaran, pemikiran mereka tentang cara mengajarnya, dan kemudian, renungan mereka tentang bagaimana sesi dengan kanak-kanak berlangsung.

Pada bahagian lain, guru boleh mencatat perkembangan setiap kanak-kanak, serta sebarang anekdot tertentu yang boleh dikongsi dengan ibu bapanya. Sebilangan guru juga mendapatinya berguna untuk memasukkan dalam bahagian ini nama ibu bapa dan adik-beradik kanak-kanak tersebut dan ringkasan topik yang diketengahkan semasa lawatan ke rumah mereka.

## **BAHAGIAN 26**

Sebagai seorang guru kelas kanak-kanak, anda akan perlu menjalin hubungan yang erat dan penuh kasih sayang dengan ibu bapa setiap kanak-kanak, bertemu dengan mereka secara kerap untuk membincangkan pertumbuhan dan perkembangan anak lelaki atau anak perempuan mereka dan mendapatkan sokongan mereka. Anda mungkin pernah melawat keluarga beberapa kanak-kanak yang mengikuti kelas di komuniti anda setelah menamatkan pembelajaran Buku 2. Untuk mengingat anda semula, anda mungkin ingin merujuk Bahagian 15 dalam unit ketiga buku itu. Dalam bahagian itu kita melihat bagaimana Maribel, seorang guru kelas kanak-kanak, membuat pertimbangan tentang apa yang akan dia katakan kepada ibu Emma pada lawatan kedua ke rumah mereka. Dia memutuskan untuk bermula dengan memberitahunya tentang keriangan yang dibawa oleh kehadiran Emma dalam kelas pada hatinya dan dengan menyebutkan sifat-sifat mengagumkan yang telah dia temukan pada anak perempuannya. Berapa pentingkah bagi ibu bapa untuk melihat keriangan dan semangat pada

seorang guru yang berbakti kepada kanak-kanak dalam komuniti? Apakah beberapa sifat lain yang dapat menarik hati ibu bapa dan mewujudkan ikatan kepercayaan dengan mereka?

---

---

---

---

Mengapakah penting bagi seorang guru untuk menarik perhatian ibu bapa mengenai sifat-sifat kerohanian yang dia perhatikan sedang berkembang dalam diri anak mereka?

---

---

---

---

---

---

Maribel juga memutuskan untuk berkongsi dengan ibu Emma petikan yang anda pelajari dalam Bahagian 3 unit ini dan untuk meneroka dengan ibu Emma implikasinya terhadap pendidikan kanak-kanak. Dalam banyak perbualan yang anda melibatkan ibu bapa, anda akan berpeluang untuk menerangkan idea-idea pendidikan yang telah membentuk program kelas kanak-kanak. Berikut adalah beberapa konsep yang telah anda kaji dalam unit ini. Apakah yang akan anda katakan kepada ibu bapa mengenai setiap satu dalam konteks pendidikan rohani anak-anak mereka? Adakah terdapat petikan dari Tulisan Suci yang berkaitan dengan satu konsep atau yang lain yang akan anda kongsi dalam perbualan anda dengan ibu bapa?

Perkembangan perwatakan yang terpuji: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Pemerolehan sifat-sifat rohani: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Kesan doa terhadap hati kanak-kanak: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Kepentingan menghafal Kalimat Tuhan: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Pengaruh yang meneguhkan kanak-kanak mengenai cerita daripada kehidupan 'Abdu'l-Bahá: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Cinta kepada Tuhan dan ketakwaan kepada Tuhan: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Disiplin dan kebebasan: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Maribel memutuskan untuk berhenti sejenak semasa menyampaikan idea dan menjemput ibu Emma untuk meluahkan pemikirannya. Diharapkan bahawa perbincangan yang mendalam akan berkembang dari masa ke masa antara guru dan ibu bapa kanak-kanak. Mengapakah penting, sejak lawatan mereka yang terawal dengan ibu bapa, untuk guru mendapatkan komen, pemikiran, dan idea daripada ibu bapa mengenai tema-tema yang sedang dipertimbangkan?

Selain membincangkan dengan ibu bapa konsep umum tentang sifat-sifat rohani, anda harus memanfaatkan peluang yang ada sepanjang tahun untuk berbual dengan mereka tentang sifat-sifat tertentu yang pelajaran-pelajaran berusaha untuk memupuk kepada anak perempuan dan anak lelaki mereka. Dengan mengingat pengertian yang anda telah peroleh mengenai sifat

kemurnian hati, yang diketengahkan dalam Pelajaran 1, terokai dengan ahli kumpulan belajar anda bagaimana anda boleh mencapai perbualan seperti itu.

---

---

---

---

Maribel sedar bahawa perlunya ada persefahaman dan sokongan antara dirinya dan ibu Emma, untuk anak perempuannya mendapat manfaat penuh daripada kelas yang dia hadiri. Sebagai contoh, doa dan petikan yang dipelajari dalam kelas boleh dilafazkan di rumah dengan bantuan ibu bapa. Dengan cara ini, kanak-kanak dapat menghayati Kalimat Tuhan dengan lebih baik, yang akan menembusi kalbu dan jiwa mereka dan membentuk perwatakan mereka. Bincangkan dengan ahli kumpulan anda yang lain bagaimana caranya untuk ibu bapa memperkuat dan menyokong usaha-usaha para guru.

---

---

---

---

Sifat hati dan minda yang diinginkan hanya dapat dipupuk pada kanak-kanak melalui pendidikan yang betul dalam jangka masa yang panjang. Sudah jelas sekarang bahawa apa yang harus ditekankan dalam pertemuan kerap dengan ibu bapa adalah kemajuan yang dicapai oleh anak-anak mereka, tidak kira betapa kecil pun. Apabila perbualan anda berkembang, anda boleh meneroka dengan ibu bapa bagaimana untuk meningkatkan pencapaian-pencapaian ini. Apabila mod komunikasi positif seperti itu telah terbentuk, guru akan dapat berkongsi dengan ibu bapa, dengan sangat berhati-hati, sebarang kesulitan yang dia perhatikan pada anak-anak mereka. Tujuannya haruslah untuk mencari kaedah kolaborasi yang akan membantu seorang kanak-kanak mengatasi kesukarannya. Bincangkan dengan kumpulan anda kepentingan mewujudkan mod komunikasi yang membina seperti itu dengan ibu bapa.

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 27**

Seperti yang disebutkan pada permulaan unit ini, bukan semua yang menyertai kursus ini akan berhasrat untuk menubuhkan sebuah kelas kanak-kanak. Bagi mereka yang melaksanakannya, sebilangan mungkin memilih untuk mengadakan kelas hanya untuk satu tempoh sebelum beralih ke lingkungan khidmat yang lain. Yang lain tetap akan mendedikasikan diri mereka kepada bidang usaha ini, mengekalkan kelas-kelas yang memupuk kanak-kanak akan cinta kepada Tuhan dalam jangka masa yang panjang. Namun, tanpa menghiraukan jalan yang dilalui para peserta, semua akan berkesempatan untuk berinteraksi dengan ahli komuniti mereka yang lebih muda, sama ada dalam memanggil jiran, dalam menghadiri mesyuarat dan perjumpaan, atau sebagai adik beradik dan ibu bapa. Apa jua keadaannya, konsep dan idea yang diterokai dalam unit ini akan memberikan para peserta pengertian mengenai tanggungjawab komuniti mereka untuk menjaga, seperti yang dikatakan oleh Balai Keadilan Sedunia kepada kita, "harta yang paling berharga". Semoga kita semua, ketika kita melihat dengan penuh harapan pada masa depan umat manusia yang cerah, memperoleh inspirasi dan bekalan daripada petikan yang berikut:

**"Kami menetapkan kepada semua orang apa yang akan membawa kepada keluhuran Kalimat Tuhan antara hamba-hamba-Nya, dan juga, kepada kemajuan dunia kewujudan dan perangsangan jiwa. Untuk mencapainya, sarana terbaik adalah pendidikan bagi kanak-kanak."**<sup>38</sup>

**"Pendidikan dan latihan kanak-kanak adalah antara tindakan umat manusia yang patut dipuji dan menarik kurnia dan anugerah Yang Maha Berbelas Kasihan, kerana pendidikan adalah asas yang sangat diperlukan bagi semua keunggulan manusia dan memungkinkan manusia untuk mencapai ke ketinggian kemuliaan yang kekal. Sekiranya seorang kanak-kanak dilatih sejak bayi lagi, dia akan, melalui penjagaan penuh kasih dari Tukang Kebun Suci, meminum dari air jernih dari roh dan pengetahuan, seperti pohon muda di tengah-tengah anak sungai yang mengalir. Dan tentunya dia akan mendekatkan diri pada sinaran terang Suria Kebenaran, dan melalui cahaya dan kehangatannya akan tumbuh segar dan saksama selalu di kebun kehidupan. . . .**

**"Sekiranya, dalam tugas penting ini, satu usaha besar diusahakan, dunia umat manusia akan bersinar dengan perhiasan-perhiasan lain, dan menyinari cahaya yang paling terang. Barulah tempat yang gelap-gelita ini menjadi bercahaya, dan kediaman bumi ini bertukar menjadi Syurga."**<sup>39</sup>

## RUJUKAN

1. From a message dated 21 April 2000, published in *Messages from the Universal House of Justice, 1986–2001: The Fourth Epoch of the Formative* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2010), no. 331.26, p. 727.
2. Bahá’u’lláh, in “A Compilation on Bahá’í Education”, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice, published in *The Compilation of Compilations* (Maryborough: Bahá’í Publications Australia, 1991), vol. 1, no. 576, p. 251.
3. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2010, 2015 printing), no. 106.1, p. 187.
4. ‘Abdu’l-Bahá, in “A Compilation on Bahá’í Education”, published in *The Compilation of Compilations*, vol. 1, no. 614, pp. 273–74.
5. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1983, 2017 printing), CXXII, par. 1, p. 294.
6. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 108.1, p. 188.
7. Ibid., no. 110.2, p. 190.
8. Ibid., no. 100.2, p. 179.
9. Ibid., no. 99.1, pp. 178–79.
10. Ibid., no. 103.5, p. 183.
11. Ibid., no. 122.1, pp. 198–99.
12. Words of ‘Abdu’l-Bahá, cited in *Star of the West*, vol. 8, no. 4 (17 May 1917), p. 41.
13. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CXXXVI, par. 2, p. 334; also in *Bahá’í Prayers: A Selection of Prayers Revealed by Bahá’u’lláh, the Báb, and ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2002, 2017 printing), p. iii.
14. From a talk given on 5 August 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace: Talks Delivered by ‘Abdu’l-Bahá during His Visit to the United States and Canada in 1912* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2012), par. 6, p. 345.
15. ‘Abdu’l-Bahá, in *Prayer and Devotional Life: A Compilation of Extracts from the Writings of Bahá’u’lláh, the Báb, and ‘Abdu’l-Bahá and the Letters of Shoghi Effendi and the Universal House of Justice*, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2019), no. 24, p. 7.

16. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XLIII, par. 9, p. 109.
17. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 24 April 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 1, p. 71.
18. Bahá'u'lláh, *The Hidden Words* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2003, 2012 printing), Arabic no. 3, p. 4.
19. Ibid., Arabic no. 12, p. 6.
20. Ibid., Arabic no. 11, p. 6.
21. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXXVIII, par. 6, p. 313.
22. *The Call of the Divine Beloved: Selected Mystical Works of Bahá'u'lláh* (Haifa: Bahá’í World Centre, 2018), no. 2.43, p. 31.
23. *The Hidden Words*, Arabic no. 59, p. 17.
24. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 26 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 1, p. 204.
25. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 129.2, p. 204.
26. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CLV, par. 4, pp. 376–77.
27. Ibid., CLIII, par. 5, p. 369.
28. *The Hidden Words*, Arabic no. 9, p. 5.
29. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 24 April 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 4, p. 73.
30. Bahá'u'lláh, *Epistle to the Son of the Wolf* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1988, 2016 printing), p. 27.
31. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1988, 2005 printing), no. 8.53, p. 126.
32. ‘Abdu’l-Bahá, *The Secret of Divine Civilization* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2007, 2016 printing), par. 74, p. 53.
33. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 111.1, p. 191.
34. Ibid., no. 95.2, pp. 176–77.
35. Ibid., no. 111.4, pp. 191–92.
36. Ibid., no. 124.1, p. 200.

37. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers*, p. 29.
38. From a Tablet revealed by Bahá’u’lláh, in *Social Action: A Compilation Prepared by the Research Department of the Universal House of Justice* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2020), no. 178, p. 107.
39. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 103.1–3, p. 182.



# Beberapa Pelajaran untuk Kelas Kanak-kanak Gred 1

## Tujuan

Bagi memperkembangkan keupayaan untuk mengajar kelas bagi kanak-kanak yang berumur lima atau enam tahun yang berfokus kepada pemurnian perwatakan, termasuklah menghafal doa dan petikan dan lagu, cerita, permainan, dan mewarna



## **BAHAGIAN 1**

Dalam unit yang lepas, anda berfikir tentang sifat usaha mengajar anda di gred pertama dan meneliti pelbagai elemen yang membentuk sesuatu pelajaran itu. Unit kedua ini mengandungi dua puluh empat pelajaran, di mana, seperti yang anda tahu, disusun mengikut perkembangan sifat-sifat rohani. Dalam bahagian awal ini, anda akan diberi peluang untuk membiasakan diri dengan isi kandungan pelajaran dan berlatih untuk melaksanakannya. Apa yang kita akan lakukan adalah mengambil empat pelajaran sekaligus dan merenungkan sifat-sifat rohani yang dibicarakan mengenai setiap satu. Kemudian, anda akan digalakkan untuk mengkaji pelajaran-pelajaran secara terperinci dengan para peserta yang lain, dengan mengambil giliran untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti yang berlainan, sebelum anda beralih ke empat pelajaran yang seterusnya.

## **BAHAGIAN 2**

Setiap tempoh kelas dalam Gred 1 haruslah dimulakan dengan doa pembukaan yang dilafazkan oleh guru. Sebagai bantuan, satu doa baharu akan dicadangkan untuk anda lafazkan bagi setiap empat pelajaran, sebanyak enam doa kesemuanya. Sekiranya anda mampu menghafal doa-doa ini, ia akan sangat mendorong kanak-kanak dalam usaha penghafalan mereka sendiri. Bagi Pelajaran 1 hingga 4, doa yang berikut adalah dicadangkan:

**“Ya Tuhan! Didiklah kanak-kanak ini. Kanak-kanak ini ialah pohon-pohon dalam kebun-Mu, bunga-bunga dalam halaman-Mu, bunga-bunga mawar dalam taman-Mu. Turunkanlah hujan-Mu pada mereka; pancarkanlah Matahari Kebenaran pada mereka dengan cinta-Mu. Biarlah hembusan-Mu menyegarkan mereka, supaya mereka dapat dididik, tumbuh dan berkembang, serta kelijatan seindah-indahnya. Engkaulah Maha Pemberi. Engkaulah Maha Pengasih.”<sup>1</sup>**

Setelah membaca doa di atas, anda akan mendorong sebilangan kanak-kanak untuk menyebut satu doa yang mereka hafal. Pada awalnya, mungkin bukan semua anak muda berupaya untuk menyumbang pada bahagian kelas ini. Namun, secara beransur-ansur, semakin ramai akan dapat melakukannya, kerana mereka komited untuk mengingati doa yang mereka pelajari dalam gred ini. Daripada pembelajaran anda dalam unit sebelumnya, anda sudah biasa dengan yang berikut, yang mereka akan menumpukan usaha dalam beberapa pelajaran pertama ini.

**“Dia adalah Tuhan! Ya Tuhan, Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku hati yang murni, bagaikan sebutir mutiara.”<sup>2</sup>**

Tempoh yang dikhaskan untuk doa pembukaan adalah yang paling penting; ia akan mewujudkan satu suasana pengabdian kepada Tuhan, satu suasana yang kondusif untuk pembelajaran. ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita bahawa mengumpul kanak-kanak bersama-sama dan mengajar mereka doa “membawa keriangan” kepada hati mereka. Perbualan dengan Tuhan “menimbulkan kepekaan kebijaksanaan yang lebih tinggi”.

Kanak-kanak harus dibantu dalam memperkembangkan rasa hormat yang mendalam terhadap Tuhan dan memperlakukan diri mereka dengan sewajarnya ketika berdoa. Mereka

mungkin perlu dibantu untuk memusatkan hati dan fikiran mereka pada Kalimat Suci, sama ada mereka berdoa sendiri atau mendengar doa yang dilafazkan oleh kanak-kanak yang lain. Guru boleh bertanya kepada kanak-kanak bagaimana mereka boleh menunjukkan rasa hormat — misalnya, bagaimana mereka harus duduk, apa yang harus mereka lakukan dengan tangan mereka agar ia tidak menjadi gangguan, dan apa yang harus mereka lakukan dengan mata mereka jika mereka mendapatinya merayau-rayau. Guru juga boleh meminta mereka menunjukkan bagaimana mereka menyediakan diri untuk berdoa. Anda harus ingat bahawa lebih baik hanya tiga atau empat orang kanak-kanak yang mengucapkan doa dalam suasana kerohanian berbanding setiap kanak-kanak mengucapkannya dengan bunyi bising dan pergerakan. Oleh itu, anda dinasihatkan untuk memilih terlebih dahulu kanak-kanak yang akan melafazkan doa pada permulaan setiap tempoh kelas. Anda akan ingin memastikan bahawa setiap kanak-kanak diberikan peluang untuk melafazkan doa sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga atau empat kelas.

Sepanjang tahun, ia adalah penting untuk anda berbual dengan para pelajar anda dari semasa ke semasa mengenai sifat doa dan mengapa kita berdoa. Gambarkan dalam ruangan berikut apa yang akan anda katakan kepada mereka semasa beberapa minggu pertama.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

### **BAHAGIAN 3**

Sekarang baca empat pelajaran pertama dengan teliti, satu demi satu, dengan ahli-ahli kumpulan yang lain. Anda harus memberi perhatian khusus kepada komen pengenalan dan petikan yang akan dihafal oleh para pelajar. Sudah tentu, anda tahu bahawa pelajaran pertama tertumpu pada tema kemurnian. Tuliskan sifat kerohanian yang berkisar sekitar tiga pelajaran berikutnya.

Pelajaran 1: Kemurnian

Pelajaran 2: \_\_\_\_\_

Pelajaran 3: \_\_\_\_\_

Pelajaran 4: \_\_\_\_\_

Dalam mempersiapkan diri untuk mengajar pelajaran-pelajaran ini, anda harus meluangkan sedikit masa untuk merenung pada sifat yang dibicarakan dalam setiap satu pelajaran, seperti yang telah anda lakukan pada kemurnian hati dalam unit pertama. Berikut adalah beberapa petikan daripada Tulisan Suci mengenai tiga sifat yang lain. Dicadangkan agar anda membaca setiap beberapa kali dengan kumpulan anda dan merenung petikan bersama-sama, mengingati petikan yang akan dihafal oleh para pelajar anda. Selepas itu, tuliskan beberapa pemikiran anda mengenai kepentingan sifat tersebut dalam kehidupan individu, secara amnya, dan usaha anda sebagai seorang guru, khususnya. Ingatlah bahawa petikan-petikan ini bukan bertujuan untuk anak-anak muda di kelas anda tetapi sebagai renungan anda sendiri.

Berkenaan keadilan, kita membaca:

**“Cahaya manusia adalah keadilan. Janganlah padamkannya dengan angin penindasan dan kezaliman yang bertentangan. Tujuan keadilan adalah kemunculan kesatuan di antara manusia.”<sup>3</sup>**

**“Tiada cahaya yang dapat dibandingkan dengan keadilan. Organisasi dunia dan ketenteraman umat manusia bergantung padanya.”<sup>4</sup>**

**“Bahawa yang melatih dunia adalah keadilan, kerana ia ditegakkan oleh dua tiang, ganjaran dan hukuman. Dua tiang ini merupakan sumber kehidupan kepada dunia.”<sup>5</sup>**

**“Wahai Putera Roh! Dalam pandangan-Ku perkara yang teramat Aku cintai adalah Keadilan; janganlah berpaling daripadanya jika engkau menginginkan Daku, dan janganlah mengabaikannya agar Aku dapat berhubung denganmu. Dengan bantuannya engkau akan melihat dengan matamu sendiri dan bukan dengan mata orang lain, dan engkau akan mengetahui melalui pengetahuanmu sendiri dan bukan melalui pengetahuan tetanggamu. Renungkanlah hal ini di dalam hatimu; bagaimana engkau seharusnya berkelakuan. Sesungguhnya keadilan adalah anugerah-Ku kepadamu dan tanda kebaikan kasih-Ku. Maka tetapkanlahnya di hadapan matamu.”<sup>6</sup>**

---

---

---

---

Mengenai sifat cinta, Tulisan Suci memberitahu kita:

**“Inti cinta adalah agar manusia memalingkan hatinya pada Sang Kekasih, dan melepaskan dirinya daripada semua kecuali Dia, dan tidak menghasratkan apa pun melainkan apa yang adalah hasrat Tuhannya.”<sup>7</sup>**

**“Pada hari ini, untuk mengabdi kepada Kepercayaan Tuhan adalah untuk menimbulkan cinta dan persahabatan dalam kalangan sahabat-sahabat-Nya.”<sup>8</sup>**

**“Kemunculan Manifestasi-manifestasi suci telah selama-selamanya bertujuan untuk menubuhkan persahabatan dan cinta dalam dunia umat manusia.”<sup>9</sup>**

**“Ketahuilah engkau dengan pasti bahawa Cinta merupakan rahsia Revelasi Tuhan yang suci, perwujudan daripada yang Maha Pengasih, pancutan rohani yang mengalir keluar. Cinta adalah cahaya dari syurga, nafas abadi dari Roh Suci yang menerangi roh manusia.”<sup>10</sup>**

---

---

---

---

Dan, berkaitan dengan kebenaran, kita dinasihati:

**“Katakanlah: Biarlah kebenaran dan kesopanan menjadi perhiasan anda.”<sup>11</sup>**

**“Tanpa kebenaran, kemajuan dan kejayaan, di semua alam Tuhan adalah mustahil bagi sebarang jiwa.”<sup>12</sup>**

**“Kebenaran adalah sifat yang terbaik antara sifat-sifat kerana ia merangkumi semua sifat yang lain. Seseorang yang bersifat benar akan dilindungi daripada segala penderitaan moral, akan mengelak daripada setiap perlakuan jahat, dan akan terlindung daripada segala tindakan keji, sebanyak mana kesemua nafsu dan salah laku adalah tentang utama bagi kebenaran, dan seorang yang bersifat benar akan menggenggam kesemuanya dalam kebencian mutlak.”<sup>13</sup>**

---

---

---

---

Sekarang, selain menghafal petikan yang akan dipelajari oleh kanak-kanak dalam pelajaran ini, anda mungkin ingin menghafal sekurang-kurangnya satu petikan daripada setiap set.

## **BAHAGIAN 4**

Dengan renungan di atas, baca semula kisah yang akan anda ceritakan kepada para pelajar anda dalam empat pelajaran pertama. Seperti yang akan anda perhatikan, tiga daripada empat pelajaran diambil daripada kehidupan ‘Abdu’l-Bahá iaitu penjelmaan cita-cita manusia yang tertinggi. Beberapa kanak-kanak yang anda ajar di Gred 1 mungkin belum mengenali keperibadian ‘Abdu’l-Bahá, jadi anda perlu memperkenalkan Dia secara ringkas kepada mereka. Apa yang anda pelajari di unit ketiga Buku 2 telah meningkatkan kesedaran anda sendiri mengenai stesen unik-Nya, dan ketika anda maju dalam mempelajari kursus-kursus dalam urutan ini, anda akan semakin bersyukur kepada Tuhan atas pemberian berharga yang Dia berikan kepada umat manusia dalam rupa bentuk ‘Abdu’l-Bahá. Apakah yang akan anda ceritakan kepada kanak-kanak tentang Dia semasa mereka memulakan pelajaran pertama dalam Gred 1?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Daripada kajian unit pertama anda, anda tahu bahawa, dalam menghubungkan cerita-cerita tersebut kepada kanak-kanak, anda pasti ingin membawa mereka melangkaui peristiwa-peristiwa dan membantu mereka mendapatkan sekilas pandang realiti rohani. Anda sudah diberi kesempatan untuk memikirkan bagaimana cerita tetamu ‘Abdu’l-Bahá dalam Pelajaran 1 akan membantu para pelajar anda memahami kepentingan sifat kemurnian dan apa maknanya untuk berusaha mencapainya. Mari kita meneliti cerita-cerita dalam tiga pelajaran seterusnya dalam cara yang serupa.

Seperti yang akan anda lihat, dalam Pelajaran 2, anda akan bercerita mengenai keprihatinan ‘Abdu’l-Bahá terhadap keadilan, yang merupakan tema pelajaran tersebut. Ia menggambarkan kejadian yang berlaku ketika ‘Abdu’l-Bahá mengembara pada satu hari dari Akká ke Haifa. Terdapat beberapa perincian yang perlu difahami oleh kanak-kanak sekiranya mereka mengikuti cerita tersebut — misalnya, perbezaan antara tempat duduk di kereta kuda biasa dan tempat duduk di kereta kuda persendirian. Ini akan membantu mereka melihat bahawa ‘Abdu’l-Bahá rela melepaskan keselesaan peribadinya agar dapat memberikan bekalan rohani dan kebendaan kepada mereka yang memerlukan. Bagaimana anda akan memastikan kepada para pelajar anda bahawa cara hidup ‘Abdu’l-Bahá — untuk tidak membelanjakan demi diri-Nya Sendiri secara berlebihan dan menyediakan bagi mereka yang memerlukan — menunjukkan sifat rohani keadilan? Apakah beberapa perincian yang harus ada dalam fikiran anda sebelum anda bercerita?

---

---

---

---

---

Cinta adalah tema dalam Pelajaran 3, dan di sini anda akan bercerita kepada kanak-kanak tentang seorang lelaki di ‘Akká yang walaupun tidak menghormati ‘Abdu’l-Bahá, dia merupakan penerima kasih sayang Beliau selama bertahun-tahun. Sudah tentu mudah untuk mempunyai cinta dalam hati kita bagi mereka yang berbuat baik pada kita. Tetapi cinta ‘Abdu’l-Bahá tidak mengenal batas dan tidak bersyarat. Dalam cara anda mengisahkan cerita tersebut, bagaimanakah anda akan memastikan ciri cinta ‘Abdu’l-Bahá ini menjadi jelas kepada kanak-kanak? Bagaimanakah anda dapat membantu mereka dalam menghargai kuasa cinta untuk mengubah hati seseorang yang berkelakuan tidak sepatutnya disebabkan kejahilan? Apakah beberapa perincian yang jika tidak tertinggal, akan membuatkan kanak-kanak sukar untuk mengikuti cerita dan memperoleh pengertian ini?

---

---

---

---

---

Pelajaran 4 yang bertumpu pada sifat kebenaran, termasuklah cerita yang diketahui ramai iaitu si penggembala dan serigala. Cerita tersebut menunjukkan akibat daripada pembohongan penggembala muda itu, akan yang akan sedia difahami oleh kanak-kanak. Tetapi anda ingin mereka melihat dengan lebih jauh dan mengakui ganjaran bersikap benar. Apakah ganjaran ini, dan bagaimanakah anda akan memastikan bahawa kanak-kanak memperoleh ini daripada cerita tersebut?

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 5

Dalam bahagian-bahagian ini anda telah memikirkan tentang sifat rohani yang dibicarakan dalam empat pelajaran pertama dari Gred 1, memperdalam pemahaman anda sendiri tentang kepentingannya. Anda juga telah melihat bagaimana cerita-cerita tersebut memberikan gambaran mengenai sifat-sifat yang anda harapkan agar murid-murid anda dapat berkembang lebih jauh dalam gred ini.

Sebelum anda beralih ke empat pelajaran seterusnya, anda harus meluangkan sedikit masa bersama para peserta yang lain dalam penyediaan untuk mengajar empat pelajaran pertama ini. Dengan menggunakan pendekatan yang dibincangkan di unit sebelumnya, anda boleh bergilir dengan mereka memperkenalkan doa untuk penghafalan dan menyampaikan sifat kerohanian yang dibincangkan dalam setiap pelajaran, bersama dengan petikan yang harus dihafal. Anda harus bercerita antara satu sama lain dan bermain permainan dan menyanyikan lagu bersama-sama sehingga anda dapat mengajarnya dengan satu tahap keyakinan. Fikirkan tentang bagaimana anda akan memperkenalkan lembaran mewarna. Ia mungkin dapat membantu sebelum anda memulakan latihan ini, untuk mengkaji semula Bahagian 17 hingga 24 dalam unit pertama. Selepas berlatih pelbagai elemen seperti yang dicadangkan, setiap seorang ahli kumpulan anda boleh diminta untuk mengajar lebih dari satu pelajaran sementara yang lain berlakon sebagai pelajar. Ia adalah mungkin, dengan melihat kepada keadaan anda untuk mengumpul tiga atau empat kanak-kanak sekaligus dan melalui kajian pelajaran itu bersama dengan mereka.

Dalam melaksanakan amalan di atas, anda mungkin ingin mencatat nota mengenai setiap pelajaran dan merekod pemikiran anda tentang bagaimana mengajarnya. Selanjutnya, bagi beberapa permainan, anda mungkin perlu menyediakan bahan-bahan lebih awal sebelum pelajaran itu. Ramai guru menyediakan satu ruangan khusus dalam buku nota yang digambarkan dalam unit pertama untuk persediaan seumpama itu.

Anda harus ingat bahawa sementara anda pasti akan membawa buku ini dan buku nota anda ke kelas bersama anda, anda sama sekali tidak mahu membaca darinya. Sejauh mana anda dapat menyampaikan isi kandungan dengan mudah dan bersemangat, barulah para pelajar anda akan dapat turut serta dengan aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh itu, latihan dan persediaan sangat penting.

## BAHAGIAN 6

Bagi Pelajaran 5 hingga 8, ia adalah dicadangkan bahawa anda melafazkan doa berikut yang telah dihafal untuk permulaan setiap waktu kelas:

**“Ya Tuhan yang Pengasih! Kanak-kanak comel ini adalah karya jari-jari-Mu yang berkuasa dan tanda-tanda yang indah daripada kebesaran-Mu. Ya Tuhan! Lindungilah kanak-kanak ini dan bantulah mereka dengan kasih sayang-Mu agar mereka dapat dididik dan dapat berkhidmat kepada umat manusia. Ya Tuhan! Kanak-kanak ini bagaikan mutiara, peliharalah mereka dalam cangkerang kasih sayang-Mu.**

**“Engkaulah Pemberi, Yang Maha Pengasih.”<sup>14</sup>**

Anda mungkin ingin berhenti sejenak untuk merenung kata-kata ini berdasarkan usaha-usaha mengajar anda. Bagaimanakah ia akan mempengaruhi cara anda menangani setiap waktu kelas? Bagaimanakah ia akan memperkuatkan cinta kepada Tuhan di dalam hati kanak-kanak yang penuh kasih sayang?

---

---

---

---

---

Dalam pelajaran ini anda akan membantu para pelajar anda menghafal doa berikut, seperti mana yang anda sedia maklum, mereka akan mendapatinya lebih mudah jika mereka mempunyai serba sedikit pemahaman mengenai kepentingannya. Dalam hal ini, anda boleh menulis beberapa pemikiran anda dalam ruangan yang disediakan. Apakah perkataan baru atau tidak biasa bagi mereka, dan bagaimanakah anda dapat menerangkannya kepada mereka melalui situasi di mana kanak-kanak mudah untuk memahaminya? Selain daripada kata-kata seperti itu, anda mungkin perlu membantu mereka memahami bahawa pelita dan bintang kedua-duanya memberikan cahaya dan tanpa cahaya, adanya kegelapan dan kita tidak dapat melihat dan boleh sesat. Oleh itu, dalam doa tersebut, kita meminta Tuhan supaya kita bersinar dengan cahaya kerohanian, dan kita menjadi saksi kepada kekuatan-Nya dan kuasa-Nya untuk berbuat seperti yang dikehendaki-Nya.

**“Ya Tuhan, bimbinglah daku, lindungilah daku, jadikan daku satu lampu bersinar dan satu bintang cemerlang. Engkaulah Maha Kuasa dan Maha Kuat.”<sup>15</sup>**

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 7

Sekarang baca seimbas Pelajaran 5 hingga 8, satu demi satu, dengan memberi perhatian khusus pada idea-idea pengenalan yang anda akan kongsikan dengan para pelajar dan pada petikan-petikan yang mereka akan hafal. Nyatakan di sini sifat-sifat rohani yang dibincangkan dalam setiap pelajaran:

Pelajaran 5: \_\_\_\_\_

Pelajaran 6: \_\_\_\_\_

Pelajaran 7: \_\_\_\_\_

Pelajaran 8: \_\_\_\_\_

Berikut adalah beberapa petikan dari Tulisan Suci yang memberikan pemahaman kepada empat sifat ini. Renungkan pada setiap set seperti yang anda telah lakukan sebelum ini dan tuliskan beberapa pemikiran anda dalam ruangan yang disediakan.

Mengenai sifat kedermawanan, kita membaca:

**“Jadilah dermawan dalam hari-harimu yang dipenuhi dengan segalanya, dan bersabarlah dalam waktu kehilangan.”<sup>16</sup>**

**“Permulaan bagi kedermawanan adalah ketika seseorang membelanjakan kekayaannya untuk dirinya sendiri, untuk keluarganya dan untuk golongan miskin dalam kalangan saudara-saudara dalam Akidahnya.”<sup>17</sup>**

**“ Semakin banyak tentang yang mereka hadapi, maka semakin biarkan mereka menunjukkan kesetiaan mereka yang baik; semakin meningkat penyeeksaan dan malapetaka yang mereka harus hadapi, maka dengan kedermawanan yang meningkat biarkan mereka mengagihkan cawan penuh rahmat. Begitulah semangat yang akan menjadi nyawa dunia, begitulah cahaya yang tersebar pada dasarnya ...”<sup>18</sup>**

**“Jadilah engkau suria-suria kedermawanan, titik-titik menyingsingnya misteri-misteri kewujudan, tapak-tapak di mana inspirasi menyala, tempat-tempat terbit kegemilangan, jiwa-jiwa yang dikekalkan oleh Roh Suci, terpikat pada Tuhan, takterikat kepada segalanya melainkan Dia, suci di atas perwatakan umat manusia, memakai sifat malaikat syurga, agar engkau boleh memenangi untuk dirimu sendiri kurnia tertinggi antara segalanya, dalam waktu baharu ini, zaman yang menakjubkan ini.”<sup>19</sup>**

---

---

---

---

---

Mengenai sikap tidak mementingkan diri sendiri, kita dinasihatı:

**“... engkau harus mempunyai cinta yang takterkira terhadap satu sama lain, setiap seorang mengutamakan yang lain sebelum dirinya sendiri.”<sup>20</sup>**

**“Tuhan! Berilah daku minum daripada cawan tak mementingkan diri sendiri; dengan jubahnya selimutilah daku, dan dalam samuderanya selamkanlah daku. Jadikanlah daku bagaikan debu di jalan para kekasih-Mu, dan izinkanlah daku untuk mengorbankan jiwaku bagi bumi yang dimuliakan oleh jejak langkah orang-orang pilihan-Mu di jalan-Mu, Ya Raja Kemuliaan Yang Tertinggi.”<sup>21</sup>**

**“Seorang insan adalah dia yang melupakan kepentingannya sendiri demi orang lain. Dia mengorbankan kesenangannya sendiri untuk kesejahteraan semua. Tidak, lebih baik, kehidupannya sendiri harus dia menghendaki untuk korbankan demi kehidupan umat manusia. Insan sebegitu adalah kehormatan dunia kemanusiaan. Insan sebegitu merupakan kemuliaan dunia umat manusia. Insan sebegitu adalah dia yang memenangi kebahagiaan sejati. Insan sebegitu**

berada dekat dengan ambang Tuhan. Insan sebegitu adalah penjelmaan sesungguhnya bagi kegembiraan yang abadi.”<sup>22</sup>

---

---

---

---

Dalam petikan berikut, kita melihat sekilas dinamik keriangan:

“Terbang dengan sayap-sayap keriangan di atmosfera cinta Tuhan..”<sup>23</sup>

“Segala keriangan kepada mereka yang telah mencapai hadirat-Nya, memandang pada keindahan-Nya, mendengar pada melodi-Nya, dan telah dibangkitkan oleh Kalimat yang telah diperintahkan daripada bibir-Nya yang suci dan luhur, yang mulia dan gemilang!”<sup>24</sup>

“Keriangan memberi kita sayap! Saat kita riang kekuatan kita meningkat tinggi, intelek kita lebih tajam, dan pemahaman kita menjadi jelas.”<sup>25</sup>

“Sejauh mana yang engkau dapat, nyalakanlah sebuah lilin cinta dalam setiap perjumpaan, dan dengan kelembutan riangkanlah dan hiburkanlah engkau setiap kalbu.”<sup>26</sup>

---

---

---

---

Petikan-petikan berikut memberitahu kita mengenai keikhlasan:

“Katakanlah: Jiwa yang ikhlas menghasrati kedekatan kepada Tuhan sebagaimana bayi yang menyusu mengidamkan buah dada ibunya, tidak lebih kuat lagi hasratnya, jika engkau mengetahuinya! Sekali lagi, hasratnya adalah seperti cungangan orang yang dahaga akan air kehidupan kurnia, atau kerinduan seorang pendosa terhadap pengampunan dan belas kasihan.”<sup>27</sup>

“Pada hari-hari ini kebenaran dan keikhlasan menderita dalam cengkaman kepalsuan, dan keadilan diseksa oleh cemeti ketidakadilan.”<sup>28</sup>

“Wajib bagi semua orang untuk menjalani kehidupan yang pantas berlalu ini dengan keikhlasan dan kesaksamaan.”<sup>29</sup>

**“Hatimu haruslah murni dan niatmu ikhlas agar engkau dapat menjadi penerima anugerah-anugerah ilahi.”<sup>30</sup>**

---

---

---

---

Cuba hafal sekurang-kurangnya satu petikan dari setiap set di atas.

## **BAHAGIAN 8**

Sekarang mari kita lihat pada cerita-cerita dalam Pelajaran 5 hingga 8 dan fikirkan tentang bagaimana ia dapat membantu kanak-kanak memperoleh pemahaman kepada sifat-sifat rohani yang mereka terokai. Selepas membaca semula setiap cerita, pertimbangkan soalan-soalan berikut.

Kedermawanan adalah tema utama cerita dalam Pelajaran 5, yang menggambarkan satu insiden yang berlaku pada zaman kanak-kanak ‘Abdu’l-Bahá’ melibatkan sekawanan kambing biri-biri kepunyaan Ayahanda-Nya. Bahagian cerita apa yang berkaitan dengan tema utama? Apakah beberapa perincian, jika dibiarkan, akan menyukarkan kanak-kanak untuk mengikuti cerita tersebut? Yang paling penting, tentu saja, adalah kepuasan yang ditunjukkan oleh Bahá'u'lláh setelah mengetahui mengenai semangat kedermawanan Anak-Nya terhadap para penggembala. Kenyataan Baginda meramalkan bagaimana ‘Abdu’l-Bahá akan membesar untuk memberikan segala-gala yang dimiliki-Nya bagi kebaikan umat manusia, bukan sahaja dari segi kebendaan tetapi seluruh Kewujudan-Nya. Bagaimanakah anda akan memastikan kanak-kanak menyedari sejauh mana kedermawanan ‘Abdu’l-Bahá yang mana tidak terbatas?

---

---

---

---

Cerita dalam Pelajaran 6 sepintas lalu memberikan cara-cara tidak mementingkan diri sendiri kepada kanak-kanak. Apabila ‘Abdu’l-Bahá menolak untuk menerima jubah yang mahal itu, menunjukkan bagaimana Dia mengutamakan orang lain berbanding diri-Nya sendiri. Bagaimanakah anda memastikan kanak-kanak membuat kesimpulan ini daripada penceritaan anda? Apakah beberapa maklumat yang harus jelas dalam minda anda sebelum anda menyampaikan cerita tersebut?

---

---

---

---

---

---

---

Tema Pelajaran 7 adalah keriangan dan anda akan mengaitkan sebuah cerita tentang Leroy Ioas yang telah bertemu dengan ‘Abdu’l-Bahá semasa masih kecil dan seterusnya mendedikasikan hidupnya kepada penyebaran Akidah Tuhan. Dalam cerita itu, Leroy memutuskan untuk tidak memberi ‘Abdu’l-Bahá jambangan bunga yang telah dibeli untuk Dia; sebaliknya dia ingin memberi hatinya kepada-Nya. Bagi kanak-kanak untuk memahami kenapa Leroy berbuat demikian, ia adalah penting untuk anda memberitahu mereka bahawa hati manusia adalah jauh lebih berharga daripada segala kebendaan. Adakah ia mencukupi untuk anda memberi penekanan pada suara anda ketika anda menceritakan bahagian cerita itu? Apakah perincian yang perlu ditekankan dalam penceritaan anda, jika kanak-kanak mengikuti urutan idea dan menyedari mengapa gerak isyarat ‘Abdu’l-Bahá untuk memberi Leroy dengan mawar merah dari jubah-Nya memberi keriangan kepada anak lelaki itu?

Sepanjang hidup-Nya, ‘Abdu’l-Bahá membawa keriangan kepada semua orang yang berada di hadirat-Nya. Dalam kisah ini, kita melihat bahawa Leroy tidak menginginkan apa pun selain untuk menyenangkan hati ‘Abdu’l-Bahá’. Mengapakah penting bagi kanak-kanak untuk memahami bahawa salah satu sumber keriangan terbesar adalah membawa keriangan kepada orang lain?

---

---

---

---

Keikhlasan adalah fokus Pelajaran 8, dan dalam memperkenalkan cerita itu kepada kanak-kanak, anda mungkin ingin menjelaskan bahawa, kadang-kadang, kita dapat lebih memahami apa maknanya untuk memiliki sesuatu sifat dengan mendengarkan sebuah kisah yang menunjukkan ketika ia kekurangan. Cerita mengenai seorang lelaki yang meyakinkan jirananya untuk menebang pokoknya adalah satu contoh. Bagaimanakah anda membantu kanak-kanak memahami maksudnya bahawa penampilan kadang kala boleh memperdayakan? Dalam menyampaikan cerita itu, anda perlu memastikan kanak-kanak tidak memikirkan bahawa jiran itu yang tidak ikhlas sebenarnya diberi ganjaran? Apakah akan anda beritahu pada kanak-kanak untuk membantu mereka memahami kesan-kesan negatif ketidakikhlasan?

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 9**

Sekarang anda telah mengetahui tentang sifat-sifat kerohanian yang dibincangkan dalam Pelajaran 5 hingga 8, anda harus berhenti di sini untuk berlatih melaksanakan pelajaran dan pelbagai elemennya dengan rakan-rakan anda, seperti yang anda lakukan dengan empat pelajaran yang awal. Ingatlah bahawa dalam buku nota anda, anda boleh menulis apa-apa poin yang anda mahu simpan tentang setiap pelajaran dan merakam pemikiran anda tentang bagaimana untuk mengajarnya.

## **BAHAGIAN 10**

Ia adalah dicadangkan bahawa, untuk Pelajaran 9 hingga 12, anda memulakan setiap waktu kelas dengan melafazkan doa yang berikut, yang mana anda digalakkan untuk menghafal:

**“Ya Tuhan! Jadikanlah keindahan-Mu makananku, dan kehadiran-Mu minumanku, dan keredaan-Mu harapanku, dan pujian kepada-Mu perbuatanku, dan pengingatan kepada-Mu temanku, dan kuasa kedaulatan-Mu penolongku, dan kediaman-Mu rumahku, dan tempat tinggalku yakni tempat duduk yang telah Engkau sucikan daripada batasan-batasan yang dikenakan pada mereka yang dipisahkan dengan tabir daripada-Mu.”**

**“Engkau adalah, sesungguhnya, Yang Maha Kuat, Yang Maha Mulia, Yang Maha Berkuasa.”<sup>31</sup>**

Dalam empat pelajaran ini, anda akan membantu pelajar anda menghafal doa berikut. Apakah perkataan atau frasa yang anda perlu bagi menjelaskan kepada kanak-kanak bagi mereka untuk memahami kepentingan doa tersebut?

**“Diberkatilah titik, dan rumah, dan tempat, dan kota, dan hati, dan gunung, dan perlindungan, dan gua, dan lembah, dan tanah, dan laut, dan pulau, dan padang rumput tempat nama Tuhan dilafazkan, dan kemuliaan-Nya diagungkan.”<sup>32</sup>**

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 11**

Seperti yang telah anda lakukan sebelumnya, baca sekilas Pelajaran 9 hingga 12, dengan memberi perhatian khusus kepada kata-kata pendahuluan dan petikan-petikan untuk dihafal. Berikut nyatakan sifat kerohanian yang menjadi tumpuan setiap pelajaran.

Pelajaran 9: \_\_\_\_\_

Pelajaran 10: \_\_\_\_\_

Pelajaran 11: \_\_\_\_\_

Pelajaran 12: \_\_\_\_\_

Untuk mendalami pemahaman anda sendiri tentang kepentingan empat sifat di atas, renungkan pemilihan petikan yang berkaitan dengan setiap satu. Semasa anda melakukannya, ingatlah petikan yang akan dipelajari melalui hafalan oleh pelajar anda. Selepas itu tuliskan pendapat anda tentang pentingnya sifat itu dalam kehidupan individu dan untuk seorang guru anak-anak muda.

Mengenai sifat kerendahan hati, Tulisan Suci memberitahu kita:

**“Kerendahan hati menaikkan manusia ke syurga kemuliaan dan kekuasaan, manakala keangkuhan merendahkannya ke kedalaman penghinaan dan kemerosotan.”<sup>33</sup>**

**“Setiap jiwa yang berjalan dengan rendah hati bersama Tuhannya, pada Hari ini, dan berpegang pada Dia, akan menemui dirinya sendiri dianugerahkan dengan kehormatan dan kemuliaan segala nama dan kedudukan yang baik.”<sup>34</sup>**

**“Mereka yang adalah kekasih Tuhan, di mana-mana tempat mereka berhimpun dan dengan siapa pun mereka berjumpa, harus menunjukkan, dalam sikap mereka terhadap Tuhan, serta dalam cara mereka merayakan kepujian dan kemuliaan-Nya, sifat kerendahan dan kepatuhan yang sedemikian sehingga setiap atom debu di bawah kaki mereka dapat menjadi saksi kepada kedalaman bakti mereka.”<sup>35</sup>**

**“Adalah tentu bahawa keunggulan tertinggi manusia adalah untuk merendahkan diri di hadapan dan patuh kepada Tuhannya . . .”<sup>36</sup>**

---

---

---

---

---

Mengenai kepentingan kesyukuran, kita membaca:

**“Ketahuilah engkau, bahawa Aku telah meniupkan kepadamu segala keharuman kesucian, telah mewahyukan sepenuhnya kepadamu kalimat-Ku, telah menyempurnakan melaluimu rahmat-Ku dan telah menghasratkan bagimu apa yang Aku telah hasratkan bagi Diriku Sendiri.”<sup>37</sup>**

**“Biarlah Tuhan menjadi segala mencukupi untukmu. Berhubunglah secara akrab dengan Roh-Nya, dan jadilah antara yang bersyukur.”<sup>38</sup>**

**“Oleh sebab itu, bersyukurlah kepada Tuhan, kerana telah memperkuatkan engkau untuk membantu Kepercayaan-Nya, kerana telah menjadikan bunga-bungaan pengetahuan dan pemahaman mekar di taman hatimu. Demikianlah kurnia-Nya telah menyelubungimu, dan menyelubungi seluruh ciptaan.”<sup>39</sup>**

**“Kebenarannya adalah bahawa Tuhan telah mengurniakan manusia dengan sifat-sifat murni, kuasa-kuasa dan fakulti-fakulti ideal yang alam semula jadi dinafikan dan yang dengannya manusia dinaikkan, diunggulkan, dan lebih tinggi. Kita harus bersyukur kepada Tuhan untuk pemberian-pemberian ini, untuk kuasa-kuasa ini yang telah Dia berikan kepada kita, mahkota ini yang telah Dia letakkan di atas kepala kita.”<sup>40</sup>**

---

---

---

---

---

Petikan-petikan berikut memberitahu kita tentang pengampunan:

**“Dia harus memaafkan pendosa, dan tidak memandang hina keadaan rendahnya, kerana tidak ada seorang pun mengetahui bagaimana pengakhiran dirinya sendiri.”<sup>41</sup>**

**“Intipati terdalam bagi segala benda menyuarakan dalam segala benda testimoni: ‘Segala kemaafan mengalir, pada Hari ini, daripada Tuhan, Dia Yang tiada dapat tandingi, dengan Dia tiada pasangan seiring, Pelindung Berdaulat semua manusia, dan Penutup dosa-dosa mereka!’”<sup>42</sup>**

**“Oleh sebab itu, janganlah melihat pada kekurangan-kekurangan sesiapapun; lihatlah dengan penglihatan kemaafan. Mata yang tidak sempurna melihat ketidaksempurnaan. Mata yang menutup kesalahan melihat pada Pencipta semua roh.”<sup>43</sup>**

**“Jangan biarkan hati anda tersinggung oleh sesiapapun. Sekiranya seseorang melakukan kesilapan dan kesalahan terhadap anda, anda mesti segera memaafkan dia.”<sup>44</sup>**

---

---

---

---

---

Dan petikan-petikan ini menggambarkan standard kejujuran yang kita inginkan:

**“Katakanlah: Kejujuran, sifat baik, kearifan dan perwatakan santo menaikkan keluhuran manusia, manakala ketidakjujuran, tipu helah, kejahilan dan kemunafikan membawa kepada penghinaan.”<sup>45</sup>**

**“Wahai engkau sahabat-sahabat Tuhan di kota-kota-Nya dan para kekasih-Nya di tanah-Nya! Yang Dipersalahkan ini memerintahkan kepadamu kejujuran dan kewarakaran. Diberkatilah kota yang bersinar dengan cahayanya. Melaluinya manusia diluhurkan, dan pintu keselamatan telah dibuka di hadapan wajah segala ciptaan. Gembiralah orang yang berpegang teguh padanya, dan mengenal sifat baiknya, dan kecelakaan menimpa dia yang menafikan kedudukannya.”<sup>46</sup>**

**“Kebolehpercayaan, kearifan dan kejujuran adalah, sebenarnya, perhiasan Tuhan yang indah bagi makhluk-makhluk-Nya. Pakaian kesaksamaan ini adalah jubah yang sesuai bagi setiap jasmani. Bergembiralah mereka yang memahami, dan berbahagialah mereka yang memperoleh sifat-sifat murni sedemikian.”<sup>47</sup>**

---

---

---

---

---

Cuba hafal sekurang-kurangnya satu petikan dari setiap set di atas.

## BAHAGIAN 12

Sekarang mari kita lihat bagaimana cerita-cerita dalam empat pelajaran ini dapat memberi pemahaman kepada pelajar anda tentang sifat-sifat kerohanian di atas.

Cerita dalam Pelajaran 9 menggambarkan kejadian yang berlaku ketika ‘Abdu’l-Bahá bertemu dengan beberapa tetamu yang berada; ia akan memberi gambaran kepada kanak-kanak kerendahan hati-Nya. Bahawa ‘Abdu’l-Bahá tidak mahu diperlakukan dengan kemegahan dan peragaan kemewahan merupakan idea utama. Dengan cara apakah kerendahan hati-Nya ditunjukkan? Tentunya, bentuk tertentu peragaan kemewahan—mangkuk, air, dan tuala wangi—hanyalah perincian yang menarik dan tidak boleh mengalihkan perhatian dari tema utama dalam penceritaan anda. Sebaliknya adalah kesimpulan yang harus dititikberatkan. Bagaimanakah hal ini dapat meningkatkan pemahaman kanak-kanak tentang kerendahan hati ‘Abdu’l-Bahá dan keinginan-Nya untuk berkhidmat kepada orang lain?

---

---

---

---

---

Tema Pelajaran 10 adalah kesyukuran, dan kanak-kanak akan mendengar satu cerita mengenai seorang wanita yang melawat ‘Abdu’l-Bahá dan mula berkongsi dengan-Nya kesemua masalah dan kesengsaraannya. Kemudian ‘Abdu’l-Bahá memperkenalkannya dengan Mírzá Haydar-‘Alí, walaupun mengalami kehidupan yang amat sukar, namun tidak pernah berhenti bersyukur terhadap segala berkat yang telah dia terima dari Tuhan. Dalam menyampaikan cerita, anda akan mahukannya menjadi jelas bagi para pelajar anda bahawa ‘Abdu’l-Bahá tidak memperkenalkan Mírzá Haydar-‘Alí kepada wanita itu secara kebetulan. Apakah yang anda fikir wanita itu telah pelajari dari perjumpaan dengannya? Bagaimanakah cerita tersebut cuba menyampaikan pelajaran ini?

---

---

---

---

Kemaafan adalah tema Pelajaran 11, dan anda akan beritahu para pelajar anda satu cerita mengenai ‘Abdu’l-Bahá yang menunjukkan kesan kemaafan ke atas mereka yang kita maafkan. Terdapat banyak perincian pada cerita itu yang memerlukan anda untuk menyampaikan cerita dengan jelas sekiranya kanak-kanak mengikuti turutan idea. Ia melibatkan seorang gabenor di ‘Akká yang merancang untuk melakukan ancaman besar terhadap ‘Abdu’l-Bahá dan para pengikut-Nya di kota itu. Dalam cerita itu, bukan sahaja ‘Abdu’l-Bahá memaafkan gabenor itu atas tindakannya; tetapi Dia melayani gabenor itu, yang telah kehilangan segala-galanya, dengan kebaikan dan membantu dia dalam masa kesusahannya. Apa yang harus anda harapkan kanak-kanak faham dari cerita itu ialah kemaafan, seperti yang ditunjukkan oleh ‘Abdu’l-Bahá, melampaui tidak memendam perasaan buruk terhadap mereka yang menzalimi kita. Bagaimanakah anda akan tahu sama ada mereka telah memahami idea ini?

---

---

---

---

Dalam cerita untuk Pelajaran 12, kanak-kanak akan melihat bagaimana ‘Abdu’l-Bahá menjawab seorang pemandu yang menuntut harga yang tidak setimpal untuk sebuah perjalanan menggunakan kereta kuda. Walaupun intipati kebaikan dan kesopanan, ‘Abdu’l-Bahá tidak pernah membriarkan orang bertindak tidak jujur atau menipu terhadap Dia atau terhadap orang lain. Apakah yang anda fikir pemandu itu telah pelajari dari jawapan ‘Abdu’l-Bahá? Bagaimanakah anda akan membantu kanak-kanak memahami bahawa apa yang kita

benar-benar kehilangan dengan bersikap tidak jujur jauh lebih besar daripada segala kebendaan, seperti wang tambahan lumayan yang pemandu itu kehilangan?

---

---

---

---

## BAHAGIAN 13

Selepas anda telah berlatih melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam Pelajaran 9 hingga 12 dengan para peserta, anda boleh meneruskan ke empat pelajaran yang berikutnya. Adalah dicadangkan bahawa untuk Pelajaran 13 hingga 16, anda memulakan setiap waktu kelas dengan melafazkan doa berikut dari hafalan:

**“Ya Tuhanku yang berbelas kasihan! Ini adalah bunga gondok yang telah tumbuh di taman keredaan-Mu dan sebatang ranting yang telah muncul di kebun pengetahuan sejati. Sebabkanlah ia, Ya Tuhan yang rahmat, untuk disegarkan secara berterusan dan pada setiap masa melalui bayu-bayu-Mu yang menghidupkan, dan jadikanlah ia subur, segar dan berkembang melalui curahan awan-awan anugerah-Mu, Ya Engkau Tuhan yang baik hati!**

**“Sesungguhnya Engkau adalah yang Maha Mulia.”<sup>48</sup>**

Berikut adalah doa di mana para pelajar anda akan belajar melafazkannya secara hafalan dalam Pelajaran 13 hingga 16. Bagi membantu mereka memperoleh pemahaman tentang kepentingannya, anda harus mengenalpasti apa-apa perkataan atau frasa yang baru atau tidak biasa bagi para pelajar anda dan merangka ayat yang sesuai untuk diterangkan kepada mereka. Sudah tentu, mereka dengan mudahnya akan memahami gambaran itu dalam doa, yang akan bergema dengan yang anda akan baca dari ingatan dalam pelajaran ini.

**“Ya Tuhan! Tanamlah benih muda ini di taman rahmat-Mu yang berlipat ganda, siramlah ia dari pancutan-pancutan air kebaikan hati-Mu dan kurniakanlah agar ia dapat tumbuh menjadi tumbuhan yang baik melalui curahan-curahan anugerah dan kurnia-Mu.**

**“Engkau adalah yang Kuat dan Berkuasa.”<sup>49</sup>**

---

---

---

---

## BAHAGIAN 14

Tuliskan sifat-sifat yang disebut dalam Pelajaran 13 hingga 16, selepas anda telah baca setiap satu dengan cara biasa bersama-sama para peserta yang lain.

Pelajaran 13: \_\_\_\_\_

Pelajaran 14: \_\_\_\_\_

Pelajaran 15: \_\_\_\_\_

Pelajaran 16: \_\_\_\_\_

Petikan-petikan yang berikut akan memberikan anda peluang untuk merenung dengan lanjut mengenai sifat-sifat kerohanian yang dibincangkan dalam pelajaran-pelajaran ini, seperti yang telah anda buat sebelum ini.

Mengenai kepentingan menunjukkan belas kasihan, kita membaca:

**“Pancarkanlah cahaya-cahaya belas kasihan agar kalbu-kalbu boleh dibersihkan dan dimurnikan dan agar mereka boleh mengambil agihan dan bahagian daripada pengesahan-pengesahan-Mu.”<sup>50</sup>**

**“Jadilah penyayang, supaya tindakan kamu akan bersinar seperti cahaya yang mengalir keluar dari pelita.”<sup>51</sup>**

**“Kamu adalah buah-buahan sepohon dan daun-daun sedahan; jadilah kamu berbelas kasihan dan baik hati kepada seluruh umat manusia.”<sup>52</sup>**

**“Sekarang haruslah para pencinta Tuhan bangkit untuk menjalankan arahan-arahan-Nya ini: biarlah mereka menjadi ayah yang baik hati kepada anak-anak bangsa manusia, dan abang-abang yang mengasihi kepada belia-belia, dan anak-anak yang melupakan diri sendiri kepada mereka yang sudah lanjut usia.”<sup>53</sup>**

---

---

---

---

Mengenai sifat ketakterikatan, kita dinasihati:

**“Lepaskanlah dirimu daripada segalanya selain Aku, dan hadapkanlah wajahmu kepada wajah-Ku, kerana ini lebih baik untukmu berbanding benda-benda yang engkau miliki.”<sup>54</sup>**

**“Janganlah menggembirakan dirimu sendiri dengan perkara-perkara dunia dan perhiasan sia-sianya, dan janganlah meletakkan harapanmu kepadanya. Biarlah engkau bergantung pada mengingati Tuhan, yang Maha Luhur, yang Maha Agung.”<sup>55</sup>**

**“Inti ketakterikatan adalah agar manusia menghadapkan wajahnya kepada singgahsana-singgahsana Tuhan, untuk memasuki Hadirat-Nya, melihat Wajah-Nya, dan berdiri sebagai saksi di hadapan-Nya.”<sup>56</sup>**

**“Ketakterikatan adalah umpama suria; pada sebarang kalbu yang ia bersinar, ia memadamkan api ketamakan dan keakuan. Dia yang penglihatannya diterangi cahaya pemahaman akan pastinya mengasingkan dirinya daripada dunia dan segala keangkuhannya.... Janganlah membiarkan dunia dan kekejiannya menyedihkan dirimu. Berbahagialah dia yang kekayaan tidak mengisinya dengan kemegahan sia-sia, mahupun kemiskinan mengisinya dengan kesedihan.”<sup>57</sup>**

---

---

---

---

---

Petikan yang berikut memberitahu kita tentang sifat kepuasan:

**“Wahai Putera Manusia! Jika engkau memecut melalui keluasan angkasa dan menjelajahi kebesaran syurga, namun engkau tidak akan mendapat rehat melainkan dalam penyerahan pada perintah Kami dan kerendahan hati di hadapan Wajah Kami.”<sup>58</sup>**

**“Wahai hakikat hawa nafsu! Singkirkanlah kesemua kedambaan terhadap hak orang lain dan carilah kepuasan; kerana mereka yang mendambakan hak orang lain selalu dinafikan, dan mereka yang berpuas selalu dicintai dan dipuji.”<sup>59</sup>**

**“Jejakilah, oleh itu, jalan keakuran dan keredaan. Janganlah membiarkan kesusahan menyedihkan hatimu, mahupun meletakkan harapanmu ke atas pemberian-pemberian duniawi. Berbahagialah dan berpuaslah dengan apa pun yang Tuhan telah menghendaki, agar hati dan jiwamu dapat mencari ketenteraman serta batin dan hati nuranimu dapat mengalami keriangan sejati.”<sup>60</sup>**

---

---

---

---

---

Petikan berikut menerangkan pemahaman kita tentang kebaikan:

**“Kami bersukacita melihat engkau pada setiap masa bergaul dalam persahabatan dan kerukunan di syurga keredaan-Ku, dan untuk menghirup daripada tindakan-tindakanmu keharuman kemesraan dan kesatuan, kebaikan hati dan persahabatan.”<sup>61</sup>**

**“Jadilah engkau baik dengan tulusnya, bukan sahaja dalam penampilan. Biarlah setiap orang yang dikasihi Tuhan memusatkan perhatiannya pada hal ini: untuk menjadi belas kasihan Tuhan kepada manusia; untuk menjadi rahmat Tuhan. Biarlah dia melakukan sesuatu yang baik kepada setiap orang yang dia temui, dan memberi manfaat kepadanya.”<sup>62</sup>**

**“... mengapakah manusia harus menjadi tidak adil dan tidak baik kepada satu sama lain, menunjukkan apa yang bertentangan dengan Tuhan? Sebagaimana Dia mencintai kita, mengapakah kita harus melayan permusuhan dan kebencian? Jika Tuhan tidak mencintai semua, Dia tidak akan mencipta, melatih dan membekalkan semua. Kasih sayang merupakan polisi ilahi.”<sup>63</sup>**

**“Janganlah berpuas hati dengan menunjukkan persahabatan melalui kata-kata sahaja, biarlah hati kamu membakar dengan cinta kasih sayang kepada setiap orang yang melintas di jalanmu.”<sup>64</sup>**

---

---

---

---

---

Cuba hafal sekurang-kurangnya satu petikan dari setiap set di atas.

## **BAHAGIAN 15**

Setelah memperdalam pemahaman anda tentang sifat-sifat rohani yang dibahas dalam Pelajaran 13 hingga 16, baca semula empat cerita itu dan bincangkan soalan berikut dengan kumpulan anda:

Tema Pelajaran 13 adalah belas kasihan, dan cerita yang anda akan sampaikan melibatkan seorang wanita yang dihalau dari rumah di mana ‘Abdu’l-Bahá sedang tinggal apabila dia mengetuk pada pintu dengan harapan untuk berjumpa dengan Dia. Bahagian cerita apa yang menggambarkan sikap belas kasihan-Nya terhadap wanita itu? Apakah perincian yang akan membantu kanak-kanak mengikuti cerita itu dan memahami bahawa sebuah hati yang berbelas kasihan, sangat sensitif kepada mereka yang dalam kesusahan, kedukaan, atau kesedihan?

---

---

---

---

---

Pelajaran 14 berfokus kepada sifat kerohanian iaitu ketakterikatan. Cerita tersebut melibatkan dua sahabat yang memutuskan untuk menjelajah ke Tanah Suci, seorang daripada mereka kaya dan seorang lagi tidak berapa. Sudah tentu, untuk memperoleh pemahaman mengenai sifat ketakterikatan, kanak-kanak perlu menyedari bahawa penjelajahan ke Tanah Suci adalah simbolik iaitu mendekatkan diri kepada Tuhan. Apa yang anda ingin kanak-kanak fahami adalah bahawa ketakterikatan tidak bergantung pada seberapa banyak atau seberapa sedikit yang kita miliki, tetapi sama ada kita membiarkan harta milik kita menarik kita daripada mendekatkan diri kepada Tuhan. Bagaimanakah cerita itu akan membantu memupuk pemahaman ini?

---

---

---

---

---

Cerita dalam Pelajaran 15 akan menyediakan kanak-kanak dengan pemahaman kepada sifat kepuasan, yang merupakan tema utama. ‘Abdu’l-Bahá memberitahu pengikut-pengikut-Nya bahawa Dia berasa gembira semasa dipenjarakan di kota-kubu ‘Akká kerana Dia meluangkan hari-hari tersebut di jalan khidmat. Bagaimanakah penyataan ini memberi kesan kepada pemahaman kanak-kanak tentang kepuasan? Bagaimanakah mereka akan melihat, walaupun dipenjara secara fizikal, roh ‘Abdu’l-Bahá tidak pernah terkurung?

---

---

---

---

---

Dalam menghubungkaitkan cerita dalam Pelajaran 16, yang melibatkan seorang lelaki di ‘Akká yang penuh dengan kemarahan dan kebencian, anda perlu menekankan perincian tertentu; jika tidak kanak-kanak boleh terlepas bagaimana ia menghubungkaitkan kepada tema utama iaitu kebaikan. Apakah perincian ini? Pelajaran apa yang diajarkan oleh ‘Abdu’l-Bahá kepada lelaki yang berpegang teguh pada kemarahan dan kebenciannya selama ini?

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 16

Ia adalah diharapkan analisis anda terhadap Pelajaran 13 hingga 16 membawa hasil dan anda serta peserta anda yang lain seronok mengamalkan pelbagai elemen bersama-sama. Bagi Pelajaran 17 hingga 20 pula, anda boleh melafazkan doa berikut dari ingatan pada permulaan setiap waktu kelas:

**“Ya Tuhan! Ya Tuhan! Ini hamba-Mu, telah maju ke arah-Mu, mengembara dengan penuh semangat dalam gurun cinta-Mu, melangkah di jalan pengabdian kepada-Mu, menantikan anugerah-Mu, mengharapkan kemurahan-Mu, bergantung kepada kerajaan-Mu, dan dimabukkan oleh wain anugerah-Mu. Ya Tuhan! Tingkatkanlah semangat kasih sayangnya kepada-Mu, keteguhan pujiannya kepada-Mu, dan kegembiraan cintanya kepada-Mu.**

**“Sesungguhnya, Engkau adalah Yang Maha Dermawan, Tuhan rahmat yang tak terhingga. Tiada Tuhan lain kecuali Engkau, Yang Pemaaf, Yang Berbelas Kasihan.”<sup>65</sup>**

Dalam pelajaran-pelajaran ini, kanak-kanak akan fokus mempelajari untuk melafazkan doa berikut secara hafalan, dan anda harus mencatat, seperti yang telah anda lakukan dengan yang lain, bagaimana anda akan memastikan mereka memperoleh pemahaman pada perkataan yang mereka sedang hafal. Do aini adalah lebih Panjang daripada yang sebelumnya, dan sekiranya kanak-kanak mendapatinya atau yang lain, mencabar untuk dihafal dalam peruntukan empat pelajaran itu, maka anda harus membuat apa sahaja penyesuaian yang anda fikir bersetujuan.

**“Nama-Mu adalah kesembuhanku, Ya Tuhan, dan mengenang Engkau adalah penawarku. Kedekatan kepada-Mu adalah harapanku, dan cinta kepada-Mu adalah sahabatku. Rahmat-Mu kepadaku adalah kesembuhanku dan pertolongan bagiku baik di dunia ini mahupun akhirat. Sesungguhnya, Engkaulah yang Maha Dermawan, Yang Maha Tahu, Yang Maha Arif.”<sup>66</sup>**

---

---

---

---

## BAHAGIAN 17

Bagi memulakan kajian semula Pelajaran 17 hingga 20, baca seimbas kesemuanya satu demi satu dengan cara yang biasa, dan tuliskan sifat-sifat kerohanian yang anda akan terokai dengan kanak-kanak.

Pelajaran 17: \_\_\_\_\_

Pelajaran 18: \_\_\_\_\_

Pelajaran 19: \_\_\_\_\_

Pelajaran 20: \_\_\_\_\_

Berikut adalah beberapa petikan yang akan membantu anda dan para peserta anda yang lain memperoleh pemahaman kepada kepentingan sifat-sifat di atas. Ingatlah untuk membincangkannya bukan sahaja dari perspektif kehidupan individu; anda juga harus fikirkan apa yang ia maksudkan kepada guru anak-anak muda seperti diri anda sendiri.

Mengenai sifat keberanian, kita dinasihati:

**“Berusahalah sebanyak yang mungkin untuk berpaling sepenuhnya kepada Kerajaan, agar engkau dapat memperoleh keberanian semula jadi dan kuasa ideal.”<sup>67</sup>**

**“Semoga engkau menjadi sumber kenyamanan kepada mereka yang patah hati. Semoga engkau menjadi pelindung kepada kelana. Semoga engkau menjadi sumber keberanian kepada mereka yang takut. Demikianlah, melalui kurnia dan bantuan Tuhanlah standard kegembiraan umat manusia akan dinaikkan di tengah dunia dan panji persetujuan sejagat dibukakan.”<sup>68</sup>**

---

---

---

---

---

Mengenai kepentingan penuh harapan, kita baca:

**“Tetapkan semua harapanmu pada Tuhan, dan bergantung kuat pada belas kasihan-Nya yang tidak pernah gagal. Siapakah melainkan Dia yang dapat memperkaya yang papa kedana, dan membangkitkan yang telah jatuh daripada penghinaannya?”<sup>69</sup>**

**“Wahai Himpunan Debu yang Bergerak! Aku menginginkan perhubungan denganmu, namun engkau tidak menaruh kepercayaan kepada-Ku. Pedang pemberontakanmu telah menebang pohon harapanmu. Aku berada dekat kepadamu setiap masa, tetapi engkau sentiasa berada jauh dari diri-Ku.**

**Kemuliaan yang kekal telah Aku pilih bagimu, namun engkau telah memilih penghinaan tak terbatas bagi dirimu sendiri. Selagi masih mempunyai masa, kembalilah, dan janganlah kehilangan peluangmu.”<sup>70</sup>**

**“Manusia dalam segala keadaan terselam di dalam samudera rahmat Tuhan. Oleh itu, janganlah engkau menjadi tiada harapan dalam keadaan apa pun, tetapi jadilah teguh dalam harapanmu.”<sup>71</sup>**

**“Jika hati berpaling daripada rahmat yang Tuhan tawarkan bagaimanakah ia dapat mengharapkan kegembiraan? Jika ia tidak meletakkan harapan dan kepercayaannya kepada Belas Kasihan Tuhan, di manakah ia dapat mencari istirahat? Aduhai, percayalah kepada Tuhan! kerana Rahmat-Nya berkekalan, dan pada Berkat-Nya, kerana ia amatlah hebat.”<sup>72</sup>**

---

---

---

---

Dan berkaitan kebolehpercayaan, Tulisan Suci memberitahu kita:

**“Wahai manusia! Jubah terbaik dalam pandangan Tuhan pada hari ini adalah kebolehpercayaan. Segala rahmat dan kehormatan akan menjadi bahagian jiwa yang memakaikan dirinya dengan perhiasan-perhiasan teragung ini.”<sup>73</sup>**

**“Kebolehpercayaan adalah umpama kubu kepada kota umat manusia, dan umpama mata kepada jasad manusia. Barang siapa tetap dinafikan daripadanya akan, di hadapan Takhta-Nya, dikenali sebagai salah seorang yang kehilangan penglihatan.”<sup>74</sup>**

**“Jadilah penjelmaan Tuhan bagi kebolehpercayaan di setiap tempat. Begitu sempurna seharusnya engkau mencerminkan sifat ini sehingga bahkan jika engkau berjalan melalui kota-kota yang ditimbuni emas, pandanganmu tidak akan sedetik pun tergoda oleh tarikannya.”<sup>75</sup>**

---

---

---

---

Dan kata-kata ini memberitahu kita mengenai penyemarakan:

**“Wahai Sahabat! Engkau semua harus terbakar pada hari ini dengan api cinta Tuhan agar haba daripadanya dapat dijelmakan di semua urat, kaki dan tangan**

**serta anggota badanmu, dan orang-orang di dunia dapat dihidupkan melalui haba ini dan berpaling kepada ufuk yang Dikasihi.”<sup>76</sup>**

**“Biarlah jiwamu bercahaya dengan nyalaan Api menyala yang membakar di kedalam dunia, sebegitu rupa sehingga air alam semesta menjadi tidak berdaya untuk menyejukkan kobarnya.”<sup>77</sup>**

**“Membakarlah engkau dengan terang dengan nyalaan Api menyala ini yang telah dihidupkan oleh Yang Maha Berbelas Kasihan di kedalaman ciptaan, agar melalui engkau kehangatan Cinta-Nya dapat disemarakkan dalam kalangan kalbu mereka yang dikasihi-Nya. Ikutilah jalan-Ku dan mempesona hati manusia melalui pengingatan akan Daku, yang Maha Berkua, yang Maha Luhur.”<sup>78</sup>**

**“Kobarkanlah api cinta dan bakarlah semua benda; lalu dejakkan kakimu pada tanah para kekasih.”<sup>79</sup>**

---

---

---

---

---

Cuba hafal sekurang-kurangnya satu petikan dari setiap set di atas.

## **BAHAGIAN 18**

Sekarang mari kita beralih ke cerita dalam Pelajaran 17 hingga 20. Selepas membaca semula setiap satu, pertimbangkan soalan-soalan berikut dengan ahli-ahli yang lain dalam kumpulan anda.

Dalam Pelajaran 17, anda akan bercerita mengenai ‘Alí-‘Askar, yang mana, apabila diugut oleh seorang pegawai yang korup, tidak dapat dipujuk untuk berbohong dan menipu. Kanak-kanak sedia maklum bahawa berbohong tidak menyenangkan pada pandangan Tuhan. Cerita itu akan membolehkan mereka melihat bagaimana patuhnya kepada ajaran-ajaran Tuhan adalah sumber keberanian, yang merupakan tema pelajaran. Bahagian cerita apa yang akan membantu mereka membuat perkaitan ini? Apakah perincian yang akan menjadi penting untuk anda tekankan dalam menyampaikan peristiwa-peristiwa sekiranya kanak-kanak mesti mengikuti cerita itu dan memahami poin penting ini?

---

---

---

---

---

Pelajaran 18 berkisar sekitar sifat penuh harapan, dan anda akan bercerita tentang seorang lelaki yang murung di mana harapannya dipulihkan oleh ‘Abdu’l-Bahá. Dia tunjukkan lelaki itu dengan kebaikan dan ingatkan dia bahawa dia adalah kaya di Kerajaan Tuhan. Untuk menjadi kaya di Kerajaan Tuhan tidak bererti kita mempunyai kekayaan kebendaan yang amat besar. Apakah maksudnya? Bagaimanakah peringatan ‘Abdu’l-Bahá’ meningkatkan kepercayaan lelaki itu pada kurnia Tuhan? Bagaimanakah anda membantu kanak-kanak mengenalpasti bahawa tanpa kepercayaan kepada Tuhan, ia adalah sukar untuk kekal berharap?

---

---

---

---

Kebolehpercayaan adalah tema Pelajaran 19, dan untuk menggambarkan kepentingan sifat ini anda akan memberitahu para pelajar anda mengenai cerita Muḥammad-Taqí, yang mana telah diberi kepercayaan oleh ‘Abdu’l-Bahá dengan tugas menerima dan mengutus surat di Tanah Suci. Terdapat banyak perincian yang anda perlu fikirkan apabila menyampaikan cerita supaya kanak-kanak tidak terlepas idea utamanya. Apakah ia? Dalam menggambarkan Muḥammad-Taqí, anda akan menggunakan perkataan “boleh dipercayai” dan “boleh diharap”. Adakah anda fikir ia mungkin untuk bersikap cuai dan boleh dipercayai pada masa yang sama?

---

---

---

---

Cerita dalam Pelajaran 20 berpusat pada keperibadian Thomas Breakwell, yang berkaitan dengan menjadi berkobar. Metafora sebuah lilin menyala, nyalaan api, api yang terik, sering digunakan dalam Tulisan Suci untuk membantu kita memahami sifat menjadi berkobar—intensiti cinta yang ada dalam hati kita untuk Tuhan. Anda harus berasa yakin bahawa melalui metafora ini, para pelajar anda akan mendapat sedikit sebanyak kesedaran tentang apa maksudnya menjadi berkobar. Keupayaan untuk berfikir secara abstrak wujud dalam diri kanak-kanak sejak muda lagi, dan ia berkembang seiring kecekapan bahasa mereka berkembang. Dengan fikiran ini dalam minda, kenal pasti bahagian manakah daripada cerita itu menunjukkan bagaimana Thomas Breakwell dikobarkan dengan api cinta Tuhan. Apakah beberapa perincian yang membuatkan cerita itu menarik?

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 19

Adalah diharapkan bahawa anda dan rakan anda mengambil inspirasi dengan berlatih elemen-elemen Pelajaran 17 sehingga 20 dan anda kini bersedia untuk meneruskan ke empat pelajaran terakhir dalam Gred 1, Pelajaran 21 sehingga 24. Anda mungkin berhasrat untuk melafazkan doa ini melalui daya ingatan pada waktu permulaan setiap kelas:

**“Wujudkanlah dalam diriku hati yang suci, Ya Tuhanku, dan baharuilah satu suara hati aman dalam diriku, Ya Harapanku! Melalui semangat kuasa sahkanlah Engkau diriku dalam Akidah-Mu, Ya Kekasihku, dan dengan cahaya keagungan-Mu tunjukkanlah kepadaku jalan-Mu, Ya Engkau Matlamat hasratku! Melalui kuasa kekuatan unggul-Mu naikkanlah diriku ke langit kesucian-Mu, Ya Punca kewujudanku, dan dengan bayu keabadian-Mu riangkanlah daku, Ya Engkau yang adalah Tuhanku! Biarlah irama-Mu yang berkekalan menafaskan ketenteraman kepada diriku, Ya Temanku, dan biarlah kekayaan wajah purba-Mu bebaskan diriku daripada semua melainkan Engkau, Ya Tuhanku, dan biarlah rukun wahyu Inti tak ternoda-Mu membawa keriangan kepadaku, Ya Engkau Yang adalah paling kelihatan daripada yang kelihatan dan paling tersembunyi daripada yang tersembunyi!”<sup>80</sup>**

Berikut adalah doa terakhir yang kanak-kanak akan hafal dalam gred ini. Walaupun mereka sudah pun memahami banyak tentang kepentingannya, anda harus memutuskan bagaimana anda akan menerangkan mana-mana perkataan atau frasa yang mereka dapat baru ataupun tidak biasa.

**“Ya Engkau Tuhan yang baik hati! Aku seorang anak kecil, mulikanlah aku dengan menerima dalam kerajaan. Aku duniawi, jadikanlah aku syurgawi; aku dari bumi bawah, biarlah aku menjadi milik alam atas; suram, jadikanlah aku bersinar; duniawi, jadikanlah aku rohani, dan izinkanlah agar aku dapat menjelmaan pemberian tak terbatas-Mu.**

**“Engkaulah Yang Berkuasa, Yang Maha Penyayang.”<sup>81</sup>**

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 20**

Baca empat pelajaran terakhir yang anda akan mengajar dalam Gred 1, menumpukan perhatian khusus, seperti selalu, pada perkara-perkara yang anda akan berkongsi dengan para pelajar anda untuk memperkenalkan petikan-petikan yang mereka akan hafal melalui hati. Tuliskan sifat yang setiap pelajaran tumpukan.

Pelajaran 21: \_\_\_\_\_

Pelajaran 22: \_\_\_\_\_

Pelajaran 23: \_\_\_\_\_

Pelajaran 24: \_\_\_\_\_

Petikan-petikan yang berikut akan memberikan anda dan ahli-ahli lain kumpulan anda dengan peluang untuk merenung bersama tentang sifat rohani yang dikupas dalam pelajaran-pelajaran ini, sebagaimana anda telah lakukan dalam pelajaran sebelumnya.

Tentang pentingnya kecemerlangan, Tulisan-Tulisan memberitahu kita:

**“Wahai nyala api cinta Tuhan! Sinaran harus memberikan cahaya dan suria harus terbit; purnama penuh harus menerangi dan bintang harus bersinar. Oleh kerana engkau adalah sinaran, merayuhlah engkau kepada Tuhan untuk membolehkanmu memberi sinar dan pencerahan, untuk menerangi ufuk-ufuk dan untuk melanda dunia dengan api cinta Tuhan.”<sup>82</sup>**

**“Tinggallah dengan satu sama lain, Wahai manusia, dalam kecemerlangan dan keriangan.”<sup>83</sup>**

**“Tuhan Yang Maha Penyayang menciptakan manusia untuk memancarkan cahaya Ilahi dan untuk menerangi dunia dengan kata-kata, tindakan dan kehidupannya.”<sup>84</sup>**

**“Khidmat kepada umat manusia adalah khidmat kepada Tuhan. Biarlah cinta dan cahaya dari Kerajaan memancar melalui dirimu sehingga semua yang memandang padamu akan diterangi oleh pantulannya. Jadilah seperti bintang-bintang, gemilang dan berkelipan di keluhuran kedudukan syurgawinya.”<sup>85</sup>**

---

---

---

---

Daripada petikan-petikan ini, kita memperoleh pengertian pada sifat kesetiaan:

**“Kemuliaan Tuhan bagimu, bagi setiap kalbu yang teguh dan tak goyah dan bagi setiap jiwa yang tetap dan setia.”<sup>86</sup>**

**“Sampaikanlah engkau kepada dayang-dayang yang Berbelas kasihan utusan bahawa apabila suatu ujian bertukar menjadi keganasan, mereka haruslah berdiri kukuh, dan setia pada cinta mereka terhadap Bahá. Pada musim sejuk datangnya ribut, dan angin kencang tersebut bertiup, namun musim bunga menyusul dengan segala keindahannya, menghiasi bukit dan dataran dengan tumbuh-tumbuhan harum dan anemone merah, sesuai untuk dilihat.”<sup>87</sup>**

**“Pada hari ini, dia yang terpilih di Ambang Tuhan adalah dia yang memberikan setiap seorang cawan kesetiaan; yang mengurniakan, bahkan kepada musuhnya, permata rahmat, dan menawarkan, bahkan kepada penindasnya, bantuan; ia adalah dia yang akan, bahkan kepada seteru garangnya, menjadi seorang sahabat yang penyayang.”<sup>88</sup>**

---

---

---

---

---

Petikan-petikan berikut memberitahu kita tentang kesabaran:

**“Wahai Putera Manusia! Dalam segala sesuatu ada tandanya. Tanda kasih adalah keteguhan hati bawah perintah-Ku dan kesabaran bawah cubaan-cubaan-Ku.”<sup>89</sup>**

**“Diberkatilah mereka yang bertahan dengan teguh, mereka yang bersabar dalam kesakitan dan kesusahan, mereka yang tidak meratap kerana apa pun yang menimpa mereka, dan mereka yang menjelaki jalan keredaan.”<sup>90</sup>**

**“Berpuaslah dengan apa yang telah ditetapkan oleh perintah yang tidak dapat dimansuhkan, dan jadilah antara mereka yang bertahan dengan kesabaran.”<sup>91</sup>**

**“Diwajibkan bagi sesiapa pun yang telah menetapkan wajahnya ke arah Ufuk Maha Luhur untuk berpegang kuat pada tali kesabaran, dan untuk meletakkan pergantungannya kepada Tuhan, Penolong dalam Bencana, yang Tak Terhalang.”<sup>92</sup>**

---

---

---

---

Dan kita membaca yang berikut berkaitan dengan keteguhan:

**“Tugas pertama dan terutama yang telah ditetapkan kepada umat manusia, setelah mengakui Dia yang adalah Kebenaran Abadi, adalah tugas untuk menjadi teguh dalam Kepercayaan-Nya.”<sup>93</sup>**

**“Sebeginu rupa seharusnya keteguhanmu dalam Kepercayaan Tuhan, sehingga tidak ada apa pun benda dunia akan mempunyai kuasa untuk menghalangmu daripada tugasmu.”<sup>94</sup>**

**“Berjalanlah engkau dengan keteguhan dalam cinta Tuhan, dan tetap berjalan lurus dalam Akidah-Nya, dan bantulah-Nya melalui kuasa ujaranmu.”<sup>95</sup>**

**“Demikianlah dengan langkah-langkah keteguhan kita dapat menjelaki Jalan keyakinan, yang memungkinkan bayu yang bertiup dari padang rumput keredaan Tuhan dapat menghembuskan ke atas kita keharuman penerimaan ilahi, dan menyebabkan kita, yang adalah manusia yang akan lenyap, untuk mencapai ke Kerajaan kemuliaan yang berkekalan.”<sup>96</sup>**

**“Jadilah engkau yakin dan teguh; pengabdianmu telah disahkan oleh kekuasaan syurga, kerana niatmu luhur, tujuanmu murni dan layak.”<sup>97</sup>**

---

---

---

---

---

Cuba hafal sekurang-kurangnya satu petikan dari setiap set di atas.

## BAHAGIAN 21

Sekarang mari kita lihat pada empat cerita terakhir yang anda akan ceritakan kepada para pelajar anda, yang dengan mereka anda akan meluangkan begitu banyak waktu yang menakjubkan bersama, berusaha gigih untuk memupuk dalam mereka sifat-sifat rohani yang mereka masih mempelajari. Selepas membaca semula setiap cerita, bincang soalan-soalan berikut dengan kumpulan anda.

Dalam Pelajaran 21, kanak-kanak akan mendengar sebuah cerita tentang Dorothy Baker semasa seorang gadis muda, apabila bertemu dengan ‘Abdu’l-Bahá buat pertama kali. Mereka akan melihat bagaimana, di sepanjang cerita, dia tertawan dengan kecemerlangan-Nya, yang merupakan tema utama. Apakah kesan kecemerlangan ‘Abdu’l- Bahá pada Dorothy? Bagaimanakah anda mengharapkan cerita tersebut akan menambahkan keterikatan kanak-kanak pada ‘Abdu’l-Bahá?

---

---

---

---

---

Tema Pelajaran 22 adalah kesetiaan, satu sifat yang diilustrasikan oleh cerita Isfandíyár. Apakah bahagian cerita yang lebih berkait langsung dengan tema ini? Apakah sifat-sifat rohani lain yang Isfandíyár demonstrasikan yang telah membantunya untuk kekal setia? Perincian manakah yang anda akan tentunyanya sertakan dalam pengisahan anda?

---

---

---

---

---

Pelajaran 23 menumpukan pada sifat kesabaran. Dalam cerita tersebut, Li Xin menunjukkan kesabaran semasa dia menjaga pokok picnya apabila ia melalui pelbagai peringkat pertumbuhan—daripada sebiji benih ke sebuah pokok yang akhirnya menghasilkan buah. Cerita tersebut menekankan keriangan sebagai ganjaran kesabaran yang diamalkan selama tempoh panjang pelaksanaan dan mendemonstrasikan berapa kerap, sebelum melihat buah usaha kita, kita harus mengerahkan usaha yang banyak. Mengapakah penting bagi kanak-kanak untuk melihat sifat rohani dalam cara ini? Apakah perincian yang anda ingin jelas di dalam minda anda sebelum mengisahkan cerita tersebut kepada para pelajar anda?

---

---

---

---

---

Dalam Pelajaran 24 anda akan memberitahu kanak-kanak sebuah cerita tentang kehidupan Bahíyyih Khánum, adik perempuan ‘Abdu’l-Bahá. Ia akan mendemonstrasikan kepada mereka bagaimana Bahíyyih Khánum menjelmakan keteguhan dalam menghadapi kesukaran. Tetapi, anda juga ingin mereka mengingati pemahaman bahawa keteguhan dalam cinta Tuhan melibatkan lebih daripada mengatasi mana-mana satu krisis dan kesukaran yang tertentu. Bagaimanakah cerita mengenai kehidupannya memberikan kanak-kanak sekilas kekuatan dan ketetapan yang dituntut oleh keteguhan dalam Kepercayaan Tuhan?

---

---

---

---

---

## **BAHAGIAN 22**

Dalam unit ini, anda telah berfikir tentang sifat-sifat rohani yang anda akan terokai dengan kanak-kanak di gred pertama dan telah berlatih untuk melaksanakan pelbagai elemen dua puluh empat pelajaran yang anda akan mengajar kepada mereka dengan harapan untuk menyumbang kepada pembangunan perwatakan mereka. Ambil masa sekarang untuk mengingati semua sifat rohani yang anda akan mempunyai rahmat dalam membantu para pelajar anda berkembang dalam Gred 1. Ia kelihatannya sesuai kerana, di antara ini, keteguhan dalam cinta Tuhan adalah tema yang dengannya mereka akan menyimpulkan pelajaran mereka, sebagaimana ia akan menjadi penting untuk mereka bermula, seperti yang dibincangkan pada awalnya, dengan menumpukan pada kemurnian hati. Semasa anda memulakan usaha mengajar anda yang pertama, anda harus kerap merenung bagaimana keteguhan dalam cinta-Nya akan membantu para pelajar dalam jagaan anda tekun dalam usaha mereka untuk menjelmakan semua sifat bernilai yang terpendam di dalam mereka.



## **24 Pelajaran untuk Kanak-kanak**



# **PELAJARAN 1**

## **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Untuk menarik rahmat Ilahi dan mewujudkan satu suasana rohani, mulakan kelas dengan melafazkan doa yang anda ingat, seperti yang dicadangkan dalam Bahagian 2. Anda kemudiannya boleh bertanya kepada kanak-kanak jika ada antara mereka yang telah menghafal doa yang boleh dilafazkan kepada kelas. Setelah itu, mereka akan menghafal doa yang berikut. Untuk membantu mereka memahami kepentingannya, kenal pasti mana-mana perkataan yang anda rasa perlu dijelaskan dengan contoh-contoh yang konkret. Adalah diharapkan bahawa kebanyakan kanak-kanak akan mempelajari doa ini dengan mudah, tetapi anda harus mengimbangnya dengan mereka pada permulaan tempoh tiga kelas yang seterusnya agar, sebelum Pelajaran 5 apabila mereka mula belajar doa baharu, doa ini sudah tertanam dalam hati dan minda mereka.

**“Dialah Tuhan! Ya Tuhan, Tuhanku! Kurniakanlah ke atas daku hati yang murni, bagaikan sebutir mutiara.”<sup>98</sup>**

Oleh kerana doa yang akan dihafal oleh kanak-kanak dalam beberapa pelajaran pertama adalah pendek, anda akan mempunyai banyak peluang untuk berbincang dengan mereka beberapa perkara yang disebut dalam Bahagian 2 tentang rasa hormat dan sifat doa.

## **B. Lagu**

Selepas tempoh yang didedikasikan untuk doa, kanak-kanak boleh belajar untuk menyanyi lagu yang berikut, yang telah dimelodikan berdasarkan petikan yang mereka akan hafal nanti berkaitan dengan tema pelajaran, kemurnian hati. Oleh kerana beberapa perkataan mungkin sukar bagi orang muda, anda boleh membantu mereka belajar menyanyikan empat baris pertama, manakala anda akan meneruskan yang lainnya.

### **Nasihat yang Pertama**

Dengarlah suara membawa gembira

Nasihat-Nya yang pertama

Menyucikan hati, hati yang baik

Hati yang cemerlang

Hati ialah khazanah

Hadiyah yang berharga

Kurnia dari Tuhan

Lindunglah dari api

Keduniawian

Bebas dari kebencian!

### C. Menghafal petikan

Untuk aktiviti yang seterusnya, kanak-kanak akan menghafal petikan dari Tulisan-tulisan Bahá'í. Anda boleh memperkenalkan tema pelajaran dan petikan untuk hafalan dengan cara berikut:

Hati kita adalah seperti cermin. Kita harus sentiasa memastikannya bersih. Berdendam terhadap seseorang, berasa cemburu dengan seseorang, dan menjadi tidak baik hati kepada sesiapapun dengan alasan apapun—ini adalah seperti debu-debu yang menutupi cermin hati kita. Apabila hati kita murni, ia memantulkan cahaya Tuhan dan sifat-sifat-Nya—sifat-sifat seperti kebaikan hati, cinta dan kedermawanan—and kita menjadi punca kegembiraan kepada orang lain. Untuk membantu memastikan hati kita murni, mari kita menghafal petikan Bahá'u'lláh ini:

**“Wahai Putera Roh! Nasihat-Ku yang pertama adalah ini: Milikilah hati yang murni, baik dan cemerlang...”<sup>99</sup>**

Kanak-kanak akan mendapati bahawa petikan lebih mudah untuk dihafal jika mereka memahaminya dengan baik. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya anda meluangkan beberapa waktu untuk membincangkan makna perkataan-perkataan dan frasa-frasa dengan mereka. Berikut adalah beberapa ayat yang akan membantu anda.

#### *Nasihat*

1. Pada suatu hari, Gerard dan Mary sedang mewarna beberapa lukisan. Gerard memerlukan krayon warna kuning, tetapi Mary tidak ingin memberi kepadanya. Guru memberitahu Mary bahawa dia harus berkongsi. Guru memberi nasihat yang baik kepada Mary.
2. Patricia harus memutuskan sama ada ingin membelanjakan wangnya untuk membeli gula-gula atau sebuah buku cerita. Ibu bapanya menasihati untuk membeli sebuah buku cerita. Ibu bapa Patricia memberinya nasihat yang baik.

#### *Memiliki*

1. Tinaye suka membaca doa sebelum tidur. Dia mempunyai buku doa kecil untuk dibaca. Tinaye memiliki buku doa yang kecil.
2. Kami menanam pelbagai jenis sayur-sayuran yang sedap di kebun kami. Kami memiliki satu plot tanah yang menghasilkan sayur-sayuran yang segar.

#### *Hati yang murni*

1. Cathy menjadi marah dan mengucapkan kata-kata yang tidak baik kepada Agot. Agot sedih tetapi dengan pantas memaafkan Cathy. Agot memiliki hati yang murni.
2. Gustavo suka berkongsi biskutnya dengan semua kanak-kanak, mahupun dengan Jorge, yang tidak berkongsi apapun dengan yang lain. Gustavo memiliki hati yang murni.

### *Hati yang baik*

1. Bila ibu bapa Ming Ling menjemput rakan-rakan ke rumah mereka, dia menghidangkan makanan kepada mereka dengan gembira. Ming Ling memiliki hati yang baik.
2. Encik Robertson sangat tua. Jimmy membantu dia mengangkat buah-buahan tuaiannya ke pasar. Jimmy memiliki hati yang baik.

### *Hati yang cemerlang*

1. Ketika saya berasa sedih, ibu selalu menghibur dan membuat saya gembira. Ibu saya memiliki hati yang cemerlang.
2. Obuya sakit dan harus menghabiskan waktunya di atas katil. Dia melafazkan banyak doa, tidak bersedih, dan selalu kelihatan gembira. Obuya memiliki hati yang cemerlang.

## **D. Cerita**

Selepas kanak-kanak telah menghafal petikan, anda boleh mengisahkan kepada mereka cerita berikut tentang ‘Abdu’l-Bahá yang akan menunjukkan lebih lanjut kepada mereka kepentingan hati yang murni. Ingat bahawa jika beberapa anak muda dalam kelas anda tidak biasa dengan ‘Abdu’l-Bahá, anda harus bersedia untuk berkongsi serba sedikit tentang Beliau sebelum anda bermula.

*‘Abdu’l-Bahá selalu dapat mengetahui apa yang ada dalam hati seseorang, dan Beliau sangat mencintai orang-orang yang hatinya murni dan cemerlang. Ada seorang wanita yang mendapat kehormatan untuk menjadi tetamu ‘Abdu’l-Bahá dalam suatu acara makan malam. Semasa dia duduk mendengarkan kata-kata-Nya yang arif, dia melihat segelas air di depannya dan berfikir, “Oh! Kalau lah ‘Abdu’l-Bahá boleh mengambil hatiku dan mengosongkannya daripada setiap keinginan dunia dan kemudian mengisinya dengan cinta dan pemahaman Ilahi, sama seperti yang engku boleh lakukan dengan gelas air ini.”*

*Fikiran ini melintas begitu cepat di mindanya, dan dia tidak berkata apa-apa mengenainya, namun tidak lama kemudian, sesuatu terjadi dan membuatnya menyedari bahawa ‘Abdu’l-Bahá telah mengetahui apa yang difikirkannya. Di tengah pembicaraan-Nya, Beliau berhenti sejenak untuk memanggil seorang pembantu-Nya dan mengucapkan sepatah dua kata kepadanya dengan lembut. Pembantu tersebut datang ke tempat wanita itu di meja, mengambil gelasnya, mengosongkannya, dan meletakkannya kembali di depannya.*

*Tidak lama kemudian, ‘Abdu’l-Bahá, semasa meneruskan ceramah-Nya, mengambil bekas air dari meja, dan dengan cara yang sangat semula jadi, mengisi gelas wanita tersebut dengan perlahan-lahan. Tidak ada seorang pun menyedari apa yang telah berlaku, namun wanita tersebut mengetahui bahawa ‘Abdu’l-Bahá sedang menjawab hasrat hatinya. Dia dipenuhi dengan keriangan. Kini dia tahu bahawa hati dan minda semua orang adalah bagai buku yang terbuka bagi ‘Abdu’l-Bahá , Yang membacanya dengan cinta dan kebaikan hati yang mendalam.*

#### **E. Permainan: “Berkongsi”**

Untuk aktiviti yang seterusnya, letakkan tayar di tanah, kemudian tanya kanak-kanak berapa ramai daripada mereka yang boleh berdiri di atasnya pada waktu yang sama. Sebaliknya, jika tidak terdapat tayar, anda boleh meletakkan tikar atau tuala, ataupun objek lain yang serupa, di tanah. Apapun objek yang anda pilih, ia haruslah cukup kecil untuk menjadikan permainan lebih mencabar bagi bilangan kanak-kanak dalam kelas.

#### **F. Mewarna: Lukisan 1**

Selepas permainan, anda boleh mengumpulkan kanak-kanak bersama dan memberikan setiap mereka sekeping salinan Lukisan 1 untuk diwarnakan, menjelaskan bahawa petikan yang mereka telah hafal berada di bahagian bawah halaman dan menyampaikan beberapa idea yang anda telah sediakan terlebih dahulu tentang bagaimana imej tersebut berkaitan dengan tema pelajaran.

#### **G. Doa penutup**

Untuk mengakhiri kelas ini anda boleh menjemput beberapa daripada mereka untuk melafazkan doa atau petikan yang mereka telah hafal dalam pelajaran ini ataupun yang sebelumnya. Kemudian, anda boleh menawarkan doa penutup.

## **PELAJARAN 2**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Dicadangkan bahawa anda memulakan pelajaran ini dan dua pelajaran yang seterusnya dengan doa yang anda lafazkan di permulaan Pelajaran 1. Kemudian, anda boleh meminta beberapa kanak-kanak, yang telah dipilih terlebih dahulu, untuk melafazkan satu doa yang mereka tahu. Setelah itu, bantu para pelajar anda untuk menyambung hafalan doa yang telah diperkenalkan dalam pelajaran lepas.

#### **B. Lagu**

Untuk aktiviti yang seterusnya, kanak-kanak boleh menyanyikan dua buah lagu—yang satu daripada pelajaran sebelumnya dan lagu baharu berikut berkenaan keadilan, yang merupakan tema pelajaran.

Keadilan

Keadilan ialah jalan menyinari  
Masa diperlui  
Keadilan ialah sinar menerangi  
Melalui hati

Selalu kita dengar ‘Abdu’l-Bahá  
Kongsikan semua miliknya  
Dia hidup dengan sederhana  
Agar orang gembira

Keadilan lebih dari saksama  
Oleh itu memberilah  
Berilah cinta, berilah semua  
Beri hidup yang gembira

### C. Menghafal petikan

Berikut dua lagu tersebut, anda akan menggalakkan kanak-kanak untuk menghafal sebuah petikan daripada Tulisan Bahá’u’lláh. Di sini terdapat beberapa idea bagi kamu untuk menyampaikan tema pelajaran dan petikan yang dicadangkan:

Tuhan mencintai keadilan. Apabila ada keadilan, semua orang menikmati perkara baik dalam kehidupan. Setiap kanak-kanak boleh pergi ke sekolah, setiap keluarga mempunyai rumah yang selesa, dan mereka yang memiliki lebih akan dengan gembiranya berkongsi kurnia yang diterima daripada Tuhan demi kebaikan orang lain. Tuhan menyukai kita apabila kita melayan satu sama lain dengan kesaksamaan dan keadilan. Jika kita melihat seseorang sedang dianiyai, kita harus mempertahankannya dan menolongnya. Kita tidak boleh mengambil hak milik kawan-kawan atau jiran-jiran kita. Apabila sesuatu harus dikongsi, kita harus memastikan bahawa tidak ada yang tertinggal dan bahawa semua orang menerima bahagian yang sama rata. Untuk membantu kita menjadi adil, marilah kita menghafal petikan Bahá’u’lláh ini:

**“Jejakilah engkau jalan keadilan, kerana ini, sesungguhnya, adalah jalan yang lurus..”<sup>100</sup>**

Adalah penting untuk memastikan bahawa kanak-kanak mempunyai pemahaman yang asas tentang petikan di atas sebelum mereka mula menghafalnya. Beberapa ayat telah disediakan di sini untuk membantu anda menerangkan maksud perkataan-perkataan yang mungkin baharu bagi mereka.

#### *Jejaki*

1. Banyak daun telah jatuh dari pohon-pohon dalam hutan, menutupi jalan. Fumiko berjalan melalui hutan. Dia menjelaki jalan yang dipenuhi daun.
2. Pedro suka membantu rakan-rakannya bermain bersama dengan gembira. Pedro dan rakan-rakannya amat bersatu. Pedro menjelaki jalan kesatuan.

### *Jalan*

1. Luis mempunyai seekor keldai. Dia membawa keldai untuk meragut rumput di padang rumput dan membiarkannya sendiri. Keldai tersebut telah mencari jalan ke rumah dengan sendiri.
2. Terdapat dua laluan untuk pergi ke sekolah. Millie selalu suka untuk mengambil jalan yang melalui rumah neneknya.

### *Keadilan*

1. Carlos diberi krayon untuk diagihkan dalam kelas. Terdapat sepuluh krayon dan lima kanak-kanak. Carlos bertindak dengan adil semasa mengagihkan krayon.
2. Perigi di halaman belakang rumah Anna ada banyak air, namun kadangkala perigi jirannya kekeringan. Anna tidak pernah membiarkan jirannya menderita dan sentiasa membuatnya berasa dialu-alukan untuk mengambil air. Anna mencintai keadilan.

## **D. Cerita**

Setelah kanak-kanak belajar untuk melafazkan petikan melalui ingatan, anda boleh menyampaikan kepada mereka cerita berikut tentang ‘Abdu’l-Bahá yang mengilustrasikan betapa adilnya Beliau.

*Pada suatu hari, ‘Abdu’l-Bahá ingin pergi dari ‘Akká ke Haifa. Beliau pergi mengambil tempat duduk yang tidak mahal dalam kereta kuda biasa yang selalunya padat dengan orang. Pemandu sangat terkejut dan tentunya bertanya kepada dirinya sendiri mengapa ‘Abdu’l-Bahá sangat berjimat kerana menaiki kereta kuda yang murah ini. “Tentunya, Tuan Yang Terutama akan memilih untuk berjalan dengan pedati peribadi,” serunya. “Tidak,” jawab Master, dan Beliau berjalan dengan kereta kuda biasa di sepanjang perjalanan ke Haifa. Semasa Beliau turun dari kereta kuda tersebut di Haifa, seorang nelayan wanita yang bersedih datang kepada-Nya dan meminta pertolongan dari-Nya. Sepanjang hari, dia tidak mendapat apa-apa dan kini harus kembali kepada keluarganya yang kelaparan. ‘Abdu’l-Bahá memberinya sejumlah wang yang mencukupi, beralih kepada pemandu tersebut dan berkata berkata, “Mengapa Saya harus menaiki yang mewah sedangkan sangat ramai orang sedang kebuluran?”*

## **E. Permainan: “Kehausan”**

Selepas tempoh yang didedikasikan untuk bercerita, kanak-kanak akan bersemangat untuk bermain sebuah permainan. Ikatkan kayu pada tangan mereka agar mereka tidak dapat membengkokkan siku mereka, kemudian beritahu mereka untuk menganggap bahawa mereka sedang berjalan di padang pasir dan semua berasa tersangat dahaga. Apabila mereka menjumpai air dalam cawan yang anda telah letakkan untuk mereka, mereka harus mencari cara untuk meminumnya. Mereka akan menemui bahawa satu-satunya cara adalah untuk membantu satu sama lain, juga berhati-hati untuk tidak membasahkan satu sama lain.

## **F. Mewarna: Lukisan 2**

Untuk aktiviti seterusnya, berikan setiap kanak-kanak sekeping salinan Lukisan 2 untuk diwarnakan. Anda harus memperingatkan kanak-kanak bahawa petikan yang mereka telah hafal berada di bahagian bawah halaman dan harus bersedia untuk menyampaikan serba sedikit tentang bagaimana imej berkait dengan tema pelajaran.

## **G. Doa penutup**

Bila kanak-kanak telah habis mewarna, anda boleh menjemput beberapa daripada mereka untuk melafazkan doa atau petikan yang mereka telah hafal dalam pelajaran ini ataupun yang sebelumnya. Kemudian, anda boleh menawarkan doa penutupin.

# **PELAJARAN 3**

## **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Untuk memulakan kelas, lafazkanlah doa yang anda telah hafal dan mintalah beberapa kanak-kanak yang sudah dipilih terlebih dahulu untuk setiap seorang melafazkan sebuah doa juga. Anda boleh meluangkan beberapa waktu dengan para pelajar anda untuk mengimbas semula doa yang mereka telah mula belajar dalam Pelajaran 1.

## **B. Lagu**

Mulakan aktiviti seterusnya ini dengan membawa kanak-kanak menyanyi dua buah lagu yang mereka telah pelajari dalam pelajaran-pelajaran sebelumnya. Kemudian, ajar mereka lagu berikut, yang berkaitan dengan tema pelajaran, cinta.

Cinta, Cinta, Cinta

Cinta, cinta, cintai manusia,  
Cinta, cinta, permulaan dunia.  
Tuhan cinta kita  
Dia yang mencipta kita,  
Untuk cinta Dia dan manusia.  
Untuk cinta Dia dan manusia

## **C. Menghafal petikan**

Untuk menyampaikan petikan hafalan, anda boleh berkongsi kepada para pelajar anda idea-idea yang berikut berkaitan tema pelajaran:

Cinta Tuhan bersinar ke atas umat manusia seperti sinaran suria. Sinaran suria jatuh ke atas padang pasir yang kering dan juga ke atas taman hijau. Melalui kehangatannya, benih-benih yang ditanam dalam tanah yang subur tumbuh dan

menghasilkan buah yang berharga. Maka, kita harus menanam dalam tanah murni hati kita benih-benih cinta Tuhan, yang akan tumbuh dan berbunga di bawah kehangatan jagaan yang berkasih sayang-Nya. Barulah cinta kita akan tersebar, dan kita akan menyebarkan cinta kepada semua orang, mahupun kepada mereka yang kadang-kadang tidak baik terhadap kita. Untuk membantu kita mencintai umat manusia, marilah kita menghafal petikan Bahá'u'lláh ini:

**“Wahai Sahabat! Di taman hatimu janganlah menanam apa pun kecuali bunga mawar kasih sayang. . .”<sup>101</sup>**

Dalam petikan ini, satu-satunya perkataan yang memerlukan penjelasan adalah “apa pun kecuali”, yang bermaksud “tiada apa-apa”.

1. Dineo suka menyanyi lagu-lagu tentang matahari dan bunga-bungaan, dan dia tidak menyanyi lagu-lagu tentang yang lain. Dineo tidak menyanyi lagu apa pun kecuali lagu tentang sinar matahari dan bunga-bungaan.
2. Ta Jen ingin turun ke sungai, tetapi dia belum menyelesaikan kerja rumah. Ayahnya mengatakan bahawa dia tidak boleh pergi sebelum dia menyiapkan kerjanya, dan malangnya Ta Jen menjadi sedih. Neneknya berkata, “Sayangku, semua rancanganmu tidak akan menghasilkan apa pun kecuali jika kamu mentaati ayahmu.”

#### **D. Cerita**

Selepas waktu yang ditetapkan untuk penghafalan, anda boleh menyampaikan cerita berikut kepada para pelajar anda:

*Semasa hari-hari apabila ‘Abdu’l-Bahá tinggal di kota penjara ‘Akká, ada seorang lelaki yang berkelakuan sangat jahat terhadap-Nya. Dia menyangka bahawa ‘Abdu’l-Bahá bukanlah seorang lelaki yang baik dan bahawa Tuhan tidak akan peduli terhadap perlakuan jahat yang dikenakan kepada umat Bahá’í. Sebenarnya, dia mempercayai bahawa dia sedang menunjukkan cinta kepada Tuhan dengan menunjukkan kebencian terhadap umat Bahá’í. Dia membenci ‘Abdu’l-Bahá dengan sepenuh hatinya. Kebencian tersebut tumbuh dan membusuk dalam dirinya, kadang-kadang melimpah keluar dari dirinya bagaikan air tertumpah keluar daripada balang yang pecah. Di masjid, apabila orang datang untuk berdoa, lelaki ini akan melaungkan bantahan terhadap ‘Abdu’l-Bahá dan mengatakan perkara yang teruk tentang Beliau. Apabila dia terserempak dengan ‘Abdu’l-Bahá di jalanan, dia akan menutup muka dengan jubahnya supaya dia tidak boleh melihat Beliau.*

*Kini, lelaki ini sangat miskin dan tidak mempunyai makanan yang mencukupi mahupun pakaian hangat untuk dipakai. Kamu rasa, apa yang Abdu’l-Bahá telah lakukan? Beliau menunjukkan kebaikan kepadanya, menghantar makanan dan pakaian kepadanya, dan memastikan dia dijaga. Sebagai contoh, pada suatu masa apabila lelaki itu menjadi sakit tenat, ‘Abdu’l-Bahá menghantar seorang doktor kepadanya, membayar ubat dan makanannya, dan juga memberinya sedikit wang. Dia menerima pemberian-pemberian dari ‘Abdu’l-Bahá, tetapi tidak berterima kasih kepada Beliau. Sesungguhnya, dia menghulurkan satu tangannya pada doktor untuk mengambil nadinya, dan dengan tangan yang lagi satu, menutup mukanya supaya dia tidak perlu memandang wajah ‘Abdu’l-Bahá. Dan ia berlarutan untuk masa yang*

*sangat panjang. Dan kemudian, pada suatu hari, hati lelaki tersebut akhirnya berubah. Dia datang ke rumah Abdu'l-Bahá, menjatuhkan diri pada kaki Beliau dan dengan hati yang amat berat dan air mata yang berlinang di mukanya bagaikan sungai kembar, menangis, "Maafkan saya, Tuan! Selama dua puluh empat tahun saya telah melakukan kejahanatan kepada-Mu. Selama dua puluh empat tahun Engkau telah menunjukkan hanya kebaikan kepadaku. Kini saya tahu bahawa saya bersalah. Tolong maafkan saya!" Demikianlah kehebatan cinta Abdu'l-Bahá yang mengalahkan kebencian.*

#### **E. Permainan: "Jambatan"**

Untuk aktiviti seterusnya, anda boleh menggunakan bangku-bangku, papan-papan, batu-bata, atau jubin-jubin untuk membuat garisan di tanah. Inilah "jambatan". Bahagikan kanak-kanak kepada dua kumpulan dan beritahu mereka bahawa kedua-dua kumpulan harus menyeberangi jambatan pada masa yang sama, pergi ke arah yang bertentangan, tanpa membiarkan sesiapa jatuh dari jambatan. Kanak-kanak akan mendapati bahawa, untuk berjaya, mereka harus membantu satu sama lain bertukar tempat, melewati satu sama lain satu demi satu.

Untuk membantu mereka, anda boleh membimbang mereka dengan perlahan ke tempat permulaan dan membantu mereka menjalankan langkah-langkahnya. Daripada meletakkan kesemua anak-anak muda di jambatan sekali gus, anda boleh berlatih dengan beberapa daripada mereka, dua orang dalam satu masa. Selepas beberapa demonstrasi, bilangan kanak-kanak di jambatan boleh ditambah, sehingga semua dapat menyertai.

#### **F. Mewarna: Lukisan 3**

Selepas permainan, anda boleh memberikan setiap kanak-kanak sebuah salinan Lukisan 3 untuk diwarnakan sebagai aktiviti terakhir. Ingat untuk menyampaikan beberapa idea tentang bagaimana imej tersebut berkaitan dengan tema pelajaran.

#### **G. Doa penutup**

Untuk mengakhiri kelas ini, galakkan para pelajar anda untuk duduk dengan senyap, semasa dua atau tiga daripada mereka sedang melafazkan sebuah doa atau sebuah petikan yang mereka telah hafal. Kemudian, anda atau seorang daripada kanak-kanak boleh menawarkan doa penutup.

## **PELAJARAN 4**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Setelah doa pembukaan, imbas semula bersama para pelajar anda doa yang mereka sedang pelajari melalui hati sepanjang beberapa pelajaran yang lalu.

## B. Lagu

Untuk aktiviti yang seterusnya, kanak-kanak akan menyanyikan lagu-lagu yang mereka telah pelajari dalam pelajaran-pelajaran yang lepas, sebelum mengajar mereka lagu baru ini yang bertemakan kebenaran:

### Bercakap Benar

Bercakap benar, bercakap benar,  
Orang percaya, orang percaya,  
Bercakap benar, seharusnya.  
Kalau kau jujur, kau tak akan malu,  
Tuhan sayang padamu.  
Jika kau bohong, kau dipersalahkan,  
Dan mungkin akan kehilangan teman

## C. Menghafal petikan

Adalah dicadangkan bahawa anda menyampaikan tema pelajaran dan petikan hafalan dengan cara ini:

Kebenaran adalah salah satu daripada sifat rohani yang paling penting untuk dimiliki. Kita tidak seharusnya berbohong walau sedikit pun, meskipun tidak ada sesiapapun yang akan tahu. Kadangkala, orang berbohong kerana mereka takut untuk memberitahu kebenaran. Namun, kita tahu bahawa Tuhan menyedari segala tindakan kita dan bahawa kita tidak boleh menyembunyikan apapun daripada-Nya. Kita haruslah mencintai kebenaran. Jika kita tidak menjadi benar, adalah sukar untuk kita membangunkan sifat-sifat yang lain, seperti keadilan, cinta, dan kebaikan hati, dan untuk kita mendekati Tuhan. Mari kita menghafal petikan berikut dari Bahá'u'lláh:

**“Kebenaran adalah atas segala sifat baik manusia.”<sup>102</sup>**

Berikut adalah beberapa ayat untuk membantu anda menjelaskan maksud perkataan-perkataan dalam petikan di atas yang mungkin para pelajar mendapat sukar.

### *Kebenaran*

1. Sanjay menjatuhkan gelas dan memecahkannya. Apabila ibunya bertanya kepadanya apa yang terjadi, dia bercakap benar kepada ibunya dan tidak berbohong. Sanjay bertindak dengan kebenaran.
2. Gita meluangkan banyak masa dengan bermain pada suatu petang sehingga dia tidak menyiapkan kerja sekolahnya. Hari keesokannya, apabila masanya tiba untuk menghantarnya, dia membuat keputusan untuk bercakap benar kepada gurunya, walaupun dia sedar bahawa gurunya tidak akan gembira. Gita bertindak dengan kebenaran.

## *Asas*

1. Ayah Alok telah membina rumah. Sebelum mendirikan dinding, dia meletakkan batu-batu dan simen di bawah tempat di mana dinding akan didirikan. Batu-batu dan simen membentuk asas rumah tersebut. Ia membantu untuk mengutuk rumah.
2. Lorem ipsum dolor sit amet, consectetur adipiscing elit. Praesent vestibulum erat in varius faucibus. Praesent sed ultricies sapien. Phasellus molestie nisl a Sebelum kamu belajar membaca dan menulis, kamu harus mengenal huruf dan bunyinya

## *Sifat baik*

1. Aurora seorang yang peramah, sopan, dan baik hati. Keramahan, kesopanan, dan kebaikan hati adalah beberapa daripada sifat baiknya yang banyak.
2. Puan Patel mengajar kanak-kanak tentang keadilan, kedermawanan, kerendahan hati, dan kejujuran. Ini adalah beberapa daripada sifat baik yang semua orang harus miliki.

## **D. Cerita**

Untuk aktiviti seterusnya, anda boleh mengisahkan cerita yang berikut kepada para pelajar anda, yang akan membantu mereka berfikir tentang sifat kebenaran.

*Pada zaman dahulu di negeri yang sangat jauh, tinggallah seorang penggembala muda, yang mempunyai tugas menjaga biri-biri keluarganya semasa ayahnya bekerja di ladang dan ibunya menguruskan rumah. Pada suatu hari, lelaki tersebut berasa sangat bosan dan memutuskan untuk mempermudahkan jiran-jirannya. Tiba-tiba, dia mula menjerit, “Serigala! Serigala! Serigala memakan biri-biri!” Semua rakan-rakannya datang berlari untuk membantu menghalau serigala tersebut, tetapi apabila mereka sampai di sana, mereka mendapati penggembala muda tersebut mentertawakan mereka kerana mereka telah menerima kejutan yang sebegini dan sesungguhnya tidak ada serigala di sekelilingnya. Rakan-rakannya kembali ke tempat kerja mereka dan mengatakan bahawa budak lelaki tersebut telah berkelakuan sangat buruk.*

*Pada hari yang berikutnya, lelaki tersebut mengulangi muslihatnya. “Serigala! Serigala! Tolong saya! Tolong saya!” Beberapa orang jiran datang berlari lagi untuk membantu, dan hanya mendapati bahawa penggembala muda tersebut mentertawakan mereka kerana masa ini, ia juga adalah pembohongan bahawa seekor serigala sedang mendekati. Pada hari ketiga apabila mereka mendengar lelaki tersebut memanggil, “Serigala! Serigala! Serigala sedang memakan biri-biri! Tolong datang membantu!”, tiada sesiapa yang memberikan perhatian; mereka menganggap bahawa ia adalah pembohongan lagi. Pada hari itu, serigala benar-benar datang dan memakan biri-birinya! Penggembala muda itu berasa sangat sedih, tetapi dia telah mendapat pengajaran yang bernilai. Jika kita berbohong, hari itu akan tiba apabila ibu bapa, abang-abang dan kakak-kakak mahupun rakan-rakan kita tidak akan percaya apa yang kita katakan, walaupun ia adalah kebenaran!*

#### **E. Permainan: “Telefon Sentuh”**

Setelah mengisahkan cerita di atas, anda akan membantu kanak-kanak bermain satu permainan. Minta mereka untuk berdiri di dalam satu barisan. Mereka semua harus menghadap ke arah yang sama, dengan kanak-kanak yang terakhir akan melihat sekeping kertas yang digantung pada dinding atau pokok ataupun pada papan hitam, sekiranya ada. Dia akan memerlukan alat untuk menulis. Lebih dari satu barisan boleh diatur, jika terdapat ramai kanak-kanak.

Sekarang, menggunakan jari anda, lukis sesuatu di belakang badan kanak-kanak yang pertama, yang akan melukis di belakang kanak-kanak yang kedua secara bergilir. Kemudian, kanak-kanak kedua melukis di belakang kanak-kanak ketiga, dan seterusnya, sehingga lukisan mencapai kanak-kanak yang terakhir, yang akan melukisnya di sekeping kertas atau papan hitam. Sekarang, anda harus melukis di sebelahnya apa yang anda telah lukis dengan jari anda di belakang kanak-kanak pertama. Lukisan anda haruslah ringkas agar semua kanak-kanak dapat menirunya.

#### **F. Mewarna: Lukisan 4**

Anda boleh mengagihkan salinan-salinan Lukisan 4 dengan cara yang selalunya untuk kanak-kanak warnakan sebagai aktiviti yang seterusnya.

#### **G. Doa penutup**

Seperti selalu, tutup kelas dengan meminta kanak-kanak untuk duduk dengan senyap semasa petikan-petikan dan doa-doa sedang dilafazkan.

### **PELAJARAN 5**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Untuk ini dan tiga pelajaran seterusnya, anda harus memulakan kelas dengan melafazkan doa lain yang anda tahu dari ingatan, dan satu dicadangkan di Bahagian 6 bagi tujuan ini. Selepas beberapa kanak-kanak telah menyertai anda dalam melafazkan doa pembukaan, anda boleh memperkenalkan doa berikut untuk mereka hafal. Adalah diharapkan agar mereka dapat belajar sekurang-kurangnya sebahagian daripada doa dalam kelas ini dan akan dapat melafazkan dari ingatan secara keseluruhannya sebelum pelajaran 8.

**“Ya Tuhan, bimbinglah daku, lindungilah daku, jadikanlah daku satu lampu bersinar dan satu bintang cemerlang. Engkaulah Maha Kuasa dan Maha Kuat.”<sup>103</sup>**

#### **B. Lagu**

Untuk pelajaran ini, tambahan kepada mengajar kanak-kanak lagu berikut, anda boleh menyanyi dengan mereka beberapa lagu lain yang mereka sudah tahu.

Jadilah Mata air,  
Yang sentiasa mengalir.  
Kalau kamu dermawan,  
Bahagialah balasan.  
Tanya diri sendiri,  
Adakah sesuatu yang nak diberi?  
Bahagia yang dicari,  
Berilah jiwa dan hati.  
Kalau suka menderma,  
Tuhan ‘kan pasti bersama

### C. Menghafal petikan

Idea-idea yang berikut akan membantu anda memperkenalkan tema pelajaran dan petikan yang akan dihafal oleh kanak-kanak:

Tuhan adalah amat dermawan terhadap ciptaan-Nya. Dia mencurahkan tumbuh-tumbuhan dengan hujan dan menyediakan makanan dan kesuburan untuk haiwan dan umat manusia. Dia menjaga kita semua. Dia telah memberikan kita banyak pemberian: mata untuk melihat pergunungan, sungai-sungai, bintang-bintang, dan semua keindahan di sekitar kita; telinga untuk mendengar lagu-lagu merdu, kicauan burung-burung, nasihat ibu bapa kita, dan Kalimat Tuhan. Dia telah memberikan kita kebijaksanaan yang dengannya kita boleh belajar tentang misteri-misteri alam semesta dan, di atas segalanya, Dia telah memberikan kita kuasa-kuasa rohani yang dengannya kita boleh mengenal dan mencintai-Nya. Sama seperti Tuhan adalah dermawan terhadap kita, kita juga harus menjadi dermawan terhadap yang lain. Kita harus memberikan apa yang kita ada—makanan kita, harta benda kita, masa kita, pengetahuan kita—untuk menyediakan keperluan yang lain. Kita harus berkongsi cinta kita, keriangan kita, perkara-perkara baik yang kita belajar di rumah dan di sekolah. Untuk membantu kita dalam usaha kita untuk menjadi dermawan, marilah kita menghafal petikan ini dari Bahá'u'lláh yang mengingatkan tentang kedermawanan Tuhan:

**“Memberi dan bersikap dermawan adalah sifat-sifat-Ku; beruntunglah dia yang menghiasi dirinya dengan sifat-sifat murni-Ku.”<sup>104</sup>**

### *Dermawan*

1. Ram dan Rajish telah menabung sedikit wang. Mereka membuat keputusan untuk membeli beberapa buah buku untuk adik-adik mereka. Ram dan Rajish adalah orang yang dermawan.
2. Puan Murphy menghabiskan sepanjang waktu dengan membuat kek. Sebelum dia membawanya ke pekan untuk dijual, dia memberikan dua kek yang besar kepada jiran-jirannya. Puan Murphy adalah seorang yang dermawan.

### *Sifat*

1. Batu tersebut sangat keras. Kekerasan adalah sifat batu.
2. "Salah satu sifat anda adalah anda seorang yang rajin," kata cikgu kepada Charlene.

### *Hias*

1. Pada malam ini, ada perhimpunan doa di pusat komuniti. Kanak-kanak memetik bunga-bungaan untuk diletakkan di bilik mesyuarat. Bilik tersebut dihiasi dengan bunga-bungaan.
2. Li Feng mempunyai senyuman yang berseri. Senyuman menghiasi wajahnya pada kebanyakan waktu.

## **D. Cerita**

Dalam pelajaran ini, anda akan menyampaikan cerita berikut kepada kanak-kanak, yang akan membantu mereka dalam merenung konsep kedermawanan:

*Pada suatu hari, ‘Abdu’l-Bahá telah dijemput oleh seorang lelaki yang bertanggungjawab untuk menjaga biri-biri yang dimiliki oleh Ayahanda-Nya, Bahá’u’lláh, untuk meluangkan masa di desa bersama dengan para gembala. ‘Abdu’l-Bahá masih seorang kanak-kanak ketika itu, dan ia lama sebelum Bahá’u’lláh dan keluarga-Nya dipaksa untuk meninggalkan tempat asal mereka. Bahá’u’lláh mempunyai bahagian tanah yang luas di pergunungan dan kawanan biri-biri yang banyak. Dengan kebenaran ibunda-Nya, ‘Abdu’l-Bahá menyertai gembala-gembala dan mempunyai hari yang menakjubkan dengan ditemani mereka kerana mereka menyanyi, menari dan menyediakan pesta yang indah. Apabila hari hampir berakhir dan ‘Abdu’l-Bahá bersedia untuk berangkat, semua gembala-gembala berkumpul di sekeliling-Nya dan memberikan ucapan-ucapan perpisahan. Lelaki yang mengiringi ‘Abdu’l-Bahá menjelaskan bahawa ia merupakan suatu tradisi bagi mereka yang memiliki tanah dan kawanan biri-biri untuk menawarkan hadiah perpisahan. ‘Abdu’l-Bahá menjadi senyap untuk seketika. Dia tidak mempunyai apa-apa untuk diberikan kepada mereka, namun lelaki tersebut mendesak bahawa gembala-gembala tersebut sedang mengharapkan sesuatu. Setelah itu, ‘Abdu’l-Bahá mempunyai satu idea: Dia akan memberikan gembala-gembala tersebut beberapa biri-biri dari kawanan yang dijaga oleh mereka. Bahá’u’lláh sangat senang hati apabila Baginda mendengar tentang pemikiran ‘Abdu’l-Bahá yang dermawan terhadap gembala-gembala. Baginda mengatakan secara berlawak*

*bahawa semua orang lebih baik menjaga Abdu'l-Bahá dengan baik kerana suatu hari nanti Beliau akan memberikan Diri-Nya Sendiri. Sudah tentu, inilah yang tepat sekali dilakukan oleh 'Abdu'l-Bahá sepanjang hidup-Nya. Beliau memberikan segala yang Beliau ada, setiap dan segala waktu dalam hidup-Nya, kepada umat manusia, untuk menyatukan kita dan membawa kegembiraan sejati kepada kita.*

#### **E. Permainan: "Kembar"**

Selepas tempoh penyampaian cerita, seperti selalu kanak-kanak akan bermain sebuah permainan. Bahagikan mereka kepada berpasangan, mencuba sedaya upaya untuk membahagikan kanak-kanak yang mempunyai tinggi yang sama untuk bekerja bersama. Minta setiap pasangan untuk berdiri membelakang satu sama lain dan duduk mencangkung. Kemudian, beritahu mereka untuk menggandingkan siku dan cuba untuk berdiri. Setelah mereka berjaya, bahagikan mereka kepada kumpulan-kumpulan yang mempunyai tiga atau empat kanak-kanak dan cuba untuk melakukan yang sama.

#### **F. Mewarna: Lukisan 5**

Sebagai aktiviti terakhir, anda boleh mengagihkan salinan-salinan Lukisan 5 untuk kanak-kanak warna.

#### **G. Doa Penutup**

Kelas boleh ditutup dengan cara kebiasaannya, dengan doa dan petikan yang dilafazkan oleh anda dan beberapa kanak-kanak.

## **BAHAGIAN 6**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Selepas anda dan beberapa pelajar telah melafazkan doa pembukaan, anda boleh membantu kanak-kanak untuk teruskan mempelajari doa yang diperkenalkan dalam Pelajaran 5.

#### **B. Lagu**

Sebagai aktiviti yang seterusnya, ajar kanak-kanak untuk menyanyikan lagu yang berikut, yang berkaitan dengan tema pelajaran. Mereka juga boleh menyanyikan beberapa lagu lain terutamanya yang mereka suka.

Utamakan Saudaramu

Aku haus, aku haus  
Saudaraku juga haus  
Kuberi dulu air kepadanya  
Untuk menghilangkan dahaga.

Diberkati dia yang utamakan rakan  
Cara menunjukkan prihatin  
Diberkati dia yang utamakan rakan  
Mementingkan diri tidak diizinkan.

Aku lapar, aku lapar,  
Adikku juga lapar,  
Kuberi sedikit makananku kepadanya  
Itu yang sebaiknya

### C. Menghafal petikan

Dalam pelajaran ini, kanak-kanak akan belajar melafazkan petikan dari Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh yang menyeru kita untuk tidak mementingkan diri. Anda boleh menyampaikan tema ini dengan cara yang berikut:

Tuhan mencintai setiap daripada kita dan semua, dan Dia telah menciptakan hati manusia untuk mengenal-Nya dan mencintai-Nya. Apabila hati kita murni, kita mampu melihat tanda-tanda Tuhan dicerminkan dalam ciptaan-Nya. Kita melihat kedermawanan-Nya, kebaikan hati-Nya, belas kasihan-Nya. Dalam cinta kita terhadap Tuhan, kita ingin membawa keriangan dan kegembiraan kepada mereka semua yang kita lihat di sekitar kita—kepada ibu bapa kita, kepada adik beradik kita, kepada kawan-kawan dan jiran-jiran kita. Cinta kita sungguh agung sehingga apa yang lebih membuat kita gembira adalah untuk membawa keriangan kepada yang lain dan untuk meletakkan keselesaan mereka sebelum kita sendiri. Hal ini demikian kerana kita memikirkan rakan manusia sebelum kita memikirkan tentang diri kita sendiri. Marilah kita menghafal petikan berikut dari Bahá'u'lláh:

**“Diberkatilah dia yang mengutamakan saudaranya daripada dirinya sendiri.”<sup>105</sup>**

#### *Diberkati*

1. Ibu Amelia memintanya untuk pergi kedai dan membeli lima barang. Dia tidak membuat satu senarai tetapi ingat untuk membeli semuanya tanpa melupakan satu pun. Amelia diberkati dengan dengan ingatan yang baik.
2. Keluarga Victor melafazkan doa setiap pagi di rumah mereka. Rumah keluarga Victor diberkati dengan memperingati Tuhan.

## *Mengutamakan*

1. Nenek Anoushka menyukai kedua-dua teh pudina dan teh lemon tetapi apabila dia mempunyai pilihan, dia memilih teh pudina. Dia mengutamakan teh pudina.
2. Veasna boleh keluar dan bermain atau membantu ayahnya di kebun. Dia memutuskan untuk membantu ayahnya di kebun. Veasna mengutamakan untuk membantu ayahnya.

## **D. Cerita**

Cerita berikut menggambarkan bagaimana, melalui kedua-dua kata-kata-Nya dan perlakuan-Nya, ‘Abdu’l-Bahá menunjukkan kita cara-cara tidak mementingkan diri.

*‘Abdu’l-Bahá mengutamakan pakaian-pakaian yang tidak mahal untuk Diri-Nya. Apa yang lebih penting pada Beliau adalah untuk menjadi amat bersih. Apabila Beliau mempunyai pakaian-pakaian lebih, Beliau selalu memberikannya kepada orang lain. Pada suatu hari, Beliau pergi untuk meraikan gabenor ‘Akká. Isteri Beliau berasa bahawa jubah-Nya tidak berapa sesuai untuk acara yang istimewa tersebut. Terlebih dahulu dia telah pergi pada tukang jahit dan memesan jubah yang elok untuk ‘Abdu’l-Bahá. Apabila hari lawatan gabenor tiba, jubah yang baharu telah tersedia untuk Beliau. Namun, ‘Abdu’l-Bahá pergi mencari jubah-Nya yang lama. Bagaimana jubah sebegini yang mahal, seperti yang telah tersedia, mungkin adalah milik-Nya? Untuk jumlah yang sama, lima jubah biasa boleh dibuat. “Jadi, engkau melihat, Beliau memberitahu isteri-Nya, “Saya tidak hanya mempunyai satu jubah yang baharu, tetapi Saya juga mempunyai empat lagi untuk diberikan kepada orang lain!”*

## **E. Permainan: “Si Siput”**

Untuk aktiviti yang seterusnya, beritahu kanak-kanak bahawa mereka akan menjadi siput. Untuk berjaya, mereka harus berdiri dalam barisan, berpegangan tangan, dan tidak melepaskannya. Orang di hujung akan menjadi pusat, dan dia harus berdiri sangat tegak. Kanak-kanak di hujung yang lagi satu harus membimbangi semua yang lain dalam barisan untuk bergerak melingkari kanak-kanak yang berada di tengah. Sedikit demi sedikit mereka harus menggerakkan diri menjadi lingkaran untuk membentuk seekor siput.

Sebagai kaedah lain bagi permainan di atas, beritahu kanak-kanak untuk berdiri dalam barisan sekali lagi dan berpegangan tangan. Kemudian, minta kanak-kanak di satu hujung untuk mula bergerak dalam bulatan, dengan perlahan-lahan melingkari yang lain di sekitarnya. Pastikan mereka berhati-hati agar tidak memijak kaki satu sama lain apabila melakukannya.

Jika masa mengizinkan, sejurus selepas kanak-kanak telah membentuk seekor siput, beritahu mereka yang berada di tengah untuk membongkok dan orang yang berada di tengah pergi di bawah tangan kanak-kanak di sebelahnya, meneruskan melalui tangan-tangan yang lain sehingga kesemua mereka telah muncul dan membentuk sebuah barisan sekali lagi. Secara jelas, untuk permainan ini berhasil, anda harus mempunyai jumlah kanak-kanak yang mencukupi dalam kelas.

**F. Mewarna: Lukisan 6**

**G. Doa penutup**

**PELAJARAN 7**

**A. Melafazkan dan menghafal doa**

Anda boleh mengimbas dengan kanak-kanak doa yang mereka telah mula menghafal dalam Pelajaran 5, selepas anda dan beberapa anak-anak muda telah melafazkan doa pembukaan.

**B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

Keriangan Memberi Kita Sayap

Keriangan memberi kita sayap untuk terbang

Keriangan memberi kita sayap

Keriangan memberi kita sayap untuk terbang

Keriangan memberi kita sayap

Saat kita riang, kekuatan kita berlipat ganda

Saat kita riang, kecerdasan kita meningkat tinggi

Saat kita riang, pemahaman kita menjadi jelas

Keriangan memberi kita sayap untuk terbang

Keriangan memberi kita sayap

Namun bila kesedihan datang,

Kita menjadi menjadi lemah, kekuatan kita berkurang,

Pandangan kita menjadi kabur, fikiran kita menjadi kelabu

Bagaimanapun

**C. Menghafal petikan**

Yang berikut akan membantu anda dalam menyampaikan petikan yang kanak-kanak akan hafal dalam pelajaran ini, yang bertumpu pada tema keriangan:

‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita bahawa keriangan memberi kita sayap, bahawa apabila riang kita lebih kuat, dan bahawa apabila gembira kita memahami dengan lebih pantas. Keriangan adalah sifat hati manusia. Dengan hati yang penuh dengan keriangan, kita melihat berkat Tuhan di mana-mana saja di sekitar kita—berkat ibu bapa yang penyayang, berkat persahabatan, dan di atas segalanya, berkat untuk mengenal Dia dan mencintai Dia. Kita harus menjadi gembira dan riang dalam semua keadaan dan melakukan yang terbaik untuk membawa keriangan kepada yang lain. ‘Abdu’l-Bahá menginginkan semua kanak-kanak untuk bersinar bagaikan lampu-lampu cemerlang yang bersinar dengan cahaya keriangan di mana-mana pun. Untuk membantu kita mengingati bahawa kita harus sentiasa menjadi riang, marilah menghafal petikan berikut:

**“Wahai Putera Manusia! Bergembiralah dalam keriangan hatimu, agar engkau menjadi layak untuk berjumpa dengan-Ku dan untuk mencerminkan keindahan-Ku.”<sup>106</sup>**

#### *Bergembira*

1. Ronald tinggal jauh daripada datuk neneknya. Apabila dia mendengar bahawa dia akan melawat mereka semasa cuti sekolah, dia menjadi gembira. Hatinya bergembira.
2. Mouzhgan membantu ibu dan ayahnya menanam biji-biji timun di kebun mereka. Hatinya bergembira apabila timun-timun kecil yang pertama mulai muncul.

#### *Layak*

1. Sjona belajar dengan bersungguh-sungguh dan menerima markah yang cemerlang. Cikgu memuji ketekunan dan kerja kerasnya. Kerja keras Sjona layak dipuji oleh cikgunya.
2. David selalu menjaga adik-adiknya. Ibu bapanya tahu bahawa mereka boleh mempercayainya. David layak mendapat kepercayaan ibubapanya.

#### *Mencerminkan*

1. Amari menggilap batu yang dia temui sampai ia menjadi sangat berkilat sehingga ia mulai mencerminkan cahaya.
2. Hati yang murni mencerminkan sifat-sifat Tuhan..

#### *Keindahan*

1. Ibu Ilana suka melihat burung-burung berterbang di langit, bunga-bunga yang mekar dan ombak laut yang beralun ke darat. Dia melihat keindahan pada alam.
2. Kadangkala keindahan lagu sungguh menyentuh hati kita sehingga ia menyebabkan kita menangis.
3. Bila-bila pun Munir melafazkan doa, dia mengingati keindahan Tuhan, cinta-Nya, kedermawanan-Nya dan kearifan-Nya.

#### D. Cerita

Cerita yang berikut akan menggambarkan kepada kanak-kanak bagaimana ‘Abdu’l-Bahá membawa keriangan kepada hati orang-orang di sekitar-Nya.

*Leroy Ioas adalah seorang Bahá’í termasyhur yang anda mungkin akan mengenali dengan lebih lanjut seiring anda membesar. Dia masih muda ketika ‘Abdu’l-Bahá berkunjung ke kota Chicago (Amerika) pada tahun 1912. Cuba bayangkan betapa riangnya anak rohani ini dalam mendapatkan kesempatan mencapai hadirat ‘Abdu’l-Bahá! Pada suatu hari, ketika ayahnya bersama dia berangkat menuju ke hotel yang diinap oleh Master, Leroy mendapat satu idea. Dia memutuskan untuk membawa beberapa kuntum bunga kepada ‘Abdu’l-Bahá. Dengan sedikit wang yang dia ada, dia dapat membeli sejambak bunga teluki putih. Namun setibanya di hotel, dia mengubah fikirannya. Dia tidak mahu memberikan sesuatu yang bersifat kebendaan kepada Master, walaupun dalam bentuk bunga yang indah sekalipun. Dia bertekad memberikan hatinya, kerana itulah persembahan yang paling berharga yang dapat diberikannya. Jadi, ayah Leroylah yang kemudian menyerahkan bunga-bunga itu kepada ‘Abdu’l-Bahá tanpa memberitahu siapa yang membelinya.*

*‘Abdu’l-Bahá menyampaikan ucapan kepada semua sahabat yang berkumpul di hotel untuk berjumpa dengan-Nya. Semasa ucapan-Nya, Leroy duduk diam di tepi kaki Master sambil mendengar dengan penuh perhatian kata-kata-Nya yang bijaksana dan penuh kasih sayang. Kemudian, Master berdiri dan bersalamam dengan setiap tetamu sambil memberi setiap seorang sekuntum bunga teluki sebagai tanda kasih-Nya. Pada masa itu, Leroy berdiri di belakang Master. “Oh, saya amat teringin jika Beliau berpaling padaku dan menghadiahkan sekuntum bunga itu kepadaku,” fikir budak lelaki itu. Mungkin, dalam hati kecilnya, dia sebenarnya menginginkan agar Master mengetahui siapa yang membawakan bunga-bunga cantik itu untuk dibahagi-bahagikan. Namun demikian, satu persatu bunga teluki putih itu diberikan-Nya kepada orang lain dan nampaknya Leroy tak mungkin akan mendapat bahagiannya. Namun, sesudah itu, tiba-tiba Master berpaling ke belakang dan menatap tajam pada wajah Leroy Ioas. Wajah-Nya memancarkan cahaya cinta dan pandangan mata-Nya penuh dengan kasih sayang. Tetapi adakah Beliau memberinya sekuntum bunga teluki? Ternyata tidak. ‘Abdu’l-Bahá memberinya sesuatu yang lebih berharga lagi. Beliau mempunyai sekuntum bunga mawar pada jubah-Nya. Beliau menanggalkan bunga mawar itu dan terus menghadiahkannya kepada pemuda itu. Hati Leroy melompat-lompat dengan keriangan yang luar biasa. Master ternyata tahu siapa sebenarnya yang membawakan-Nya bunga-bunga teluki putih itu.*

#### E. Permainan: “Menangkap Ekor Naga”

Untuk memulakan aktiviti yang seterusnya, minta kanak-kanak berdiri dalam satu barisan, meletakkan tangan mereka di bahu kanak-kanak yang berdiri di depan mereka. Kanak-kanak pertama dalam barisan tersebut ialah kepala naga. Kanak-kanak terakhir ialah ekor naga, yang selalu mengayun ke kiri dan kanan untuk mengelak kepala naga. Sebelum tanda “Mula” diberikan, naga itu harus berada dalam barisan lurus. Seorang kanak-kanak mengira “Satu, dua, tiga, mula!” Pada penanda “Mula”, kepala berlari ke sana sini cuba menangkap ekornya. Seluruh badan harus bergerak mengikut kepala dan tidak boleh terputus. Jika kepala berjaya menyentuh ekor atau badan terputus sebelum dia melakukannya, maka kepala menjadi ekor, dan kanak-kanak di baris yang kedua akan menjadi kepala. Permainan

boleh diteruskan dengan cara ini sehingga setiap kanak-kanak mendapat peluang untuk menjadi kepala dan ekor sekurang-kurangnya sekali.

#### F. Mewarna: Lukisan 7

#### G. Doa penutup

## PELAJARAN 8

### A. Melafazkan dan menghafal doa

Mulakan kelas seperti selalu dengan melafazkan doa yang dihafal dan minta beberapa pelajar yang telah dipilih terlebih dahulu untuk melakukannya juga. Kemudian, anda boleh mengimbas dengan kanak-kanak doa yang mereka telah pelajari dalam Pelajaran 5.

### B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)

#### Pada Setiap Masa

KORUS:

Pada setiap masa tunjukkanlah  
Kebenaran dan keikhlasan kita  
Pada setiap masa tunjukkanlah  
Kebenaran dan keikhlasan kita

(ulang)

Bila bercakap, ku kongsi dari hatiku  
Kata yang baik dan benarlah seniku  
Oh berharganya keikhlasan  
Gabungan kejujuran dan kemurnian  
Oh berharganya keikhlasan

Bila berkhidmat, ku beri dari hatiku  
Murnikan fikiran, doa sebelum mula  
Beginilah ku dapat bina kesatuan  
Oh berharganya keikhlasan  
Oh berharganya keikhlasan

Bila berdoa, ku doa dari hatiku  
Menutup mata dan fikir tentang Tuhan  
Tidak fikirkan hasrat dan keperluanku  
Hanya bagaimana untuk menjadi ikhlas  
Oh berharganya keikhlasan

KORUS (*ulang dua kali*)

### C. Menghafal petikan

Untuk menyampaikan petikan hafalan, anda boleh menggunakan idea berikut berkaitan dengan tema pelajaran:

Ketika kata-kata dan perbuatan kita mencerminkan apa yang ada dalam hati, kita menunjukkan sifat ketulusan. Ketulusan mengilhamkan kita untuk bercakap benar dan setia dalam hubungan kita dengan orang lain. Contohnya, ketika kita mengatakan bahawa kita menyesal dengan sesuatu yang telah kita lakukan, kita tahu dalam hati bahawa kita akan berusaha sepenuh hati untuk tidak mengulangi perbuatan salah tersebut. Melalui ketulusan kitalah orang-orang akan melihat kemurnian hati kita dan meletakkan kepercayaan pada kita. Untuk membantu kita mengingat betapa pentingnya nilai murni ini, kita akan menghafal petikan yang berikut daripada ‘Abdu’l-Bahá:

**“Dalam setiap saat, kita harus menjelmakan kebenaran dan ketulusan. . .”<sup>107</sup>**

#### *Menjelmakan*

1. Csaba membersihkan lumpur dari kulit kerang yang dijumpainya di pantai dan menggosoknya sehingga halus dan bersinar. Ketika dia selesai, kulit kerang tersebut menjelmakan kecantikan sebenarnya.
2. Ketika matahari terbit dan kabus menghilang, kemegahan gunung-ganang menjelma.

#### *Ketulusan*

1. Rakan-rakan sekelas Leo sering bermain permainan daripada belajar. Leo risau mereka akan gagal dalam pelajaran sekolah, jadi dia bercadang agar mereka semua belajar bersama dan berfikir cara supaya mereka dapat membantu satu sama lain untuk belajar. Kebimbangan Leo terhadap rakan sekelasnya adalah tulus.
2. Rosa berjanji kepada ibunya bahawa dia akan membuat kerja sekolahnya setiap hari. Ketika ibu bapanya keluar, Rosa dengan rajin membuat kerja sekolahnya. Rosa bersikap tulus dalam janjinya.

### D. Cerita

Cerita yang anda ceritakan kepada kanak-kanak dalam cerita ini akan membantu mereka berfikir tentang makna untuk memiliki sifat ketulusan dan untuk melihat apabila kurangnya sifat ini.

*Selama bertahun-tahun, sebuah pokok yang besar tumbuh di belakang rumah yang dimiliki oleh sepasang suami isteri dengan beberapa orang anak. Apabila pokok ini semakin membesar, cabang-cabangnya naik ke atas dan keluar, memberi teduhan pada bahagian belakang rumah keluarga tersebut. Suatu pagi pada musim sejuk, si ayah berjalan melalui pokok tersebut apabila dia bertemu dengan seorang jiran. Mereka bercakap sebentar tentang keadaan di kampung tersebut. Sesaat kemudian, jirannya yang menyedari pokok besar tersebut berkata kepada si ayah, “Kamu tahu, sudah tiba masanya untuk kamu memotong pokok yang besar itu. Pokok ini tumbuh*

dengan berselerak dan liar. Bagaimana jika nanti salah satu cabangnya patah dan jatuh di atas atap kamu – atau lebih teruk lagi jatuh kena salah seorang anak kamu ketika mereka bermain di bawah pokok ini?” Ketika mereka bersurai, si ayah mempertimbangkan nasihat jirannya. Pokok ini telah berdiri di sini sejak dahulu, dan setakat ini tidak pernah ada masalah. Pokok ini memberi teduhan dengan baik pada musim panas, dan melindungi rumah daripada angin yang menusuk tulang pada musim sejuk. Ia kelihatan teguh dan kuat. “Namun, kata-kata jiranku ada benarnya juga,” si ayah berkata kepada dirinya sendiri. “Penampilan kadangkala boleh menipu. Bagaimana jika pokok tersebut tidak seteguh penampilannya?” Jadi, dia memutuskan untuk menebang pokok tersebut.

Amatlah susah untuk menebang pokok itu kerana ia sesungguhnya sangat besar dan mempunyai banyak cabang dan dahan yang beberapa antaranya cukup tinggi. Setelah si ayah selesai, jirannya kembali, kali ini dengan kedua-dua anak lelakinya dan sebuah kereta sorong. “Saya melihat kamu memutuskan untuk menebang pokok itu,” kata jirannya, sambil melihat ke arah longgokan kayu. “Saya berfikir kamu mungkin memerlukan seseorang untuk membuang longgokan kayu tersebut. Mungkin kami boleh membantu kamu. Saya telah membawa kereta sorong serta dua orang anak saya, dan kami akan bersenang hati untuk mengangkat semua kayu tersebut dari halaman kamu. “Tanpa menunggu jawapan, anak-anak lelaki tersebut mengangkat kayu-kayu ke dalam kereta sorong mereka. Ketika mereka sudah pergi dengan kereta sorong yang penuh, si ayah duduk terpaku di atas tungkul pokok yang telah melindungi rumahnya begitu lama. Pada masa itulah dia menyedari bahawa jirannya itu sebenarnya tidak bimbang akan keselamatan keluarganya, tetapi hanya tertarik pada kayu api yang akan memanaskan badan mereka selama bulan-bulan musim sejuk.” Sememangnya penampilan kadangkala boleh menipu,” katanya sambil mengeluh. Betapa sedihnya keluarga tersebut kehilangan pokoknya yang indah pada hari itu. Tetapi yang lebih menyedihkan adalah—jiran tersebut kehilangan kepercayaan rakannya dan peluang untuk memenangi keredaan Tuhan.

#### E. Permainan: “Panas atau Sejuk”

Mulakan dengan menutup mata seorang kanak-kanak dengan kain dan meminta dia untuk meninggalkan kumpulan. Kanak-kanak yang lain harus menyembunyikan suatu objek kecil, contoh sebatang pensel atau krayon, lalu buka kain pada mata kanak-kanak yang pertama, yang sekarang akan mencari objek tersembunyi itu. Kanak-kanak yang lain harus membantu dengan bertepuk semakin kuat ketika dia mendekati tempat penyembunyian. Jika kanak-kanak itu menjauhi tempat di mana objek itu disembunyikan, tepukan tangan menjadi semakin perlahan. Selain bertepuk tangan, kanak-kanak juga boleh berteriak “suam”, “semakin panas”, dan “sangat panas” ketika kanak-kanak yang mencari mendekati objek tersebut dan “sejuk”, “semakin sejuk”, dan “beku” jika kanak-kanak tersebut menjauhinya. Kanak-kanak harus berhati-hati jangan sampai salah mengarahkan rakannya yang sedang mencari objek tersembunyi itu; jika tidak, dia akan hilang kepercayaan pada kanak-kanak yang lain, dan permainan akan menjadi sia-sia.

#### F. Mewarna: Lukisan 8

#### G. Doa penutup

## **PELAJARAN 9**

### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Untuk memulakan kelas ini dan tiga kelas yang seterusnya, pilih doa yang dilafazkan melalui hati, seperti yang dicadangkan di Bahagian 10. Beberapa pelajar boleh menyertai anda dalam melafazkan doa pembukaan, dan selepas itu anda boleh memperkenalkan doa berikut untuk hafalan. Doa ini lebih panjang daripada dua doa yang telah dihafal oleh kanak-kanak sebelum ini, tetapi ia tidak susah untuk fahami oleh kanak-kanak, dan kesemua mereka harus dapat menghafalnya sebelum Pelajaran 12.

**“Diberkatilah titik, dan rumah, dan tempat, dan kota, dan hati, dan gunung, dan perlindungan, dan gua, dan lembah, dan tanah, dan laut, dan pulau, dan padang rumput tempat nama Tuhan dilafazkan, dan kemuliaan-Nya diagungkan..”<sup>108</sup>**

### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

Jadilah Seperti Bumi

Lihat bumi rendah diri  
Punyai kekayaan diberi  
Semua yang diperlui  
Rela dipijak setiap hari  
Namun tak pernah ia berkata  
“Aku kaya hebat dari anda”

Lihat pokok rendah diri  
Semakin lebat buahnya, semakin ia tunduk ke bumi  
memberikan semua buahnya  
Namun tak pernah ia berkata  
“Aku kaya hebat dari anda”

Jadi seperti bumi  
Jadi seperti pokok  
Naik ke langit kemuliaan  
Dengan sayap kerendahan

### **C. Menghafal petikan**

Idea berikut akan membantu anda memperkenalkan tema pelajaran ini dan petikan untuk hafalan.

Suatu sifat rohani yang sangat penting ialah kerendahan hati. Mereka yang rendah diri di hadapan Tuhan akan menyedari kebesaran Tuhan dan ciptaan-Nya. Mereka mengetahui bahawa tanpa bantuan dan kurnia-Nya, tidak ada sesiapa daripada kita akan mencapai apa pun. Dia adalah yang Maha Kuat, yang Maha Berkuasa. Dan, sebagaimana kita tidak akan menunjukkan kebongkakan di hadapan Tuhan, kita juga

kekal rendah diri di hadapan semua ciptaan-Nya. Kita mengingati bahawa bumi dan semua orang di dalamnya telah diciptakan oleh Dia dan memantulkan tanda-tanda dan sifat-sifat-Nya. Kita menghormati alam dan mengetahui dalam hati kita bahawa sentiasa terdapat sesuatu yang kita boleh belajar dari orang-orang di sekeliling kita. Marilah kita menghafal petikan berikut:

**“Wahai Putera Manusia! Rendahkanlah dirimu di hadapan-Ku, agar dengan belas kasihan Daku dapat mengunjungimu.”<sup>109</sup>**

#### *Rendah diri*

1. Zainab rajin membuat tugas matematiknya dan selalu melakukannya dengan baik. Dia seorang yang rendah diri dan tidak pernah bercakap besar tentang pencapaianya.
2. Kanak-kanak di kejiranan Yong Fu ingin sangat untuk belajar, dan dia diminta untuk membentuk sebuah kelas kecil untuk mereka. Walaupun dia mempunyai pengalaman yang sedikit dan menganggap dirinya tidak layak, dia meletakkan kepercayaan kepada Tuhan dan melakukan yang terbaik. Dia melakukan tugas dengan kerendahan hati.

#### *Belas kasihan*

1. Keluarga Candace telah menjemput beberapa orang jiran ke rumah mereka untuk jamuan. Apabila tetamu datang, Candace menyambut mereka dengan hangat dan memberikan mereka minuman sejuk dengan belas kasihan.
2. Giovanni melihat jirannya yang berumur sedang kepayaan untuk berjalan pulang ke rumah dengan beg-beg barang runcit, jadi dia menawarkan untuk mengangkat beg-beg tersebut untuknya.

#### **D. Cerita**

*Kerendahan hati adalah salah satu sifat ‘Abdu’l-Bahá yang paling ketara. Ramai orang ingin memberikan gelaran yang tinggi kepada Beliau, namun Beliau hanya ingin diri-Nya dipanggil ‘Abdu’l-Bahá, yang bererti “Hamba Kemuliaan”. Hasrat terdalam Beliau adalah untuk berkhidmat. Pernah sekali, beberapa orang pelawat yang kaya membuat satu rancangan untuk mencuci tangan Beliau sebelum makan. Mereka mengatur seorang kanak-kanak lelaki yang berpakaian segak untuk membawa mangkuk mewah yang berisi “air kristal”, dan mereka juga menyiapkan tuala yang harum untuk Beliau. Ketika ‘Abdu’l-Bahá melihat sekumpulan rakan tersebut mendekati dari seberang halaman—dengan seorang kanak-kanak lelaki, mangkuk, dan tuala tersebut—Beliau mengetahui tujuan mereka. Dia segera mencari air yang terdekat, membasuh tangan-Nya dan mengeringkannya dengan sehelai tuala milik tukang kebun. Dengan berseri-seri, Beliau kemudian berpaling untuk menyambut kumpulan tersebut. Kemudian, mengurniakan tetamu-Nya kehormatan yang sepatutnya diberikan kepada-Nya, Beliau memberikan air dan tuala harum tersebut kepada mereka dengan kasih sayang.*

#### **E. Permainan: “Kadangkala Kami Tinggi”**

Tutup mata seorang kanak-kanak dengan kain dan yang lain membentuk bulatan yang mengelilingi kanak-kanak itu. Secara serentak, mereka berkata:

“Kami sangat tinggi.” (Mereka harus berdiri dengan mengangkat tumit dan meregangkan badan setinggi yang mungkin.)

“Kami sangat rendah.” (Mereka harus duduk mencangkung dan membuat badan serendah yang mungkin.)

“Kadangkala saya tinggi.” (Mereka berdiri dan meregangkan diri semula.)

“Kadang-kala saya rendah.” (Mereka mencangkung semula.)

Sekarang berikan isyarat kepada kanak-kanak, sama ada mereka harus berdiri atau mencangkung dan kemudian mereka secara serentak berkata:

“Teka, apakah kami sekarang!”

Kanak-kanak yang matanya ditutup dengan kain harus cuba meneka melalui paras suara mereka sama ada mereka “rendah” atau “tinggi”. Setiap kanak-kanak harus mengambil giliran untuk matanya ditutup dengan kain.

#### **F. Mewarna: Lukisan 9**

#### **G. Doa penutup**

### **PELAJARAN 10**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Selepas doa pembukaan, kanak-kanak boleh meneruskan dengan menghafal doa yang telah diperkenalkan dalam pelajaran yang lalu.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

Bersyukur dan Memuji Tuhan

Aku bersyukur dan memuji Tuhan  
Untuk mahkota pengampunan  
Yang dikenakan di kepalaku  
Selamanya ‘kan bersinar  
Semakin ku tunjukkan rasa terima kasihku  
Aku bersyukur dan memuji Tuhan

Aku bersyukur dan memuji Tuhan  
Untuk cinta dan pengetahuan  
Yang tertanam di dalam hatiku  
Mereka akan terus tumbuh  
Semakin kutunjukkan rasa terima kasihku  
Aku bersyukur dan memuji Tuhan

Aku bersyukur dan memuji Tuhan  
Untuk cahaya kebenaran  
Untuk menerangi mata hatiku  
Aku ‘kan lihat anugerah-Mu mengalir  
Aku bersyukur dan memuji Tuhan  
Aku bersyukur dan memuji Tuhan

### C. Menghafal petikan

Petikan untuk hafalan boleh diperkenalkan kepada para pelajar anda dengan cara yang berikut:

Ketika kita menerima hadiah yang sekecil mana pun, kita berterima kasih kepada orang yang memberikannya kepada kita. Jadi, berapa banyakkah harus kita bersyukur kepada Tuhan kerana hadiah-hadiah dan rahmat-Nya yang tak terkira—mata yang mengambil berat yang mengawasi kita, kalbu-kalbu untuk mencintai kita, dan segala yang Dia telah ciptakan agar kita dapat tumbuh dan berkembang. ‘Abdu’l-Bahá memberitahu bahawa kita harus bersyukur kepada Tuhan kerana telah mencurahkan rahmat-Nya kepada kita dan kerana memenuhi hati kita dengan cinta-Nya. Kita harus bersyukur kepada Tuhan pada setiap masa, bahkan pada masa kesukaran. Bersyukur kepada Tuhan memungkinkan kita menerima lebih banyak lagi rahmat-Nya yang tak terbatas. Marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“Bergembiralah engkau. Bersyukurlah engkau. Bangkitlah untuk berterima kasih kepada Tuhan, agar rasa syukurmu dapat membawa kepada peningkatan curahan rahmat.”<sup>110</sup>**

#### *Bangkit*

1. Salma gembira melihat neneknya bangkit dari tempat tidurnya dan pergi berjalan setelah begitu lama menghidap penyakit.
2. Kanak-kanak tersebut bangkit awal pada setiap pagi untuk melafazkan doa.

#### *Membawa kepada*

1. Nadia selalu nampak bersih. Dia tahu bahawa kebersihan itu penting bagi pertumbuhan rohani. Kebersihan dapat membawa kepada suasana rohaniah.

2. Ahli keluarga Seff bekerjasama dan membantu satu sama lain dalam segala hal penting. Oleh kerana mereka bekerjasama, mereka hidup dalam keharmonian. Kerjasama dapat membawa kepada keharmonian.

#### *Peningkatan*

1. Pada tahun lalu, sekolah Maria hanya mempunyai lima orang guru. Tahun ini, ia mempunyai lapan orang guru. Jumlah guru telah meningkat sebanyak tiga.
2. Shayan adalah seorang budak lelaki yang riang dan keriangannya bertumbuh dengan lebih lagi apabila dia mampu untuk menolong orang lain. Keriangannya meningkat apabila dia berkhidmat kepada orang lain.

#### **D. Cerita**

*Pada suatu hari, seorang wanita yang kaya datang dari jauh untuk berjumpa dengan ‘Abdu’l-Bahá di Tanah Suci. Dengan panjang lebar, dia mulai memberitahu Beliau tentang masalah kecilnya, satu demi satu. ‘Abdu’l-Bahá mendengar dengan kesabaran dan kebaikan hati untuk waktu yang agak lama sehingga akhirnya, janji temu yang lain membuat Beliau meminta diri. Walau bagaimanapun, sebelum meninggalkan tetamu-Nya, Beliau menunjuk ke arah seorang lelaki yang berjalan di luar tingkap. “Itulah lelaki yang Saya akan bawa untuk berjumpa dengan kamu,” kata Beliau. “Namanya ialah Mírzá Ḥaydar-‘Alí. Dia berjalan di bumi tetapi dia tinggal di syurga,” ‘Abdu’l-Bahá menerangkan. “Dia mempunyai banyak masalah dan dia akan memberitahu kamu tentangnya.”*

*Mírzá Ḥaydar-‘Alí sesungguhnya mempunyai banyak masalah. Dia berasal dari Parsi di mana umat Bahá’í diperlakukan dengan ketidakadilan dan kekejaman yang dahsyat. Beberapa daripada mereka ditangkap dan dipenjarra tanpa kesalahan; yang lain dipukul oleh orang yang dipenuhi dengan rasa kebencian dan kemarahan. Ia akan sangat menyedihkan hati kamu jika mendengar segalanya tentang apa yang , ‘Abdu’l-Bahá tanggung dalam hidupnya.*

*Sekarang, ‘Abdu’l-Bahá pergi keluar untuk menjemput Mírzá Ḥaydar-‘Alí dan membawanya masuk untuk berjumpa dengan tetamu Beliau. Setelah memperkenalkannya kepada wanita tersebut, ‘Abdu’l-Bahá berangkat. Sejurus selepas itu, Mírzá Ḥaydar-‘Alí mulai bercakap kepadanya dengan keriangan dan kerendahan hati yang teramat tentang masa menakjubkan yang kita sedang tinggal dan tentang semua berkat Tuhan yang akan datang. Tetamu tersebut mendengar untuk seketika, kemudian menjadi tidak sabar dan mencelah dengan berkata, “Tetapi ‘Abdu’l-Bahá berkata bahawa kamu akan memberitahu saya tentang masalah kamu.” Mírzá Ḥaydar-‘Alí mendongak dalam kehairanan. “Masalah?” jawabnya. “Kenapa Puan, saya tidak pernah mempunyai masalah. Saya tidak tahu apa itu masalah.” Sudah tentu, ‘Abdu’l-Bahá mengetahui bahawa walaupun Mírzá Ḥaydar-‘Alí telah mengalami kesusahan yang dahsyat, ia tidak pernah menyentuh kegembiraannya dan dia hanya melihat segala berkat yang Tuhan telah berikan kepadanya dalam hidup, yang mana dia syukuri.*

#### **E. Permainan: “Gerakan Cepat”**

Mintalah kanak-kanak untuk membentuk satu bulatan dan berpegang tangan. Pertama sekali, minta mereka berlatih untuk memicit tangan sebelah kiri dan kemudian kanan. Selepas itu, jelaskan kepada mereka bahawa mereka akan menghantar isyarat “nadi” melalui kumpulan tersebut. Seorang kanak-kanak akan mulai memicit dengan laju tangan kanak-kanak di sebelah kiri atau kanannya, yang akan memberi isyarat kepada kanak-kanak yang seterusnya dan berikutnya, sehingga ia kembali kepada kanak-kanak yang pertama. Kanak-kanak harus diberi had masa dan dicabar untuk melakukannya dengan semakin cepat. Setelah kanak-kanak sudah menguasai asas permainan ini, anda boleh meminta mereka untuk menghantar nadi ke arah yang berlawanan atau meningkatkan jumlah tekanan per nadi.

#### **F. Mewarna: Lukisan 10**

#### **G. Doa penutup**

### **PELAJARAN 11**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Buka kelas seperti biasa dengan melafazkan sebuah doa yang dihafal dan menjemput beberapa murid untuk melafazkan sebuah doa. Kemudian, anda boleh membantu kanak-kanak untuk meneruskan hafalan doa yang mereka telah mula belajar dalam Pelajaran 9.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

##### **Saling Memaafkan**

Saling memaafkan dan bersikap baik  
Inilah yang harus selalu kita ingat  
Saling memaafkan, jadilah pemaaf  
Bersikap baik bahkan pada musuhmu

Kita akan mencuba menemukan kebaikan dalam diri setiap orang  
Dengan memaafkan kita merasa sangat bahagia  
Mata yang memaafkan akan menutupi kesalahan  
Tidak melihat pada hal yang buruk  
Ketika kita dimaafkan  
Kita juga merasa sangat senang

”Biarlah sifat pemaaf dan belas kasihan  
dan yang meriangkan hati orang kesayangan Tuhan,  
menjadi perhiasan dirimu”  
Demikian Bahá'u'lláh telah bersabda

Lumrah manusia jika berbuat salah  
Kanak-kanak silap, yang dewasa juga  
Kita harus berusaha  
Untuk memaafkan kesalahan-kesalahan orang lain

### C. Menghafal petikan

Adalah dicadangkan bahawa anda memperkenalkan tema pelajaran dan petikan untuk hafalan dengan berkongsi idea-idea berikut kepada para pelajar anda:

Kemaafan adalah salah satu sifat Tuhan. ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita untuk sentiasa memaafkan satu sama lain. Kita harus melihat dengan mata yang memaafkan dan tidak melihat pada kesalahan satu sama lain. Jika kita mengikuti teladan ‘Abdu’l-Bahá, maka kita tidak hanya akan memaafkan rakan kita ketika mereka berbuat salah malah juga mereka yang berbuat tidak baik kepada kita. Untuk membantu kita dalam usaha menjadi pemaaf, marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“... biarkanlah sifat kemaafan dan belas kasihan, dan apa yang menggembirakan hati orang-orang kesayangan Tuhan, menjadi perhiasanmu.”<sup>111</sup>**

#### *Belas kasihan*

1. Hujan berterusan dari hari ke hari. Meskipun kampung telah banjir, hujan tidak berhenti. Hujan tidak menunjukkan belas kasihan.
2. Apabila kita berdoa kepada Tuhan, Dia memaafkan kita. Dia menunjukkan belas kasihan kepada kita.

#### *Gembira*

1. Ursula tidak berasa sihat. Rakannya, Elsie membawa bunga kepadanya dan duduk menemaninya untuk waktu yang lama sambil bercerita dan bercakap dengannya. Kunjungan Elsie membuat Ursula berasa lebih baik. Kunjungannya menggembirakan hati Ursula.
2. Puan Sanchez menerima surat panjang daripada suaminya yang telah pergi ke pekan yang berdekatan untuk bekerja. Surat tersebut membawakan khabar baik bahawa suaminya akan pulang ke rumah tidak lama lagi. Berita itu sangat menggembirakannya.

#### *Sayang*

1. Guru mencintai semua pelajarnya dan memberikan perhatian khusus kepada setiap seorang. Dia menyayangi semua.
2. James menyukai kesemua subjek di sekolah tetapi dia melakukan yang terbaik dalam Sains. Sains adalah subjek yang dia sangat sayangi.

#### D. Cerita

Semasa hari-hari Master tinggal di 'Akká, ada seorang gabenor yang sering kali cuba untuk memudaratkan umat Bahá'í. Pada suatu masa, gabenor itu bermatiat untuk menghapuskan mata pencarian mereka: dia memerintahkan para pengawalnya untuk menutup semua kedai milik umat Bahá'í dan memberikan kunci-kunci kedai kepadanya. Tetapi, 'Abdu'l-Bahá mengetahui rancangan gabenor itu dan menasihati rakan-rakan Bahá'í agar tidak membuka kedai pada keesokan harinya. Beliau memberitahu mereka untuk menunggu dan melihat apa yang akan ditetapkan oleh Tuhan.

Bayangkan kehairanan gabenor setelah mendengar daripada para pengawalnya bahawa mereka gagal membawa pulang kunci-kunci kerana kedai-kedai tersebut belum lagi dibuka. Namun, sebelum dapat memikirkan apa tindakan berikutnya, sesuatu yang tidak dijangkakan telah terjadi. Sebuah telegram daripada pihak atasannya memberitahu bahawa dia telah dipecat dari jabatannya sebagai gabenor kota itu. Maka, kedai-kedai umat Bahá'í diselamatkan.

Bekas gabenor tersebut diperintahkan untuk meninggalkan 'Akká dan pergi ke kota lain yang digelar Damaskus. Dia tidak tahu apa yang harus dilakukan. Dia harus pergi segera dan secara bersendirian. Apakah yang akan terjadi kepada keluarganya? Siapakah yang akan menolong seseorang yang sudah tidak disenangi pemerintah? 'Abdu'l-Bahá mendengar khabar itu dan pergi menjenguk bekas gabenor tersebut. Master mencurahkan bekas pegawai yang sedih itu dengan kebaikan hati yang teramat, seakan-akan dia tidak pernah menjadi musuh Akidah. Tidak sekalipun Beliau menyebut perbuatan-perbuatan buruk orang tersebut. Malah sebaliknya, Beliau menawarkan pertolongan dalam apa jua cara sekalipun. Bekas gabenor khuatir untuk meninggalkan isteri dan anak-anaknya. 'Abdu'l-Bahá meyakinkannya bahawa Beliau akan menguruskan hal itu. Kemudianya, Beliau mengaturkan pengangkutan yang selesa, menyediakan pengawal yang dipercayai untuk mengiringi isteri dan anak-anak bekas gabenor, membayar semua perbelanjaan, dan mengantar keluarganya menuju ke Damaskus.

Ketika bekas gabenor itu bersatu kembali dengan keluarganya, dia sangat bergembira. Dengan hati yang penuh rasa kesyukuran, dia berpaling kepada pengawal yang menghantar keluarganya sambil menanyakan tentang kos perjalanan tersebut. Si pengawal menjelaskan bahawa ia telah dibayar oleh 'Abdu'l-Bahá. Selepas itu, dia menawarkan hadiah kepada pengawal itu atas kebaikan hati dan ketekunannya menjaga keluarganya sepanjang perjalanan. Namun pengawal itu menolak pemberian itu sambil memberitahu bahawa mereka semata-mata memenuhi permintaan 'Abdu'l-Bahá dan tidak ingin menerima apa pun balasan daripadanya. Bekas gabenor itu pun menawarkan pengawal itu bermalam di rumahnya sebagai tetamu. Si pengawal menyatakan bahawa dia harus menuruti arahan Master, yang memintanya untuk segera pulang ke 'Akká. Bekas gabenor memohon si pengawal untuk menunggu sebentar supaya dia boleh menulis sepucuk surat kepada 'Abdu'l-Bahá. Si pengawal menerima permohonan ini dan telah memberikan surat tersebut kepada Master setibanya dia di 'Akká. Surat tersebut berbunyi: Ya 'Abdu'l-Bahá, saya merayu kamu mengampunku. Saya tidak faham. Saya tidak mengenali kamu. Saya telah berbuat zalim kepadamu. Kamu telah membalasku dengan kebaikan yang sangat besar."

#### **E. Permainan: “Orang ke Orang”**

Minta kanak-kanak untuk berjalan secara rawak sambil bertepuk tangan dan berkata, “orang ke orang”. Ketika anda berteriak “belakang ke belakang”, mereka harus berhenti dan setiap orang membelakang seorang pasangan. Setelah anda memberikan isyarat, mereka mulai bergerak lagi, tepuk tangan dan berkata, “orang ke orang”. Ketika anda berteriak “wajah ke wajah”, mereka berhenti dan setiap orang menghadap pada seorang pasangan dan menundukkan kepala. Permainan boleh diteruskan dengan cara ini, dengan dua arahan yang diulangi beberapa kali. Arahan lain boleh diberikan seperti “lutut ke lutut” atau “siku ke siku”.

#### **F. Mewarna: Lukisan 11**

#### **G. Doa penutup**

### **PELAJARAN 12**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Seperti biasa, kelas harus bermula dengan doa pembukaan. Kemudian, anda boleh mengimbas dengan kanak-kanak doa yang mereka telah pelajari sepanjang tiga pelajaran yang lalu. Anda harus memastikan bahawa kesemua mereka boleh melafazkannya dengan baik, kerana anda akan memperkenalkan doa baharu kepada mereka untuk dihafal dalam Pelajaran 13.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

##### **Kebenaran**

Kebenaran lebih terang dari matahari  
Kebenaran lebih terang dari matahari  
Dengan kebenaran hiasilah lidahmu  
Dengan kebenaran hiasilah lidahmu

Kejujuranlah perhiasan roh semua orang  
Kejujuranlah perhiasan roh semua orang  
Kejujuran lebih terang dari matahari  
Kejujuran lebih terang dari matahari

#### **C. Menghafal petikan**

Berikut adalah beberapa idea yang anda boleh kongsi dengan para pelajar anda untuk menyampaikan tema pelajaran, iaitu kejujuran, dan petikan yang mereka akan hafal.

Taman dihiasi dengan bunga-bungaan yang berbeza bentuk dan warna. Pada waktu musim bunga, pokok-pokok yang berbunga akan dihiasi dengan buka mekar yang harum. Kita menghiasi diri kita dengan pakaian yang tidak kotor dan sangat bersih. Kesemua perhiasan ini mewujudkan keindahan. Namun, lebih daripada benda-benda material, kecermerlangan sifat-sifat rohanilah yang menjadikan umat manusia indah, yang memberi keriangan kepada hati kita. Salah satu daripada sifat yang paling indah yang akan menghiasi kehidupan kita ialah kejujuran. Apabila kita menghiasi diri kita dengan kejujuran, kita tidak akan mengambil barang kepunyaan orang lain tanpa izin mereka, kita tidak akan menipu atau memperdaya sesiapa pun untuk melakukan sesuatu. Untuk membantu kita mengingati sifat kejujuran, marilah kita menghafal petikan daripada Bahá'u'lláh yang berikut:

**“Indahkanlah lidah-lidahmu, Wahai manusia, dengan sifat kebenaran dan hiasilah jiwamu dengan perhiasan kejujuran.”<sup>112</sup>**

#### *Indahkan*

1. Malit menanam bunga-bunga mawar yang indah di taman. Bunga-bunga mawar tersebut mengindahkan taman.
2. Sunil hanya bercakap benar. Kata-katanya sentiasa diindahkan dengan kebenaran.

#### **D. Cerita**

*Di bahagian kehidupan-Nya yang seterusnya, ‘Abdu’l-Bahá dapat berjalan ke banyak tempat di seluruh dunia. Di mana pun Beliau pergi, Beliau akan berjumpa dengan orang-orang dari semua latar belakang—pekerja, pemimpin, pendidik dan saintis—and Beliau melakukan apa jua yang termampu untuk membuat semua berasa senang. Pada suatu hari, di Mesir, Beliau telah menjemput penjawat kerajaan yang berpangkat tinggi untuk menjadi tetamu-Nya bagi makan tengah hari. ‘Abdu’l-Bahá mengambil keputusan untuk menyewa sebuah kereta kuda untuk membawa mereka ke destinasi, kerana penjawat awam telah terbiasa dengan keselesaan ini.*

*Perjalanan tersebut tidaklah terlalu lama, dan mereka akhirnya tiba di tempat makan tengah hari mereka. Tetapi apabila pemandu kereta kuda mendekati ‘Abdu’l-Bahá untuk pembayaran, dia meminta jauh lebih banyak dari harga asal bagi perjalanan tersebut. ‘Abdu’l-Bahá mengetahui bahawa pemandu tersebut sedang bercakap tidak jujur. Beliau membayar lelaki tersebut hanya apa yang layak, kemudian berpaling untuk membawa diri.*

*Apabila pemandu tersebut cuba untuk pertikaikan, ‘Abdu’l-Bahá berdiri teguh. Beliau memberitahu lelaki tersebut bahawa jika dia bercakap jujur tentang harga, dia mungkin akan diberikan ganjaran tip yang berbaloi. Kemudian Master membawa diri, meninggalkan pembantu tersebut untuk berfikir tentang tindakannya.*

#### **E. Permainan: “Segi Empat, Bulatan, Segi Tiga”**

Kanak-kanak diandaikan mengetahui nama sekurang-kurangnya beberapa bentuk seperti “segi empat”, “bulat”, dan “segi tiga”. Mulakan dengan mengimbas nama bentuk-bentuk tersebut dengan kanak-kanak, dan memastikan mereka dapat mengenal pasti setiap

bentuk. Kemudian, pegang tinggi-tinggi sekeping kad di mana anda telah melukis urutan ketiga-tiga bentuk tersebut—contohnya, bulat, bulat, segi empat—lalu meminta mereka untuk melihat dengan teliti. Kemudian ketepikan kad itu dan minta salah seorang kanak-kanak untuk menyebutkan urutan tersebut dengan suara yang lantang. Ulanginya beberapa kali, menggunakan kad-kad yang telah anda lukiskan dengan pelbagai urutan bentuk sebelum permainan dimulakan. Sediakan beberapa keping kad yang hanya ada dua jenis bentuk, seandainya urutan tiga bentuk adalah terlalu susah untuk diingati oleh kanak-kanak, dan beberapa kad dengan urutan empat atau lima bentuk, seandainya kanak-kanak berasa urutan tiga bentuk terlalu sukar untuk kanak-kanak ingat, dan beberapa keping kad dengan dengan urutan sebanyak empat atau lima bentuk, seandainya mereka berasa urutan sebanyak tiga terlalu mudah bentuk terlalu mudah.

Sekarang, anda boleh cuba menyebutkan urutan bentuk—sama ada dua, tiga, atau empat bentuk, bergantung kepada kemampuan kanak-kanak anda—and minta seorang kanak-kanak dalam kumpulan untuk mengulanginya. Setelah anda lakukan beberapa kali dengan setiap kanak-kanak, anda boleh membuat permainan menjadi lebih mencabar dengan meminta kanak-kanak melukiskan bentuk yang anda sebutkan.

#### F. Mewarna: Lukisan 12

#### G. Doa penutup

## PELAJARAN 13

#### A. Melafazkan dan menghafal doa

Dalam kelas ini dan tiga kelas yang seterusnya, kanak-kanak akan menumpukan usaha mereka dalam belajar melafazkan doa berikut melalui hati. Anda boleh memperkenalkannya kepada mereka selepas anda telah menawarkan doa pembuka dari ingatan, seperti yang dicadangkan di Bahagian 13, dan selepas beberapa kanak-kanak anda juga telah melakukannya.

**“Ya Tuhan! Tanamlah benih muda ini di taman rahmat-Mu yang berlipat ganda, siramlah ia dari pancutan-pancutan air kebaikan hati-Mu dan kurniakanlah agar ia dapat tumbuh menjadi tumbuhan yang baik melalui curahan-curahan anugerah dan kurnia-Mu.**

**“Engkau adalah yang Kuat dan Berkuasa.”<sup>113</sup>**

#### B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)

##### Sifat-sifat Tuhan

Tuhan Yang Maha Berkuasa  
Mencipta kita dengan Kasih-Nya  
Dia adil dan saksama  
Mengadili pada keupayaan kita

Tuhan mengasihani kita  
Kita memohon kemaafaan-Nya  
Bila niat kita suci dan ikhlas  
Tuhan mengenali usaha kita

Korus:

Kuasa, belas kasihan, dan rahmat  
Sifat-sifat Tuhan di mana sahaja  
Bijaksana, pemurah, dan pendidik  
Sifat-sifat Tuhan di mana sahaja

Kebijaksanaan-Nya tak terkira  
Tiada yang tersembunyi dari-Nya  
Mimpi dan rahsia kita semua  
Diketahui Tuhan sepenuhnya  
Pendidik kita yang Teragung  
Sumber segala pengetahuan  
Tuhan memberi kita ilmu  
Hukum dan bimbingan bagi kita

Korus

Tuhan fahami dan mengerti  
Bila kita sedih dan pilu  
Tuhan menjawab tangisan kita  
Dia menaikkan semangat kita  
Tuhan Pemurah dan Pemberi  
Segala milik kita pemberian-Nya  
Sebagai tanda Keindahan-Nya  
Dia memberi hidup gembira

### C. Menghafal petikan

Dalam pelajaran ini, kanak-kanak akan mempelajari sebuah petikan yang berkaitan dengan sifat belas kasihan, yang akan anda boleh sampaikan dengan cara yang berikut:

Tuhan adalah yang Maha Berbelas Kasihan, Maha Pengasih. Pada masa-masa kesukaran, kita memalingkan hati kita kepada-Nya dan meminta-Nya untuk menenangkan hati dan menguatkan kita. Maka, sama seperti Tuhan kita juga harus menunjukkan sifat belas kasihan kepada orang lain. Ketika seseorang yang kita kenal ada masalah atau sedang bersedih, kita harus berusaha sedaya upaya untuk memahami keadaannya dan membantunya. Kita harus berbelas kasihan dan bersikap baik hati kepada semua orang dalam semua keadaan, seperti pohon yang memberikan buah kepada semua, bahkan kepada mereka yang melemparnya dengan batu.

‘Abdu’l-Bahá menunjukkan sifat belas kasihan pada setiap masa, kepada setiap orang meskipun sepanjang hidup-Nya dipenuhi dengan penderitaan. Untuk membantu usaha kita menjadi berbelas kasihan, marilah kita menghafal kata-kata-Nya:

**“Kerajaan Tuhan didirikan atas landasan kesaksamaan dan keadilan, juga berlandaskan pengampunan, belas kasihan dan kebaikan hati kepada setiap roh yang hidup.”<sup>114</sup>**

#### *Didirikan*

1. Doktor itu sangat mengambil berat tentang kesihatan kanak-kanak di kampung, sehingga dia membuka sebuah klinik untuk menjaga kesihatan mereka. Klinik itu didirikan atas dasar cintanya kepada kanak-kanak.
2. Jenna dan Mercedes telah lama bersahabat. Mereka selalu belajar bersama dan berkongsi tentang hal berguna yang telah dipelajari mereka. Persahabatan mereka didirikan atas dasar kebaikan hati dan cinta.

#### *Kesaksamaan*

1. Semua orang di kerajaan itu bekerja keras untuk kemakmurannya. Ketika semua tanaman telah dikumpulkan, raja membahagikannya antara penduduknya berdasarkan saiz keluarga mereka. Raja telah melayan penduduknya dengan kesaksamaan.
2. Majlis perbandaran perlu membina sebuah jalan menuju ke kampung sebelah. Ia diputuskan bahawa jalan itu akan dibina mengelilingi tanah sawah. Dengan cara ini ramai orang mendapat manfaat daripada jalan tersebut, tetapi petani tidak perlu menderita kerana kehilangan tanah. Dewan perbandaran tersebut menunjukkan kesaksamaan dalam keputusannya.

#### *Belas kasihan*

1. Li Yong menyedari bahawa rakannya Zahra sedang bersedih, jadi dia bertanya jika dia boleh membantu. Zahra menjelaskan bahawa ibunya sedang sakit di hospital. Li Yong mendengarnya dan menenangkan Zahra, menawarkan untuk pergi ke hospital bersamanya pada hari berikut. Li Yong menunjukkan sifat belas kasihan kepada Zahra.
2. Suatu hari Shiori berjalan di pinggir kota dan melihat seekor biri-biri kecil yang kakinya tersangkut di pagar. Shiori dengan lemah-lembut melepaskan kaki anak biri-biri itu dan membalutnya. Shiori menunjukkan sifat belas kasihan kepada anak biri-biri itu.

### **D. Cerita**

*Ketika ‘Abdu’l-Bahá membuat perjalanan ke negara-negara Barat, di setiap kota yang dikunjungi Beliau, ramai orang yang datang untuk bertemu dengan-Nya dan mendengar kata-kata-Nya yang memberi semangat. Siang dan malam, Beliau bertemu dengan orang dari pelbagai latar belakang – tua dan muda, kaya dan miskin, pegawai atau penduduk biasa. Beberapa orang datang kerana cinta kepada*

*Master, dan yang lain datang kerana mereka ingin tahu apa yang akan dikatakan oleh ‘Abdu’l-Bahá.*

*Suatu hari, seorang wanita tiba di rumah di mana Master tinggal dan dia mengetuk pintu. Dia adalah seorang wanita biasa yang dalam hatinya ingin sekali mendapatkan sedikit masa untuk bertemu dengan ‘Abdu’l-Bahá. “Adakah anda telah membuat janji untuk bertemu dengan Master?” tanya orang yang membuka pintu. Wanita tersebut mengatakan tidak. Jika demikian, orang tersebut memberitahu kepadanya, tidaklah mungkin wanita itu untuk bertemu ‘Abdu’l-Bahá kerana Beliau sedang bertemu dengan beberapa orang penting. Dengan sedih wanita itu menoleh dan mulai berjalan menuruni tangga di depan rumah. Hatinya dipenuhi dengan kekecewaan! Tetapi tiba-tiba, seorang pengutus daripada ‘Abdu’l-Bahá muncul, memintanya untuk kembali. Master ingin bertemu dengannya. Suara-Nya terdengar berkata dengan penuh kekuatan dan kekuasaan, “Satu hati telah dilukai. Bersegeralah, bersegeralah, bawalah dia kepada saya!”*

#### **E. Permainan: “Bersama”**

Bahagikan kanak-kanak kepada pasangan, berdiri bersebelahan, dengan kaki kiri seorang kanak-kanak diikat pada kaki kanan pasangannya. Jelaskan kepada kanak-kanak bahawa jika mereka ingin berjaya dalam permainan ini, mereka harus belajar untuk bekerjasama. Kemudian, setiap pasangan harus berjalan dari satu tempat ke tempat lain yang telah ditentukan. Anda boleh membuat permainan ini lebih mencabar dengan meletakkan penghalang kecil di sepanjang jalan mereka, seperti dahan pohon atau batu-batuhan. Pastikan ia dilakukan dengan cara yang selamat. Alternatifnya, daripada hanya sekadar berjalan, pasangan tersebut boleh melompat seperti katak, berlari seperti kuda dan sebagainya. Mungkin perlu untuk menjelaskan kepada pasangan-pasangan tersebut bahawa mereka bukanlah berlumba dengan satu sama lain.

#### **F. Mewarna: Lukisan 13**

#### **G. Doa penutup**

### **PELAJARAN 14**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Seperti biasa, anda dan beberapa pelajar harus melafazkan beberapa buah doa untuk memulakan kelas. Kemudian, kanak-kanak boleh meneruskan menghafal doa yang disampaikan dalam pelajaran yang lalu.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

Dengan Sayap Ketakterikatan

Korus:

Suatu hari seekor burung terbang di langit  
Penuh riang dan keyakinan  
Terbang di Syurga ini, rumahnya (ulang)

Semasa terbang, dia berasa lapar  
Dia berpaling pada air dan tanah di bawah  
Di bawah  
Dia terperangkap  
Oleh hasratnya  
Sayapnya ditutupi lumpur  
Berat untuk terbang  
Tak dapat pulang ke rumah

Korus

Bagai burung itu aku milik syurga  
Aku takkan berpaut pada bumi di bawah  
Tak berpaut pada kekayaan  
Tak berpaut pada hasratku  
Tak berpaut pada apa pun kecuali Tuhan

Akan ku berjalan dengan kaki ketakterikatan  
Akan ku terbang dengan sayap ketakterikatan  
Akan ku bebaskan diri dari keterikatan  
Pada semua kecuali Tuhan (*ulang*)

### C. Menghafal petikan

Kanak-kanak akan menghafal sebuah petikan tentang sifat ketakterikatan yang merupakan tema pelajaran. Anda boleh memperkenalkan tema tersebut kepada mereka dengan cara yang berikut:

Tuhan telah menciptakan semua perkara baik di dunia ini untuk kita nikmati—kesihatan yang baik, makanan yang lazat, cinta dan persahabatan, keindahan alam dan kekuatan minda, yang membolehkan kita untuk membuat penemuan dan menghasilkan ciptaan untuk meningkatkan cara hidup kita. Kita harus menggunakan semua berkat yang telah diberikan oleh Tuhan kepada kita dan bersyukur kepada-Nya untuk keriangan hidup. Tetapi kita harus berhati-hati, jangan sampai menjadi terikat kepada dunia ini. Roh kita haruslah bebas pada setiap masa; seperti burung yang bebas dan kuat, mereka harus terbang di langit kesucian. Betapa sedihnya jika seekor burung hanya tinggal di tanah, tidak mampu untuk terbang kerana keterikatannya kepada hal-hal yang ada di sekitarnya. Marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“Ketahuilah bahawa perhiasanmu yang sejati terdiri daripada cinta Tuhan dan ketakterikatanmu daripada segala sesuatu kecuali-Nya...”<sup>115</sup>**

*Terdiri daripada*

1. Vladislav mempunyai sebatang sosej, sedikit kentang dan kacang hijau untuk makanan tengah hari. Hidangannya terdiri daripada sosej, kentang dan kacang hijau.
2. Ayat ini terdiri daripada lima perkataan. Ia terdiri daripada lima perkataan.

*Ketakterikatan*

1. Helgi sangat teringin untuk pergi berenang bersama dengan rakan-rakannya. Namun, dia berada di rumah dengan gembira bersama adik perempuannya agar ibunya dapat pergi ke kedai. Helgi menunjukkan ketakterikatan dari rancangannya sendiri kerana dia ingin membantu keluarganya.
2. Pada penghujung tahun persekolahan, Anjali berfikir mungkin elok untuk memberi bunga-bungaan kepada gurunya. Kakaknya pula mencadangkan agar mereka membuat kek. Anjali berfikir bahawa ini adalah idea yang baik. Dia tidak terikat dengan ideanya sendiri.

*Segala sesuatu kecuali*

1. Kesemua kanak-kanak berjaya dalam peperiksaan kecuali mereka yang tidak belajar. Semua kecuali seorang pelajar berjaya dalam ujian tersebut.
2. Ibu tersebut ingin membuat hidangan yang istimewa buat keluarganya. Kemudian, dia menyedari bahawa dia tidak dapat melukannya kerana dia tidak mempunyai satu bahan penting. Dia mempunyai semuanya kecuali bahan.

**D. Cerita**

*Pada suatu hari, dua orang lelaki sahabat lama, berbincang mengenai hal-hal rohani semasa meminum teh. Sekarang, salah seorang daripada lelaki ini telah mengumpulkan kekayaan yang berlipat ganda sepanjang hidupnya dan tidak menginginkan apa-apa pun. Seorang lagi mempunyai harta yang amat sedikit. "Saya ingin membuat perjalanan ke Tanah Suci," kata lelaki kedua kepada sahabatnya yang kaya-raya. Lelaki pertama menjawab tanpa teragak-agak, "Ini adalah idea yang menakjubkan! Saya akan menyertai kamu." Kedua-dua mereka menghabiskan teh lalu sama-sama bangkit, berjalan menuju ke Tanah Suci.*

*Mereka hanya berjalan sebentar apabila malam tiba. Lelaki yang lebih miskin berjalan perlahan lalu berhenti, mengatakan, "Sahabatku, marilah kembali ke rumah kita untuk bermalam. Begitu lebih selesa, dan kit boleh mula dengan segar pada paginya." "Tetapi mengapa kita harus patah balik?" balas lelaki seorang lagi. "Kita berada dalam perjalanan ke Tanah Suci!" Sahabatnya masih belum puas hati. "Tanah Suci sangatlah jauh untuk berjalan dengan kaki," cubanya lagi. "Sekurang-kurangnya biarkanlah saya pulang dan mengambil keldai saya, yang saya berat hati untuk tinggalkan."*

*"Jika begitu," kata lelaki yang kaya-raya kepada sahabatnya, "mungkin kamu bukanlah orang yang akan menemaninya dalam perjalanan ini. Dengan rasa riang,*

*saya telah meninggalkan harta yang banyak—kuda-kuda, berekar-ekar tanah, dan pakaian-pakaian mewah—tetapi tidak berasa kehilangan. Kurnia lebih besar apa lagi yang ada selain meluangkan walaupun sesaat pun di Tanah Suci. Adakah kamu tidak dapat meninggalkan bahkan keldai kamu?” Sedihnya, dia tidak dapat melepaskan satu-satunya harta miliknya. Lalu dia meninggalkan sahabatnya, yang meneruskan perjalanannya ke Tanah Suci dan tidak pernah berpaling lagi.*

#### **E. Permainan: “Roda”**

Minta kanak-kanak untuk berdiri bersebelahan dalam satu bulatan dan menghulurkan tangan kiri ke dalam, berpegang tangan di tengah bulatan. Kini, mereka harus menyerupai sebuah roda, dengan menggunakan tangan mereka. Kemudian, mintalah kanak-kanak untuk berputar seperti sebuah roda. Setelah mereka melakukannya, mintalah mereka untuk bergerak ke semua ruangan yang ada, sambil mengekalkan bentuk roda itu. Untuk lebih mencabar lagi, mereka boleh cuba untuk melompat dan meloncat.

Anda boleh menjadikan permainan lebih mencabar dengan meminta kanak-kanak duduk di atas lantai dalam sebuah bulatan dan letakkan kaki lurus di hadapan agar kaki mereka bersentuhan di tengah. Kemudian, mereka harus meletakkan tapak tangan mereka bersebelahan dengan pinggul di atas lantai. Sekarang, mereka sudah bersedia untuk menggerakkan tayar. Untuk berbuat demikian, mereka semua akan menolak diri mereka sendiri dengan tangan mereka dan bergerak satu langkah ke kanan. Mereka harus meneruskan langkah demi langkah menggunakan tangan mereka dengan cara ini, dengan membiarkan kaki mereka di tengah tayar, sehingga ia membuat satu putaran penuh.

#### **F. Mewarna: Lukisan 14**

#### **G. Doa penutup**

### **PELAJARAN 15**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Setelah doa pembuka dilafazkan, anda boleh membantu kanak-kanak menyambung hafalan doa yang telah diperkenalkan dalam Pelajaran 13.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

Berikanlah Bahagianku

Korus:

Ya Tuhaniku berikanlah bahagianku  
Ya Tuhaniku berikanlah bahagianku  
Sebagaimana Engkau menyukainya

Adalah mudah untuk berbahagia  
Ketika semuanya berjalan dengan baik  
Adalah mudah untuk berbahagia  
Ketika hati ini merasakan kesenangan  
Tetapi sebenarnya yang lebih mencabar  
Adalah merasa bahagia di dalam kesukaran  
Bersabar di saat kesusahan  
Bahkan sambil menyanyi

#### Korus

Saat Sang Guru masih kecil  
Dia selalu sahaja dihina  
Sejak dari awal permulaan hidup-Nya  
Tak mendapat kesenangan dan kemudahan  
Namun Dia tetap tenang dan bahagia  
Tidak pernah khawatir  
Selalu percaya pada Tuhan dan menerima kehendak-Nya  
kita harus melihat teladan ini

### C. Menghafal petikan

Berikut adalah beberapa idea yang akan membantu anda menyampaikan tema pelajaran dan petikan yang kanak-kanak akan belajar melalui hati.

‘Abdu’l-Bahá selalu berpuas dengan Kehendak Tuhan dalam setiap keadaan. Beliau selalu berkata kepada orang-orang di sekeliling-Nya bahawa adalah mudah untuk berasa puas ketika semua perkara berjalan lancar, ketika seseorang sihat dan hidup senang. Apa yang lebih sukar adalah untuk berasa bahagia dan puas pada masa-masa kesukaran, sakit dan kesusahan. Walaupun dengan semua kesukaran yang memenuhi hidup-Nya, ‘Abdu’l-Bahá tidak pernah menjadi tawar hati. Melalui masa-masa yang paling parah dan sukar, Beliau kekal puas dan bersyukur kepada Tuhan. Beliau selalu ceria dan optimis. Marilah kita menghafal petikan yang berikut agar kita akan selalu diingatkan tentang nilai kepuasan dengan Kehendak Tuhan:

**“Sumber segala kemuliaan ialah menerima apa pun yang dianugerahi Raja, dan berpuas dengan apa sahaja yang telah ditetapkan Tuhan.”<sup>116</sup>**

#### *Kemuliaan*

1. Setelah mempelajari ilmu sains di sekolah, Poh Leng menyertai sekumpulan ahli sains. Mereka menghasilkan banyak penemuan yang penting. Kerja kerasnya membawa kemuliaan kepada nama keluarganya.
2. Swee sangat suka melihat pemandangan alam—gunung-ganang, pohon dan lautan. Apabila dia melihat keindahan dunia, dia berfikir tentang keagungan dan kebesaran Tuhan, Pencipta segala sesuatu. Melihat pemandangan alam membuat Swee berfikir tentang kemuliaan Tuhan.

1. Paulo bersyukur kepada Tuhan setiap hari kerana memiliki keluarga yang penyayang, kesihatan yang baik dan untuk semua perkara baik yang telah diberikan oleh Tuhan kepadanya. Paulo bersyukur atas pemberian Tuhan yang banyak yang telah dianugerahkan kepadanya.
2. Tanpa matahari, bumi akan menjadi gelap dan dingin dan tidak ada apapun yang dapat hidup di atasnya. Matahari menganugerahkan cahaya dan kehangatan kepada kita.

*Ditetapkan*

1. Raja memberikan perintah agar semua penduduk di negaranya tidak harus bekerja pada hari pertama musim bunga. Hari pertama musim bunga telah ditetapkan sebagai hari cuti.
2. Selama beberapa bulan tidak ada hujan di wilayah ini dan orang-orang diperintahkan oleh majlis kampung untuk mengehadkan penggunaan air. Sekatan telah ditetapkan oleh majlis tersebut untuk menjimatkan air.

**D. Cerita**

*Pada suatu petang, ‘Abdu’l-Bahá berjalan dengan beberapa orang Bahá’í di kota London yang terang. Mereka bersiar-siar di sepanjang jalan yang kedua-dua bahagiannya tersusun lampu dengan cahaya yang terbentang sajana mata. Mereka yang mengiringi Master yang dikasihi berasa seolah-olah hati mereka telah dibawa ke alam lain.*

*“Saya sangat menyukai pemandangan ini,” ulas ‘Abdu’l-Bahá. Cahaya adalah baik, sangat baik. Terlalu banyak kegelapan dalam penjara ‘Akká.’*

*Sekumpulan kecil rakan-rakan tersebut yang mencintai ‘Abdu’l-Bahá menjadi sedih kerana memori pengurungan Beliau di kota penjara ‘Akká, di mana Beliau telah meluangkan bertahun-tahun sebagai seorang tawanan di samping Ayahanda-Nya, Bahá’u’lláh. Ia merupakan tempat yang sungguh tidak mengalu-alukan, dan keluarga tersebut telah menderita kesusahan yang hebat. “Kami berasa gembira, oh sungguh dipenuhi kegembiraan kerana kamu bebas,” kata mereka.*

*Berkenaan ini ‘Abdu’l-Bahá menjawab: “Saya berasa gembira dalam penjara tersebut, kerana hari-hari tersebut dilalui di jalan khidmat.” Penjara terbesar, Beliau memberitahu mereka, adalah penjara diri sendiri. Kamu lihat, jika berfikir hanya tentang diri kita sendiri dan bukan tentang orang-orang di sekitar kita—itulah masanya bila kita benar-benar dipenjarakan, bila kita benar-benar menderita! ‘Abdu’l-Bahá berasa puas pada setiap masa, kerana Beliau berjalan di jalan khidmat kepada Tuhan dan umat manusia. Dan oleh itu, walaupun semasa hari-hari gelap sebagai seorang tawanan di ‘Akká, cahaya rohnya yang tidak dapat ditawan menerangi, memberi kehangatan dan keselesaan kepada orang lain.*

#### **E. Permainan: “Pengarca”**

Andaikan anda adalah seorang pengarca dan kanak-kanak akan membantu anda menghasilkan hasil karya anda. Minta seorang kanak-kanak untuk datang ke hadapan kelas dan buat satu gaya yang anda akan demonstrasikan—sebagai contoh, tunduk dengan tangan yang dihulurkan. Kemudian, satu demi satu atau beberapa orang dalam satu masa, memanggil kanak-kanak yang lain di hadapan kumpulan dan demonstrasikan gaya untuk mereka tiru. Setelah semua mengetahui gaya mereka, mereka harus berkumpul bersama dan membentuk karya seni. Kemudian, tambah diri anda pada kumpulan tersebut sebagai bahagian terakhir.

Anda boleh meneruskan permainan dengan membahagikan para pelajar anda secara berpasangan. Setiap pasangan akan mengambil giliran, dengan seorang menjadi pengarca dan seorang lagi membuat gaya yang diminta.

Anda mungkin mampu memikirkan variasi lain bagi permainan ini juga. Sebagai contoh, anda boleh bertanya soalan seperti “Bolehkah kamu menjadi pagar? ataupun “Bolehkah kamu menjadi taman?” Kanak akan bertindak balas dengan mengatur diri mereka sendiri menjadi bentuk yang diinginkan.

#### **F. Mewarna: Lukisan 15**

#### **G. Doa penutup**

## **PELAJARAN 16**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Mulai kelas ini, semua kanak-kanak harus dapat melafazkan dari ingatan doa yang diperkenalkan dalam Pelajaran 13, yang anda boleh imbas semula dengan mereka selepas doa pembuka.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

##### **Kita Titisan**

Kita titisan  
(Kita titisan)  
Satu lautan  
(Satu lautan)  
Kita daun  
(Kita daun)  
Satu pokok  
(Satu pokok)

Korus:  
Mari kita  
(Mari kita)

Bersama bersatu  
Itulah kehidupan kau dan aku

Seluruh dunia  
(Seluruh dunia)  
Satu bangsa  
(Satu bangsa)  
Manusia satu  
(Manusia satu)  
Lihatlah  
(Lihatlah)

Korus

### C. Menghafal petikan

Idea berikut ini akan membantu anda memperkenalkan tema pelajaran, kebaikan hati, dan petikan yang akan dihafal oleh kanak-kanak.

Tuhan telah menciptakan umat manusia untuk hidup bersama sebagai satu keluarga. Jika kita hendak melakukannya, maka kita tidak boleh membiarkan perbezaan menjadi penghalang bagi kita. Sebaliknya, kita harus bergaul dengan orang-orang daripada setiap agama, bangsa dan latar belakang dengan cinta dan kebaikan hati dalam kalbu kita. Untuk membantu kita mengingati hal ini, marilah kita menghafal petikan yang berikut daripada Bahá'u'lláh:

**“Diberkatilah dia yang bergaul dengan semua insan dalam satu semangat kebaikan hati dan kasih sayang.”<sup>117</sup>**

#### *Bergaul*

3. Bangau dan burung gembala kerbau adalah dua jenis burung yang hidup di lembah. Kedua-duanya sering dilihat bersama. Kedua-dua jenis burung ini saling bergaul.

Semasa perhimpunan doa, setelah doa-doa dibacakan, orang-orang kekal berada di sana dan bergaul.

### D. Cerita

*Anda tahu melalui beberapa cerita yang lepas bahawa ketika 'Abdu'l-Bahá pertama kali tiba di Akká, ramai orang melayan Beliau dengan buruk. Mereka sangat kejam terhadap umat Bahá'í dan tidak mahu bercakap dengan mereka. Namun, tidak lama kemudian, mereka dapat melihat bahawa umat Bahá'í adalah ramah dan baik, dan secara perlahan-perlahan sebahagian besar daripada penduduk setempat mulai menunjukkan kebaikan sebaliknya. Tetapi ada beberapa orang yang tetap berpegang pada kemarahan dan kebencian mereka.*

*Pada suatu hari, seorang lelaki yang masih membawa begitu banyak perasaan benci dalam hatinya terhadap ‘Abdu’l-Bahá, dia mendengar orang lain memuji kebesaran dan kebaikan ‘Abdu’l-Bahá. Orang itu menjadi sangat marah. Dia berkata dengan marah bahawa dia akan menunjukkan kepada rakan-rakannya bahawa Orang Parsi yang mereka anggap baik ini tidaklah sebaik yang mereka fikirkan. Dan dia pun pergi, dengan hati berkobar-kobar dengan api kemarahan. Dia mengetahui bahawa ‘Abdu’l-Bahá selalu berdoa di sebuah masjid pada waktu tersebut, dan dia segera menuju ke sana, bersedia untuk melakukan keganasan fizikal terhadap Master yang dikasihi. Tetapi ‘Abdu’l-Bahá memandang lelaki itu dengan tenang dan penuh wibawa. Dengan penuh cinta, Beliau mengingatkan dia bahawa ajaran-ajaran Tuhan meminta kita untuk bermurah hati kepada tetamu kita, walaupun mereka itu berbeza daripada kita. Pada masa itu, lelaki tersebut menyedari bahawa ‘Abdu’l-Bahá dan umat Bahá’í sama seperti tetamu di Akká, rumahnya sendiri. Dan seperti seorang tuan rumah yang murah hati, dia seharusnya mengalu-alukan mereka dengan cinta dan melayan mereka dengan kebaikan hati.*

#### **E. Permainan: “Sifat Yang Tersembunyi”**

Beritahu kanak-kanak untuk membentuk sebuah bulatan dengan kedua-dua tangan mereka ditadahkan ke depan. Berdiri di tengah-tengah bulatan, memegang sebuah objek kecil seperti batu. Objek itu akan mewakili suatu sifat, contohnya ”kebaikan hati”. Ketika kamu berjalan di sepanjang bulatan, pegang tangan setiap kanak-kanak dan katakan, sebagai contoh, ”John seorang yang baik, Martha seorang yang baik, Dervi seorang yang baik”, dan sebagainya. Setiap kanak-kanak harus menutup tangannya, seolah-olah anda telah memberikan objek tersebut kepada mereka. Anda sememangnya harus meletakkan benda tersebut di tangan salah seorang kanak-kanak. Apabila anda telah habis berjalan mengelilingi bulatan itu, seorang kanak-kanak harus cuba meneka siapa yang memegang objek itu dengan berkata, contohnya, ”Kenji seorang yang sangat baik.” Kemudian, Kenji harus membuka tangannya dan menunjukkan sama ada dia mempunyai objek tersebut. Kanak-kanak tersebut diberikan tiga peluang untuk meneka siapa yang memegang objek tersebut, kemudian permainan boleh diulangi dengan sifat yang lain. Anda harus memastikan bahawa setiap kanak-kanak diberikan objek tersebut dalam sekurang-kurangnya satu pusingan.

#### **F. Mewarna: Lukisan 16**

#### **G. Doa penutup**

## **PELAJARAN 17**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Untuk empat pelajaran yang seterusnya, kanak-kanak akan belajar untuk melafazkan doa berikut melalui hati, dan mereka akan berasa bahawa ia adalah sebuah sumber dorongan jika anda memulakan setiap waktu kelas dengan satu doa baharu yang anda telah hafal, seperti yang dicadangkan di Bahagian 16. Setelah beberapa kanak-kanak menyertai anda dalam melafazkan doa-doa pembuka, anda boleh memperkenalkan doa ini seperti biasa.

**“Nama-Mu adalah kesembuhanku, Ya Tuhanmu, dan mengenang Engkau adalah penawarku. Kedekatan kepada-Mu adalah harapanku, dan cinta kepada-Mu adalah sahabatku. Rahmat-Mu kepadaku adalah kesembuhanku dan pertolongan bagiku baik di dunia ini maupun akhirat. Sesungguhnya, Engkaulah yang Maha Dermawan, Yang Maha Tahu, Yang Maha Arif.”<sup>118</sup>**

### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

#### **Sumber Keberanian**

Sumber kekuatan dan keberanian  
Adalah menyampaikan Kalimat Tuhan

Sumber kekuatan dan keberanian  
Adalah teguh di dalam cinta-Nya

Lupakanlah dirimu sendiri  
Berpegang teguhlah pada yang benar  
Lindungilah yang memerlukan  
Percayalah pada kekuatan-Nya

Sampaikanlah Kalimat Tuhan  
Jadilah berani dalam setiap perbuatanmu  
Ikuti jalan-Nya  
Menuju pada kebahagiaan

### **C. Menghafal petikan**

Pernyataan berikut akan membantu anda dalam menyampaikan tema pelajaran dan petikan untuk hafalan:

Untuk memiliki keberanian bererti untuk berjuang bagi apa yang betul walaupun hanya kita yang melakukannya, untuk mempertahankan mereka yang memerlukan pertolongan kita walaupun ia akan menyebabkan ketidakselesaan kepada, dan untuk bercakap benar walaupun bila kita tahu ia akan menyebabkan kesukaran terhadap kita. Keberanian diperlukan untuk menghadapi kesusahan dalam hidup dengan tenang dan lemah lembut. Kita mendapat keberanian melalui cinta kita kepada Tuhan dan hasrat kita untuk menyenangkan-Nya di atas semua yang lain. Untuk membantu kita mengingati bahawa kita harus menghadapi semua situasi dalam hidup dengan keberanian, marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“Sumber keberanian dan kekuasaan adalah mempromosikan Kalimat Tuhan, dan keteguhan dalam Cinta-Nya.”<sup>119</sup>**

### *Sumber*

1. Kyongmi tinggal di kampung yang terletak di sebuah lembah. Salji yang mencair dari puncak gunung-ganang berdekatan membekalkan air kepada kampung tersebut. Sumber air kampung itu adalah salji dari atas gunung tersebut.
2. Puan Putters mempunyai tiga orang anak yang penyayang dan berkelakuan baik. Anak-anaknya adalah sumber keriangan dan kegembiraannya.

### *Mempromosikan*

1. Dua orang rakan Shoa mulai bertengkar dan menjadi marah dengan satu sama lain. Shoa membantu rakannya untuk melihat dari sudut pandangan satu sama lain dan berdamai. Shoa selalu mempromosikan kedamaian dan persefahaman dalam kalangan rakan-rakannya.
2. Seorang jururawat melawat bilik darjah tersebut untuk mengajar kanak-kanak tentang makanan-makanan yang baik untuk kesihatan mereka. Jururawat tersebut mempromosikan pemakanan yang sihat doli.

### *Keteguhan*

1. Promilla tahu bahawa dia ingin menjadi seorang doktor. Dia selalu belajar dengan bersungguh-sungguh dan setelah bertahun-tahun bekerja keras, dia mencapai matlamatnya. Dia teguh dalam usahanya untuk menjadi seorang doktor.
2. Zvondai pergi ke kampung yang sangat terpencil untuk membantu membuka sebuah sekolah baharu. Walaupun dia merindui keluarganya dan menghadapi banyak kesukaran, dia menunjukkan keteguhan dan kekal di kampung tersebut selama bertahun-tahun, melatih guru-guru dan bekerja dengan kanak-kanak.

## **D. Cerita**

*'Ali-'Askar adalah seorang saudagar di Parsi. Ketika dia menjadi seorang Bahá'í, dia mengalami banyak kesusahan oleh mereka yang menentang Akidah. Dalam masa yang sangat singkat, dia kehilangan semua harta bendanya. Namun, 'Ali-'Askar tidak putus asa. Melihat bahawa dia tidak lagi dapat mencari nafkah di kampung halamannya, dia memutuskan untuk berpindah ke Adrianople, sebuah bandar di negara jiran.*

*Di Adrianople, walaupun mempunyai masih sedikit wang, dia berupaya mendapatkan sejumlah kecil barang dagangan. Namun, sebelum dia dapat menjual satu barang dagangannya, dia diserang oleh pencuri-pencuri yang merampas semua harta miliknya, meninggalkan dia sekali lagi dalam keadaan tangan kosong.*

*Tidak lama kemudian, pencuri-pencuri ditangkap, dan semua kekayaan yang mereka peroleh telah dirampas. Seorang petugas setempat, terpengaruh dengan kekayaan, berfikir bahawa dia ingin memiliki rampasan tersebut untuk dirinya sendiri. Dia memanggil 'Ali-'Askar ke pejabatnya dan menjelaskan.*

“‘Ali-‘Askar,’ dia berkata, “pencuri-pencuri ini sangat kaya. Dalam laporan saya kepada pemerintah, saya menulis bahawa jumlah yang dicuri daripada kamu sangat banyak. Oleh itu, kamu harus menghadiri perbicaraan dan naik saksi bahawa apa yang saya tulis adalah benar.” Dengan cara ini, petugas berfikir bahawa semua wang akan diberikan kepada ‘Ali-‘Askar, dan mereka berdua akan membahagikan wang tersebut.

‘Ali-‘Askar tahu bahawa dia tidak akan dapat bersetuju dengan rancangan seperti ini. “Khan yang Terhormat,” dia menjawab, “barang-barang saya yang dicuri sangatlah sedikit. Bagaimanakah saya dapat melaporkan sesuatu yang tidak benar? Jika mereka bertanya kepada saya, saya akan menyampaikan fakta yang sebenar. Saya berasa bahawa inilah satu-satunya kewajipan saya, hanya ini.”

Petugas itu berusaha sekali lagi untuk meyakinkan ‘Ali-‘Askar. “Kita memiliki peluang keemasan sekarang,” kata petugas itu. “Kamu dan saya akan sama-sama mendapat keuntungan daripadanya. Jangan biarkan kesempatan sekali seumur hidup ini terlepas dari tanganmu!”

Tetapi ‘Ali-‘Askar sekali lagi menolak, berkata, “Khan, bagaimanakah saya harus menjawab Tuhan? Biarkanlah saya. Saya akan mengatakan kebenaran, dan tidak ada yang lain kecuali kebenaran.”

Sekarang petugas itu menjadi marah. Jika ‘Ali-‘Askar tidak mahu menuruti kehendaknya, maka semua rancangannya akan menjadi sia-sia dan dia akan kehilangan keuntungan besar yang hampir diraihnya. Jadi, dia mulai mengancam ‘Ali-‘Askar, berharap dia menjadi takut dan mahu bekerjasama. “Saya akan memenjarakan kamu,” dia berkata. “Saya akan membuang kamu ke negeri lain; kamu tidak akan terlepas daripada semua seksaan saya.” Kemudian dia mengatakan kepada ‘Ali-‘Askar bahawa jika dia tidak bersetuju, maka dia akan dihantar kembali ke Parsi.

‘Ali-‘Askar hanya tersenyum. “Jinab-i-Khan,” dia berkata, “perlakukanlah saya sesuka hatimu; saya tidak akan membelaangi kebenaran.”

#### E. Permainan: “Ya atau Tidak”

Mulakan permainan dengan meminta kanak-kanak untuk membentuk satu bulatan besar, dengan anda berada di tengah. Sekarang, jelaskan kepada kanak-kanak bahawa anda akan membuat beberapa kenyataan. Beberapa daripadanya adalah betul; yang lain tidak betul. Beritahu mereka bahawa jika kenyataan tersebut adalah betul, mereka harus menjerit “ya” dan melompat menuju ke tengah bulatan. Jika ia tidak betul, mereka harus menjerit “tidak” dan melompat ke belakang.

Semua kenyataan yang anda buat haruslah berdasarkan perkara yang kanak-kanak boleh perhatikan secara langsung. Contoh bagi kenyataan “ya” adalah seperti berikut: “Matahari memberikan cahaya.” “Pokok-pokok tumbuh daripada biji benih.” “Gunung-ganang adalah tinggi.” Anda juga boleh membuat kenyataan yang menggambarkan apa yang kanak-kanak sedang pakai, seperti “Sera memakai baju biru,” atau apa yang mereka lihat di ruang sekitar mereka, seperti “Terdapat dua bangku di sana.”

Beberapa contoh bagi kenyataan “tidak” adalah: “Hujan turun secara menaik.” “Ikan terbang.” “Batu berjalan dengan kaki.” Sekali lagi, anda boleh mengambil dari persekitaran anda untuk membuat kenyataan yang tidak betul agar, pada pengakhiran permainan, kanak-kanak mencapai anda di tengah bulatan.

#### F. Mewarna: Lukisan 17

#### G. Doa penutup

## PELAJARAN 18

#### A. Melafazkan dan menghafal doa

Selepas doa pembukaan, kanak-kanak harus meluangkan masa untuk belajar melafazkan doa yang diperkenalkan dalam pelajaran sebelumnya melalui ingatan.

#### B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)

##### Angin Baru Bertiup

Angin baru bertiup melintasi lautan  
A ngin baru bertiup memanggilku  
Sebuah cara baru menuju dunia baru  
Akan membebaskan semua insan

Ia jadikanmu kukuh bagaikan gunung  
Kau akan bergerak bagai lautan  
Terbang dengan sayap bagai burung  
Dan mencapai keabadian

Nyanyikan cinta dan kedamaian  
Dan kesatuan umat manusia  
Tanpa keinginan ‘tuk berperang  
Penuhi fikiran kedamaian

#### C. Menghafal petikan

Berikut adalah beberapa idea yang anda boleh gunakan untuk memperkenalkan petikan yang akan dihafal oleh kanak-kanak dalam kelas hari ini.

Cinta Tuhan selalu bersama kita. Dia tidak pernah meninggalkan kita bersendirian dan berjanji untuk membantu kita sepanjang hidup kita. Walaupun kita tidak mengetahui apa yang akan terjadi dari hari ke hari, kita ingat bahawa berkat dan rahmat Tuhan selalu ada bersama kita. Dan kita berharap ketika kita melihat ke masa

depan, kita yakin bahawa kita akan menerima bahagian daripada rahmat-Nya yang tak terbatas. Dengan hati yang penuh harapan, kita selalu menantikan curahan rahmat Tuhan kepada kita. Untuk membantu kita mengingat pentingnya sifat memiliki harapan, marilah kita menghafal kata-kata berikut daripada ‘Abdu’l-Bahá:

**“Janganlah hilang kepercayaanmu terhadap Tuhan. Jadilah engkau selalu penuh harapan, kerana kurnia Tuhan tidak akan pernah berhenti mengalir kepada umat manusia.”<sup>120</sup>**

#### *Percaya*

1. Edward mempunyai masalah dan pergi kepada Hung Wei untuk bantuan. Edward tahu bahawa Hung Wei akan melakukan segala yang dia mampu untuk membantunya. Edward mempercayai Hung Wei.
2. Nirmala ingin memperbaiki bumbung rumahnya tetapi tidak dapat melakukannya sendirian. Rakan Nirmala menawarkan untuk datang pada hari yang berikutnya untuk membantunya. Dia percaya bahawa mereka akan datang seperti yang dijanjikan dan mempersiapkan segalanya.

#### *Penuh harapan*

1. Iosefina menanam benih di suatu tempat yang diterangi matahari, dan menyiramnya setiap hari. Dia menantikan benih tersebut tumbuh. Iosefina penuh dengan harapan bahawa benih itu akan menjadi tumbuhan yang kuat suatu hari nanti.
2. Rakan baik Antonio iaitu Mattias telah berpindah ke kota lain. Antonio sangat merindui rakannya tetapi dia penuh dengan harapan bahawa mereka akan bertemu semula tidak lama lagi.

#### *Kurnia*

1. Setiap malam ketika Lilian berdoa, dia berfikir tentang banyak perkara yang dia bertuah untuk miliki. Dia memikirkan tentang ibu bapanya, rakannya, gurunya dan bahkan katil tempat dia tidur. Lilian selalu bersyukur atas kurnia-kurnia yang telah diberikan kepadanya.
2. Reza mempunyai ramai rakan dan saudara yang sangat mencintainya dan membantu dia berkembang. Reza sangat bersyukur pada kurnia cinta dan sokongan daripada mereka.

#### *Berhenti*

1. Ketika Tahir menutup paip, air tidak lagi keluar; air tersebut berhenti mengalir.
2. Bahkan pada hari yang berawan, sinaran matahari tetap menghangatkan bumi. Sinar matahari tidak pernah berhenti menerangi bumi.

## D. Cerita

*Pada zaman dahulu, ada seorang lelaki yang tidak mempunyai rumah dan tinggal sendirian di tebing sungai Thames di London. Dia sangat sedih dan telah kehilangan harapan untuk hidup bahagia. Pada suatu hari, dia berjalan melalui sebuah kedai dan di situ ada sekeping gambar pada surat khabar yang menarik perhatiannya. Itu adalah wajah ‘Abdu’l-Bahá. Lelaki itu berdiri membeku, menatap pada wajah itu. Dia belum pernah bertemu dengan ‘Abdu’l-Bahá sebelum ini dan tidak mengetahui siapa Beliau, tetapi dia begitu yakin bahawa dia harus bertemu dengan ‘Abdu’l-Bahá. Alamat sebuah rumah tercetak di surat khabar itu, lalu lelaki itu mulai berjalan, berharap untuk bertemu Beliau di sana. Jaraknya sangatlah jauh—hampir lima puluh kilometer—namun dia terus berjalan sehingga dia tiba di rumah tersebut.*

*Lelaki itu sangat letih dan lapar apabila akhirnya dia tiba, dan seorang wanita di rumah itu dengan baik hati mengundangnya masuk, memberikan makanan dan membiarkan dia berehat sebentar. Sewaktu dia berehat, dia menceritakan kisahnya kepada wanita itu dan bertanya adakah ‘Abdu’l-Bahá ada di sana. Wanita itu meyakinkannya bahawa Beliau ada di sana.*

*“Adakah Beliau akan bertemu saya?” dia bertanya. “Orang seperti saya?”*

*Sejurus selepas wanita itu menjawab bahawa dia yakin ‘Abdu’l-Bahá akan bertemu dengannya, Master sendiri muncul di depan pintu. Lelaki itu berdiri dan ‘Abdu’l-Bahá menghulurkan tangan untuk memberikan salam. Ia seolah-olah lelaki itu ialah rakan lama yang telah lama ditunggu oleh ‘Abdu’l-Bahá. Beliau menyambutnya dengan cinta dan penuh kasih dan memintanya untuk duduk di sisi-Nya.*

*Kemudian ‘Abdu’l-Bahá, yang selalu dapat mengembalikan kegembiraan yang telah hilang daripada hati seseorang, mulai berbual dengan lelaki itu. Dia memberikan dorongan agar lelaki itu melupakan kesedihannya, mengingatkannya bahawa dia adalah kaya di Kerajaan Tuhan! Semasa ‘Abdu’l-Bahá mencerahkan kasih sayang kepada lelaki itu, kata-kata-Nya yang menyenangkan mulai menyembuhkan hati dan memberikan lelaki itu kekuatan. Sedikit demi sedikit kesedihannya menghilang. Sebelum dia pergi, lelaki itu berkata kepada ‘Abdu’l-Bahá bahawa dia tidak akan membiarkan kemiskinan membuatnya sedih lagi; sebaliknya dia akan mencari kerja di ladang dan menabung wang agar dia dapat membeli sebidang tanah, yang mana dia dapat menanam bunga lembayung untuk dijual di pasar. Lelaki tersebut telah mempelajari daripada ‘Abdu’l-Bahá untuk meletakkan kepercayaannya kepada Tuhan dan untuk mempunyai keyakinan bahawa Tuhan akan mengesahkan dan memberkati usahanya. Kepatahan hatinya telah bertukar menjadi harapan.*

## E. Permainan: “Pembuat Hujan”

Pertama sekali, minta kanak-kanak berdiri dalam bulatan di sekeliling anda, kemudian memperkenalkan permainan dengan meminta kanak-kanak membayangkan bahawa mereka sedang berada di gurun dan menantikan hujan. Mula menggosok kedua-dua telapak tangan dan beritahu kanak-kanak untuk meneruskannya sehingga anda memandang pada setiap kanak-kanak dengan gerakan baharu, yang mereka harus tiru. Petik jari sebagai gerakan yang seterusnya dan bertepuk tangan untuk gerakan yang selanjutnya, diikuti dengan menepuk-nepuk paha, dan menghentakkan kaki anda. Bunyi yang dibuat oleh kanak-kanak

secara bersama-sama pada awalnya akan menyerupai titisan hujan dan menjadi bunyi yang kuat pada akhirnya.

#### F. Mewarna: Lukisan 18

#### G. Doa penutup

## PELAJARAN 19

#### A. Melafazkan dan menghafal doa

Seperti biasa, mulakan kelas dengan doa. Anda boleh membantu kanak-kanak meneruskan hafalan yang diperkenalkan dalam Pelajaran 17.

#### B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)

##### Tangan Sibuk

Tangan sibuk menjadikan kanak-kanak gembira  
Kanak-kanak gembira akan membuat  
Orang lain gembira  
Menyebarluaskan keamanan dan kasih sayang

Tangan yang bekerja membina dunia baru (2X)  
Semua orang ada peranan  
Semua dapat berasa syukur  
Kerana kita akan mencapai matlamat

Tuhan bantu bina dunia baru  
Di mana kita membantu orang lain  
Semua kita akan cintai jiran  
Lebih dari mencintai diri

#### C. Menghafal petikan

Dalam pelajaran ini, kanak-kanak akan menghafal petikan mengenai sifat kebolehpercayaan, dan anda boleh memperkenalkan tema ini dengan cara yang berikut:

Salah satu sifat paling mulia dalam pandangan Tuhan ialah sifat kebolehpercayaan. Seseorang yang boleh dipercayai ialah orang yang bercakap benar dan jujur dan selalu menepati janjinya. Kita tidak seharusnya mengatakan sesuatu dan berbuat sesuatu yang lain. Tindakan kita harus selalu mencerminkan kata-kata kita. Apabila kita boleh dipercayai, orang lain dapat berasa yakin bahawa kita akan berusaha sedaya upaya untuk memenuhi tanggungjawab kita dan menjalankan tugas-tugas kita.

Dengan begitu, orang-orang dapat bekerjasama dengan harmoni, kerana mengetahui bahawa setiap orang akan melakukan bahagian masing-masing. Untuk membantu kita mengingati kepentingan sifat kebolehpercayaan, marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“Sifat kebolehpercayaan ialah gerbang terbesar yang membawa kepada ketenangan dan keselamatan orang-orang.”<sup>121</sup>**

#### *Sifat kebolehpercayaan*

1. Athos berjanji kepada ibunya bahawa dia akan membantunya menyediakan makan malam. Ketika rakan-rakannya datang ke rumahnya untuk mengajak dia bermain di luar, Athos ingat janjinya kepada ibu dan berkata pada rakan-rakannya bahawa dia akan bermain pada masa lain. Athos menunjukkan sifat kebolehpercayaan.
2. Sunita pergi ke kedai untuk mengambil barang-barang untuk keluarganya, tetapi dia mendapati bahawa dia tidak membawa wang yang cukup untuk membayar kesemua barang yang dia perlukan. Dia bertanya kepada pemilik kedai jika dia boleh membawa duit yang selebihnya pada hari berikutnya. Pemilik tersebut berkata bahawa ia tak mengapa kerana dia tahu Sunita seorang yang boleh dipercayai dan akan membayar barang-barang tersebut seperti ang dijanjikan.

#### *Ketenangan*

1. Bila-bila sahaja Emilio harus membuat satu keputusan penting, dia cuba untuk mencari suatu tempat yang sunyi untuk berfikir dan bermeditasi. Dia pergi ke sebuah taman berdekatan dengan rumah. Dalam ketenangan di taman itu, dia dapat mengosongkan fikiran dan hatinya.
2. Ketika ribut yang besar telah berlalu, semuanya menjadi begitu senyap dan tenang. Kedamaian dan ketenangan menyusuli ribut.

#### *Keselamatan*

1. Ketika seekor anak haiwan ketakutan, biasanya anak itu akan berlari kepada ibunya untuk keselamatan. Ibu memberikan keselamatan kepada anak-anaknya.
2. Pendaki tersebut tersasar dari denai dan tersesat di hutan. Apabila dia tidak kembali, para pemandu dari kampung keluar untuk mencarinya. Dia berasa selamat ketika mereka menjumpainya kerana dia tahu bahawa mereka akan membawanya pulang dengan selamat.

### **D. Cerita**

*Bertahun-tahun yang lalu, pada zaman awal Akidah ini, hanya ada sekumpulan kecil umat Bahá’í, tersebar di beberapa negara. Mereka menghadapi banyak cabaran dan mereka sering menulis surat kepada ‘Abdu'l-Bahá di Tanah Suci dengan khabar dan soalan-soalan. Surat mereka melalui perjalanan yang sangat jauh sebelum sampai kepada-Nya dan beliau akan menjawab setiap surat dengan cinta dan keprihatinan. Kata-kata Beliau yang penuh dorongan telah memperkuat dan meriangkan hati*

mereka. Jadi, sangatlah penting pada masa itu bahawa aliran komunikasi ini tidak terganggu.

Di tempat tersebut pada waktu itu, tinggal seorang Bahá'í yang bernama Muḥammad-Taqí. Dia datang dari Parsi beberapa tahun sebelumnya ketika dia masih muda dan telah menubuhkan satu perniagaan kecil. Perlahan-lahan dia menjadi terkenal kerana sangat boleh dipercayai. Begitu dalam kebolehpercayaannya sehingga kesemua surat untuk 'Abdu'l-Bahá di Tanah Suci dan surat-surat balasan yang dihantar ke luar negara akan melalui rumah Muḥammad-Taqí. Semua orang tahu bahawa dia boleh dipercayai untuk memastikan setiap pucuk surat dikirimkan dengan segera dan selamat.

Namun, musuh-musuh Akidah bangkit untuk menentang 'Abdu'l-Bahá. Mereka cemburu kerana cinta dan kehormatan yang orang-orang berikan kepada Beliau. Mereka berharap bahawa mereka boleh memenjarakan Beliau atau lebih teruk lagi, menyeksa-Nya. Para pengintip ditempatkan di sekitar rumah Beliau dan Beliau berada di bawah pengawasan yang rapi. Betapa gembiranya musuh-musuh Beliau jika mereka dapat menghentikan aliran surat-menjurat dan memutuskan hubungan antara 'Abdu'l-Bahá dan umat Bahá'í yang teguh di negara-negara lain; lebih-lebih lagi jika mereka dapat mencuri beberapa dokumen yang boleh digunakan untuk memperdaya pihak berkuasa!

'Walau bagaimanapun, 'Abdu'l-Bahá tidak terganggu. Beliau selalunya kelihatan pada lewat malam, menulis dengan cahaya lampu-Nya; kerana Beliau telah memastikan sarana yang selamat bagi penerimaan dan penghantaran surat. Menurut anda, apakah yang Beliau telah lakukan?

Kamu lihat, 'Abdu'l-Bahá tahu bahawa musuh-musuh-Nya mengakui kerja penting yang sedang dilaksanakan oleh Muḥammad-Taqí. Tidak hairanlah jika mereka mencuba untuk menyekat surat yang dihantar melaluinya. Jadi, 'Abdu'l-Bahá menghantar Muḥammad-Taqí ke tempat berdekatan di negara jiran, di mana dia bebas daripada bahaya. Kemudian yang orang lain yang tidak disyaki oleh para musuh-Nya, membawa masuk dan keluar kesemua surat dari Tanah Suci kepada Muḥammad-Taqí. Dan, dari tempat yang selamat ini, dia meneruskan untuk menerima dan menghantar surat dengan kesetiaan, tidak pernah goyah dalam kepercayaan yang 'Abdu'l-Bahá telah letakkan padanya. Jadi, walaupun berada dalam waktu-waktu yang amat sukar, komunikasi dengan Tanah Suci tidak pernah terputus dan bimbingan sampai kepada rakan-rakan di tempat yang terpencil secara terus-menerus.

#### E. Permainan: "Pembimbing"

Bahagi kanak-kanak kepada pasangan dan minta mereka untuk berpegangan tangan dengan pasangan mereka. Tutup mata salah seorang kanak-kanak dalam setiap pasangan dan minta seorang lagi untuk membimbing jalan pasangannya, memastikan dia tidak tersadung di sepanjang perjalanan. Untuk meningkatkan cabaran, kanak-kanak yang ditutup matanya boleh dibimbing melalui halangan seperti dahan pokok, longkang, batu-batuhan dan tayar kereta. Setelah suatu ikatan kepercayaan telah ditubuhkan antara pasangan dengan cara ini, kanak-kanak yang matanya ditutup boleh dibimbing menggunakan hanya arahan lisan. Dalam hal

ini, pembimbing harus mengikut secara dekat untuk menolong kanak-kanak yang ditutup matanya seandainya dia tersadung.

Sebagai alternatif untuk permainan di atas, semua kanak-kanak boleh ditutup mata dan membentuk sebuah kereta api, diketuai oleh anda atau salah seorang kanak-kanak.

#### F. Mewarna: Lukisan 19

#### G. Doa penutup

## PELAJARAN 20

#### A. Melafazkan dan menghafal doa

Setelah anda dan beberapa pelajar melafazkan doa pembukaan, imbas bersama kanak-kanak doa yang mereka telah pelajari selama tiga kelas yang lalu.

#### B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)

##### Mengobarkan Api Cinta Tuhan

Dalam hatiku  
Ada nyalaan  
Tuhan tempatkan  
Nyalaan yang istimewa  
Inilah api  
Api  
Cinta-Nya

Korus:  
Ku berdoa  
(Ku berdoa)  
Pada Tuhan  
Untuk mengobarkan  
(Untuk mengobarkan)  
Dalam hatiku  
Api Cinta-Nya  
Ku berusaha  
Cahayanya terangi semua hati

Hari demi hari  
Nyalaan ini marak  
Semasa ku berdoa  
Dan melakukan kebaikan  
Nyalaan ini berkembang  
Semasa aku berdoa  
Dan berkhidmat

Korus

Bila ia membakar  
Semasa ia berkembang  
Ia dapat dirasai  
Oleh semua yang datang  
padanya  
Ia beri kehangatan  
Pada semua  
Yang datang padanya

Korus

### C. Menghafal petikan

Tema pelajaran ini adalah menjadi berkobar, dan pernyataan berikut akan membantu anda memperkenalkan tema ini dan petikan untuk hafalan:

Setiap umat manusia diciptakan untuk mengenal Tuhan dan mencintai-Nya, dan kita semua memiliki percikan cinta-Nya dalam kalbu kita. Penting bagi kita untuk memelihara nyalaan api cinta Tuhan dengan berdoa kepada-Nya setiap hari dan dengan berkhidmat kepada orang lain agar ia akan berkembang dengan semakin kuat. Saat nyalaan api ini membakar dengan lebih terang dalam hati kita, kehangatannya akan dirasakan oleh semua yang melintas di jalan kita. Dan kalbu mereka juga akan diterangi. Ketika kita begitu berkobar, kita menjadi seperti lilin yang menyala yang tidak dapat menahan daripada memberikan cahaya dan kehangatan kepada orang-orang di sekeliling kita. Marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“Jadilah engkau berkobar, Wahai manusia, dengan kehangatan cinta Tuhan, agar engkau dapat mengobarkan kalbu-kalbu yang lain.”<sup>122</sup>**

#### *Berkobar*

1. Rumahnya sangat sejuk, jadi ayah Axel memutuskan untuk menghidupkan api. Dia meletakkan kayu-kayu besar di tungku dan menyalakan ranting-ranting kecil di bawahnya. Tidak lama kemudian kayu tersebut berkobar, dan apinya menghangatkan bilik tersebut.
2. Seorang saintis datang ke sekolah dan menjelaskan kepada para pelajar banyak perkara yang menarik tentang cara alam semesta bekerja. Mereka mulai mengajukan pelbagai pertanyaan selepas dia selesai berceramah. Dia telah mengobarkan dalam para pelajar keinginan untuk mengetahui lebih banyak tentang dunia.

### D. Cerita

*Thomas Breakwell ialah seorang pemuda yang menjawat kedudukan penting di sebuah kilang kapas di bahagian selatan Amerika Syarikat dan menghabiskan cutinya di Eropah. Dalam perjalanan menuju ke Eropah pada musim panas tahun 1901, dia bertemu dengan seorang wanita di kapal wap dan mulai berbual dengannya tentang subjek-subjek rohani. Ketika mereka tiba di Paris, wanita itu membawa dia untuk bertemu rakannya yang tinggal di sebuah apartmen di kota*

tersebut yang juga memiliki minat yang sama. Wanita muda itu menyambut mereka, dan mereka bertiga berbual untuk seketika. Sebelum pulang, Breakwell bertanya kepada tuan rumah adakah dia boleh kembali untuk berbual dengan lebih lanjut. Lalu, dia diundang untuk kembali pada pagi berikutnya.

Ketika dia tiba pada keesokan harinya, wanita muda itu melihat bahawa mata Breakwell bersinar terang dan suaranya penuh dengan emosi. Dia mempersilakan pemuda itu untuk duduk. Breakwell memandang wanita itu dengan penuh perhatian untuk seketika lalu menceritakan kepadanya tentang satu pengalaman yang aneh. Setelah dia meninggalkan rumah itu sehari sebelumnya, dia berjalan di sepanjang lebuh jalan, bersendirian pada malam yang hangat dan sunyi. Tidak ada sehelai pun daun yang berterbangan. Kemudian, secara tiba-tiba, angin kencang bertiup seolah-olah membawa bersama khabar gembira tentang utusan baharu daripada Tuhan!

Wanita muda tersebut memintanya untuk bertenang. Tentu sahaja, dia sudah mengetahui apa utusan baharu yang dimaksudkan oleh Breakwell. Untuk tiga hari berikutnya, selama berjam-jam, wanita itu menceritakan semua yang diketahuinya tentang Agama Bahá'í—sejarahnya dan ajarannya—and juga tentang 'Abdu'l-Bahá, Teladan Sempurna ajaran-ajaran tersebut, yang pada masa itu masih berada di Kota Penjara Akká di Tanah Suci.

Pada penghujung hari ketiga, hati Breakwell dipenuhi dengan keriangan dan harapan sehingga dia tidak menginginkan apa pun kecuali untuk berkunjung ke Akká dan bertemu dengan 'Abdu'l-Bahá. Kebetulan ada juga seorang pemuda yang sudah membuat rancangan untuk pergi ke Tanah Suci untuk tujuan yang sama, dan sangat gembira jika Breakwell dapat menemaninya. Jadi, satu mesej telah dikirimkan kepada 'Abdu'l-Bahá untuk meminta izin tentang kedatangan Breakwell, dan dalam masa yang singkat, mereka telah pun memulakan perjalanan.

Ketika kedua-dua pemuda ini tiba di rumah 'Abdu'l-Bahá, mereka dibawa ke sebuah ruangan di mana beberapa orang lelaki yang lain sudah berkumpul. Melihat sekelilingnya, Breakwell menjadi sangat khuatir. Dalam ruangan tersebut, tidak ada seorang pun yang menarik hatinya, dan dia berfikir bahawa 'Abdu'l-Bahá merupakan salah satu daripada mereka, dia takut bahawa dia telah gagal untuk mengenali Wujud Syurgawi yang telah dipelajarinya di Paris. Dia duduk dengan kekecewaan. Pada masa itu, sebuah pintu terbuka dan Breakwell mengangkat kepalanya. Dia melihat satu cahaya terang, di mana 'Abdu'l-Bahá muncul daripadanya. Dia terus mengetahui bahawa harapan terdalamnya telah ditunaikan.

Breakwell menghabiskan dua hari yang mulia di hadirat 'Abdu'l-Bahá, dan pada masa itu api yang telah dikobarkan dalam hatinya menjadi semakin kuat. Ketika Breakwell menceritakan kepada 'Abdu'l-Bahá tentang kerjanya di kilang kapas di mana kanak-kanak digunakan sebagai pekerja, 'Abdu'l-Bahá menasihatinya agar meletak jawatan, yang dia lakukan tanpa sebarang keraguan. Pada akhir kunjungannya, dia kembali ke Paris, dengan semangatnya membbara. Sepanjang sisa hidupnya yang singkat, dia menyala seperti lilin yang terang, berkongsi cahaya yang telah dikobarkan dalam kalbunya dengan setiap orang yang ditemuinya. Setelah Breakwell meninggal dunia, 'Abdu'l-Bahá mewahyukan sebuah Loh untuk mengenangnya, yang mengandungi petikan yang berikut: "Wahai Breakwell, wahai kekasihku! Engkau telah menyalakan api dalam lampu dari Penghuni tertinggi,

*engkau telah menuju ke Syurga Abhá, engkau telah menemui perlindungan di bawah bayangan Pohon Yang Diberkati, engkau telah mencapai hadirat-Nya di Syurga yang dilindungi.”*

#### **E. Permainan: “Membantu Orang Sakit”**

Pilih seorang kanak-kanak yang akan berperanan sebagai “pesakit yang tenat”. Sekarang, minta dua orang kanak-kanak berdiri menghadap satu sama lain, dengan kedua-dua tangan mereka berpegangan dengan lengan satu sama lain untuk membentuk sebuah “kerusi”. Bergantung kepada saiz dan kemahiran kanak-kanak, mereka boleh membentuk sebuah kerusi dengan cara lain. Kalau begitu, mintalah dua kanak-kanak tersebut menggenggam pergelangan tangan kanan mereka dengan tangan kiri. Kemudian meminta mereka untuk menggenggam pergelangan tangan kanan sendiri dengan tangan kiri mereka dan pergelangan tangan kiri pasangan dengan tangan kanan mereka.

Kanak-kanak yang lain harus membantu “rakan yang sakit” naik ke kerusi. Pilihlah sepoohon atau tempat lain sebagai “pusat kesihatan” dan minta dua kanak-kanak yang menjadi kerusi untuk membawa kanak-kanak yang “sakit” ke tempat itu.

Dengan kumpulan yang lebih besar, kanak-kanak boleh diminta untuk membuat “tandu” untuk menggantikan kerusi dengan berdiri menghadap satu sama lain dalam dua barisan. Mereka harus membengkokkan siku, dengan setiap seorang memegang lengan kanak-kanak di hadapannya. Kemudian, kanak-kanak yang “sakit” harus berbaring di atas tandu untuk dibawa ke “pusat kesihatan”. Ingatkan kepada kanak-kanak bahawa mereka harus bekerjasama jika mereka ingin “pesakit” sampai dengan selamat di pusat kesihatan. “Jika kita membiarkan pesakit terjatuh,” anda boleh berkata, “dia akan kesakitan dan kita semua akan berasa sedih. Tetapi, jika kita tiba di pusat kesihatan tanpa sebarang masalah, kita boleh berasa gembira dan puas kerana kita akan menolong rakan kita.”

#### **F. Mewarna: Lukisan 20**

#### **G. Doa penutup**

## **PELAJARAN 21**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Untuk pelajaran ini dan tiga pelajaran yang seterusnya, lafazkan sebuah doa yang anda tahu melalui hati untuk memulakan setiap waktu kelas, seperti yang dicadangkan dalam Bahagian 19. Selepas anda dan beberapa kanak-kanak telah melafazkan doa pembuka, anda boleh menyampaikan kepada mereka doa berikut, doa terakhir yang mereka akan hafal dalam gred ini:

**“Ya Raja baik hati! Aku anak kecil, muliakanlah aku dengan menerima dalam kerajaan. Aku duniawi, jadikanlah aku syurgawi; aku dari bumi bawah, biarlah aku menjadi milik dunia atas; suram, jadikanlah aku bersinar; duniawi,**

**jadikanlah aku rohani, dan izinkanlah aku dapat menjelmakan pemberian tak terbatas-Mu.**

**“Engkau Yang Berkuasa dan Yang Maha Penyayang.”<sup>123</sup>**

**B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

**Kecemerlangan**

Saat kita memantulkan cahaya  
Hati bersinar dengan kebaikan  
  
Saat riang, diterangi dan cerah  
Semua rasa kehangatan cahaya-Nya

Korus:

Wahai! Wahai Putera Wujud!  
Engkau adalah pelita-Ku  
Wahai! Wahai Putera Wujud!  
Cahaya-Ku ada dalam dirimu!

Cinta Tuhan tak berhenti mengalir  
Saat berkhidmat, cerahnya bertambah  
Jangan ragu! Bersinarlah! Dengan kekuatanmu  
Hingga semua dipenuhi cahaya-Nya

**C. Menghafal petikan**

Dalam kelas ini, kanak-kanak akan menghafal sebuah petikan yang berkaitan dengan kecemerlangan, yang anda boleh perkenalkan dengan cara yang berikut:

Cahaya cinta Tuhan tidak pernah berhenti menerangi kalbu kita. Ketika cahaya ini menjadi semakin terang, kalbu kita menjadi bersinar dengan cinta-Nya. Cahaya pengetahuan tentang Tuhan—pengetahuan tentang keagungan-Nya, tentang kemuliaan-Nya—menerangi mata kita. Dan, melalui perlakuan dermawan dan kata-kata kita yang baik, cahaya cinta dan pengetahuan bersinar. Mereka yang ada di sekitar kita disentuh oleh kecemerlangan keriangan kita. Untuk membantu kita mengingati kepentingan sifat cemerlang, marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“Wahai Putera Wujud! Engkau adalah pelita-Ku dan cahaya-Ku berada dalam dirimu. Peroleh darinya kecemerlanganmu dan jangan mencari sesiapa pun selain Daku.”<sup>124</sup>**

### *Kecemerlangan*

1. Apabila Tyrell bangun pagi, biliknya dipenuhi dengan cahaya matahari. Dia gembira kerana disambut oleh kecemerlangan matahari.
2. Puan Santos mencintai semua orang seperti keluarganya sendiri. Dia selalu dermawan, baik hati dan suka membantu orang lain. Cinta dalam hatinya dapat dirasakan oleh semua orang yang ditemuinya, dan membawa keriangan kepada mereka. Semua orang tersentuh oleh kecemerlangannya.

### *Mencari*

1. Ketika seekor anak burung menetas, ibu burung akan mencari makanan untuk diberikan kepadanya. Ibu burung akan mencari makanan untuk anak burung.
2. Sekolah menjemput kesemua pelajar ke trip yang istimewa. Untuk menghadiri, mereka memerlukan kebenaran ibu bapa mereka. Kesemua pelajar diminta untuk mencari kebenaran dari ibu bapa mereka untuk pergi ke trip tersebut.

## **D. Cerita**

*Dorothy Baker, yang anda akan belajar lebih mengenainya suatu hari nanti, mendapat kehormatan untuk bertemu dengan ‘Abdu’l-Bahá ketika dia masih seorang gadis muda. Nenek Dorothy membawanya bertemu dengan ‘Abdu’l-Bahá ketika Beliau berkunjung ke negara Barat. Setibanya di rumah yang dia tidak pernah kunjungi sebelum ini, Dorothy memasuki sebuah bilik yang dipenuhi orang. Ramai orang sedang bercakap dengan suara yang perlahan dan penuh rasa hormat sementara menanti ‘Abdu’l-Bahá bercakap. Master tersenyum semasa Dorothy dan neneknya masuk dan meminta gadis muda itu untuk duduk dekat-Nya. Penuh keinginan, tetapi dengan sedikit kekhawatiran, dia berjalan di sepanjang bilik tersebut. Tanpa menaikkan kepala daripada melihat lantai, dia berjalan melalui semua tetamu yang lain dengan berhati-hati untuk sampai ke bangku dekat kaki Beliau.*

*Ketika ‘Abdu’l-Bahá berkata, dia duduk dengan matanya melihat ke bawah, memandang kasut hitamnya. Dia tidak ada keberanian untuk memandang Beliau. Namun, tidak lama setelah itu, ketakutannya hilang. Dia berasa tertarik dengan kehangatan kehadiran ‘Abdu’l-Bahá yang penuh kasih sayang. Kecemerlangan-Nya seperti magnet. Tanpa menyedari bahawa dia telah bergerak, Dorothy menemukan dirinya berpaling ke arah Beliau, dengan siku di atas lututnya dan kedua-kedua tangannya memegang dagu, memandang pada wajah ‘Abdu’l-Bahá yang bercahaya.*

*Dorothy tidak dapat ingat apa yang ‘Abdu’l-Bahá bualkan pada hari itu. Semua yang dia ingat hanyalah wajah-Nya yang baik hati, suara-Nya yang merdu dan kehangatan kehadiran-Nya. Mata-Nya yang penuh kasih seolah-olah memberitahu tentang alam-alam rohani Tuhan. Dengan berlalunya waktu, cinta Tuhan yang telah dinyalakan dalam hatinya menjadi begitu kuat sehingga dia memutuskan untuk menulis surat kepada ‘Abdu’l-Bahá. Dia merayu kepada ‘Abdu’l-Bahá agar dapat mengabdi kepada-Nya dan Akidah Ayahanda-Nya, Bahá’u’lláh. Dalam jawapan Beliau kepada Dorothy, ‘Abdu’l-Bahá memuji matlamatnya, meyakinkan dia tentang kurnia Tuhan, dan mengungkapkan harapan agar dia dapat*

*mencapai hasratnya. Dan, sesungguhnya, Dorothy mendedikasikan seumur hidupnya untuk mengabdi kepada Tuhan dan umat manusia.*

#### **E. Permainan: “Tiruan Dua Hala”**

Bahagi kanak-kanak kepada pasangan, setiap kanak-kanak menghadap pasangannya. Sekarang, minta seorang kanak-kanak daripada setiap pasangan untuk mulai membuat pergerakan fizikal yang ringkas, yang pasangan mereka harus cuba untuk cerminkan. Setelah beberapa minit, pasangan boleh berganti peranan. Mereka juga boleh mencerminkan mimik wajah selain daripada pergerakan. Selanjutnya, minta satu kanak-kanak daripada setiap pasangan berdiri di belakang pasangannya. Ketika kanak-kanak di depan bergerak, kanak-kanak di belakang harus menjadi bayangan pergerakan tersebut.

#### **F. Mewarna: Lukisan 21**

#### **G. Doa penutup**

### **PELAJARAN 22**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Selepas doa pembukaan, kanak-kanak boleh menyambung hafalan doa yang telah diperkenalkan dalam pelajaran lepas.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

##### **Aku Ingin Gembira**

Kamu harus mengerti  
Di dalam Agama ini  
Perlakuan penting sekali  
Bukan kata-kata hiasan diri

Korus:

Ku ingin gembira  
Ku ingin tabah  
Menjadi hamba-Nya  
Sepanjang hayat.  
Ku harus patuh perintah-Nya  
Patuhlah pada perintah-Nya

Kamu harus mengerti  
Di dalam dunia ini  
Orang dah bosan dengan janji  
Jadilah contoh baik Akidah ini

Korus

### C. Menghafal petikan

Kanak-kanak akan belajar untuk melafazkan petikan berikut melalui hati dalam pelajaran ini, yang bertumpu pada tema kesetiaan. Berikut adalah beberapa idea yang akan membantu anda memperkenalkannya:

Jiwa yang setia tidak pernah melupakan rahmat yang Tuhan telah kurniakan padanya; ia tidak pernah berhenti mencintai Tuhan. Oleh sebab kesetiaan kepada-Nya, kita selalu mencuba yang terbaik untuk mengikuti ajaran- ajaran-Nya dan mematuhi hukum-hukum-Nya, walaupun hal tersebut menjadi sukar. Oleh itu juga kita bekerja keras untuk berkhidmat kepada orang lain dan melakukan perbuatan layak, tanpa fikiran lain kecuali untuk mencapai keredaan-Nya. Bagi jiwa yang setia, tidak ada kebahagiaan yang lebih besar selain berusaha untuk menyenangkan Tuhan. Marilah kita menghafal petikan ini daripada Bahá'u'lláh:

**“Berbahagialah orang yang setia yang dihiasi dengan pakaian usaha yang besar dan telah bangkit untuk mengabdi kepada Akidah ini.”<sup>125</sup>**

#### *Dihiasi*

1. Mae mempunyai gaun yang cantik yang hanya dipakainya pada masa yang istimewa. Dia memakai baju tersebut pada perjumpaan komuniti. Mae dihiasi dengan gaun istimewanya.
2. Natalia baik hati kepada semua orang. Tuhan telah menghiasi jiwanya dengan kebaikan hati.

#### *Pakaian*

1. Di beberapa tempat, hakim harus memakai rambut palsu putih dan jubah hitam yang panjang di mahkamah perundangan. Mereka harus memakai pakaian seragam hakim.
2. Sebelum meninggalkan istana, putera memakai tali pinggang dan mahkotanya. Dia memakai pakaian dirajanya.
3. Jakob melafazkan doa setiap hari sebelum meninggalkan rumah. Doa-doa tersebut adalah seperti pakaian yang melindungi jiwanya.

#### *Usaha*

1. Pelajar-pelajar memutuskan untuk menanam pohon di sekeliling sekolah. Komuniti menyokong usaha mereka dengan menyediakan benih dan tanah.
2. Pierre dan Arlene memutuskan bahawa mereka akan mendaki ke puncak gunung. Mereka tahu bahawa hal ini ialah usaha yang sukar, tetapi mereka berazam untuk mencuba.

## D. Cerita

Ketika ‘Abdu ’l-Bahá masih kecil, keluarga-Nya yang merupakan bangsawan di Parsi, mempunyai seorang pembantu rumah bernama Isfandíyár. Dia sangat taat kepada keluarga ini dan mereka sangat mempercayai Isfandíyár. Apabila iahak berkuasa, kerana prasangka dan kebodohan, menangkap Ayahanda tercinta ‘Abdu ’l-Bahá iaitu Bahá’u’lláh, semua harta benda keluarga dirampas. Mereka tidak memiliki apa pun, dan setiap orang yang dekat dengan Bahá’u’lláh berada dalam bahaya. Namun, Isfandíyár tetap bekerja untuk keluarga tersebut. Mengetahui bahawa ramai orang akan mengejar Isfandíyár, ibunda ‘Abdu ’l-Bahá mendesaknya untuk meninggalkan kota itu. Tetapi Isfandíyár tidak akan pergi.

“Saya tidak boleh pergi” katanya, menjelaskan dia masih hutang banyak wang kepada pemilik kedai atas barang-barang yang dibelinya.” “Bagaimana saya dapat pergi?” dia bertanya. “Mereka akan mengatakan bahawa pembantu rumah Bahá’u’lláh membeli dan memakai barang dari kedai dan tidak membayar. Sebelum saya membayar semua hutang tersebut, saya tidak akan pergi. Tetapi jika saya ditangkap, tidak ada masalah. Jika mereka menghukum saya, tidak ada yang disusahkan dengan itu. Jika mereka membunuh saya, janganlah bersedih. Tetapi, untuk pergi tidaklah mungkin. Saya harus tetap tinggal sampai saya melangsakan semua hutang saya.”

Selama sebulan Isfandíyár berjalan-jalan di jalanan dan bazar-bazar, menjual barang-barang kecil yang dimilikinya. Ketika dia sudah membayar semua hutangnya, dia mengunjungi keluarga ‘Abdu ’l-Bahá untuk mengucapkan selamat tinggal, kerana dia tahu bahawa dia tidak lagi dapat tinggal bersama mereka. Seorang menteri kerajaan bersetuju untuk menerimanya serta untuk melindungi dan menjaganya dalam tempoh bahaya tersebut.

Beberapa bulan kemudian, Bahá’u’lláh dibebaskan dari penjara dan Baginda serta keluarga-Nya dibuang negeri dari Parsi oleh pihak berkuasa. Mereka pergi ke Baghdád, sebuah kota di negara jiran. Isfandíyár, yang selalu setia kepada Bahá’u’lláh, menempuh perjalanan ke Baghdád untuk bertanya sama ada dia dapat kembali mengabdi dengan keluarga-Nya. Bahá’u’lláh berkata kepadanya, “Ketika kamu meninggalkan kami, ada seorang menteri Parsi yang telah memberikan kamu tempat tinggal apabila tidak ada seorang pun yang dapat melindungimu. Oleh sebab dia telah menanggung kamu dan melindungimu, kamu harus setia kepadanya. Jika dia setuju bahawa kamu boleh pergi, maka datanglah kepada kami; tetapi jika dia tidak mahu kamu pergi, jangan tinggalkan dia.”

Tentu sahaja, Isfandíyár sangatlah jujur, sangatlah boleh dipercayai dan setia, sehingga menteri itu tidak ingin dia pergi. “Wahai Isfandíyár!” dia berseru, “Saya tidak ingin kamu pergi, namun jika kamu ingin pergi, maka biarlah kamu pergi menurut kehendakmu.” Tetapi Isfandíyár ingat kata-kata Bahá’u’lláh. Dia tetap mengabdi kepada menteri itu, sehingga beberapa lama kemudian, menteri itu meninggal dunia dan sekali lagi Isfandíyár kembali ke keluarga yang dicintainya, mengabdi kepada ‘Abdu ’l-Bahá sehingga akhir hayatnya.

#### **E. Permainan: “Siapa yang Mengetuk Pintu Saya?”**

Tutup mata salah seorang kanak-kanak yang harus duduk di bangku dengan belakangnya menghadap ke kelas. Sekarang tuding jari ke seorang kanak-kanak yang lain. Dia harus mendekati kanak-kanak yang duduk di bangku dan mengetuk bangku tersebut. Kanak-kanak yang duduk berkata, “Siapa yang mengetuk pintu saya?” Kanak-kanak yang mengetuk cuba untuk menyembunyikan nada suaranya, akan menjawab, “Ini saya!” Lalu, kanak-kanak yang duduk cuba meneka siapa yang mengetuk. Kanak-kanak yang ditutupi matanya ada tiga peluang untuk meneka, dan kemudian kanak-kanak lain diberikan giliran. Anda mungkin ingin mengingatkan kanak-kanak bahawa, jika kanak-kanak yang ditutupi matanya sedang mendengar dengan teliti, kanak-kanak yang lain harus kekal sangat senyap.

#### **F. Mewarna: Lukisan 22**

#### **G. Doa penutup**

### **PELAJARAN 23**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Anda boleh memulakan kelas dengan berdoa dan kemudian membantu kanak-kanak maju dalam usaha-usaha mereka untuk menghafal doa yang diperkenalkan dalam Pelajaran 21.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

##### **Kesabaran**

Ketika kakimu mulai letih  
Dan perjalanan sangatlah panjang  
Kamu ingin berhenti berusaha  
Kerana matahari terik

Jangan menjadi tidak sabar  
Tak berguna kamu menangis  
ika kamu langkahkan kakimu  
Waktu akan cepat berlalu

Kesabaran adalah jawapannya  
Saat sedih dan kecewa  
Kesabaran adalah penawarnya  
Ia membawa bahagia

### C. Menghafal petikan

Dalam pelajaran ini, kanak-kanak akan menghafal petikan yang berkaitan dengan kesabaran, yang anda boleh sampaikan dengan cara berikut:

Kesabaran adalah salah satu sifat paling penting yang boleh kita miliki. Tanpa kesabaran, hanya sedikit yang dapat kita capai dalam hidup ini. Dalam pengajian, dalam pekerjaan, dalam keluarga, dalam persahabatan dengan orang lain, dalam usaha kita untuk berkembang secara rohani, kesabaran diperlukan. Bukan semua hal dalam hidup dapat dilakukan dengan cepat. Banyak hal yang hanya dapat dilakukan sedikit demi sedikit, hari demi hari. Ketika kita mengamalkan kesabaran, kita tidak melakukan hal-hal yang perlu masa yang lama dengan terburu-buru. Kita perlu bersabar terhadap orang lain dan diri kita sendiri kerana kita semua sedang belajar dan bertumbuh. Bagi membantu dalam usaha kita memiliki sifat kesabaran, marilah kita menghafal petikan yang berikut:

**“Sesungguhnya, Dia akan melipatgandakan ganjaran bagi mereka yang bertahan dengan kesabaran.”<sup>126</sup>**

#### *Ganjaran*

1. Puan Anderson amat gembira dengan projek sains unggul yang telah disediakan oleh para pelajar di kelasnya. Sebagai ganjaran, dia membawa mereka melawat akuarium yang berdekatan.
2. Alena meluangkan masa setiap hari untuk belajar bermain gitar. Ketika dia menyanyikan lagu yang indah untuk adik lelakinya, keriangan pada wajahnya merupakan ganjaran yang Alena perlukan untuk usahanya.

#### *Bertahan*

1. Aliya dan keluarga berpindah ke satu tempat yang jauh. Untuk beberapa bulan pertama, mereka mengalami banyak cabaran. Namun, dengan pertolongan jiran-jiran mereka yang baik hati, mereka mampu bertahan menghadapi kesukaran-kesukaran yang menimpa dan kini mereka berasa sangat gembira di kediaman yang baharu itu.
2. Hugh jatuh sakit. Dia menanggung kesakitan yang teramat, namun dia tidak merungut. Dia bertahan menanggung penderitaannya dengan sabar.

### D. Cerita

*Li Xin sangat suka buah pic. Setiap hari, dia akan membawa sebiji buah pic bersamanya ke sekolah dan memakannya semasa waktu rehat untuk makan tengah hari. Dia menikmati setiap gigitan, tetapi dia selalu membuang bahagian tengahnya di mana terdapat biji pic.*

*Pada suatu hari, kelas Li Xin sedang belajar tentang biji benih. Hal ini memberikan Li Xin satu idea. Dia akan menanam satu biji picnya dan membantunya untuk tumbuh menjadi sebatang pohon! Pada waktu makan tengah hari, dia menyimpan bahagian tengah buah picnya dan membungkusnya dalam sekeping kertas. Ketika sekolah*

tamat, dia berlari menuju rumah dan meminta ayahnya membantu mencari tempat untuk menanam pohon tersebut. Ayahnya mengingatkan dia bahawa dia harus menunggu agar bahagian tengah pic itu kering sebelum bijinya dapat diambil keluar. Tentu sahaja, Li Xin ingin terus menanam biji tersebut. "Li Xin," ayahnya berkata, "jika kamu tidak mempunyai kesabaran untuk menunggu biji itu kering, bagaimana kamu akan ada kesabaran untuk menunggu biji itu bercambah?" Jadi, Li Xin akhirnya ingin menunggu biji itu kering.

Beberapa hari kemudian, Li Xin akhirnya berjaya mengeringkan buah pic dan mengambil keluar bijinya. Ibunya menunjukkan kepada dia satu tempat di halaman di mana pohon dapat tumbuh besar dan tinggi. Li Xin menggali satu lubang kecil dan meletakkan biji di dalamnya, kemudian menutupnya dengan segenggam tanah yang lembap. Dia tersenyum dengan keterujaan. Akhirnya pohon Li Xin akan tiba!

Setiap hari, Li Xin akan mengunjungi tanamannya itu, berharap melihat tanda-tanda bijinya bercambah. Tetapi tidak ada tunas yang bercambah selama berminggu-minggu dan Li Xin berasa kecil hati. Melihat kekhuatiran Li Xin, ibunya bertanya ada masalah apa. "Bijiku tidak tumbuh," kata Li Xin. "Saya khuatir, mungkin saya tidak akan mempunyai sebatang pohon." "Baiklah," ibu berkata, "biji ini perlu lebih lama untuk tumbuh. Caranya hampir sama seperti kamu. Ketika kamu lahir, kamu hanya seorang bayi yang sangat kecil, dan apa yang kamu lakukan hanyalah makan dan tidur. Dan sekarang lihatlah kamu! Kamu seorang pemuda, berjalan, berbual dan berfikir sendiri! Pohon ini mungkin perlu bertahun-tahun untuk tumbuh, tetapi jika kamu menjaganya dengan baik, maka suatu hari kamu akan dapat duduk di bawah teduhannya dan menikmati buahnya." Memikirkan apa yang diceritakan oleh ibunya, harapan Li Xin tumbuh semula. Dia mengetahui daripada pelajaran di kelasnya bahawa satu biji benih harus melalui banyak perubahan sebelum dapat menjadi sebuah tunas.

Lalu, pada suatu hari di musim bunga, Li Xin keluar mengunjungi tanamannya lagi, seperti yang dia biasanya lakukan, dan betapa gembiranya dia ketika dia melihat sebuah tunas hijau yang kecil muncul dari tanah! Pohnnya sedang tumbuh! Dia berlari ke rumah jirannya, seorang petani dan memberitahu berita gembira ini. Petani itu memberikan nasihat tentang bagaimana untuk menjaga pohon itu ketika ia masih sangat muda dan belum kuat, dan Li Xin mendengarkan setiap kata petani itu, tidak sabar lagi untuk menjaga pohon itu sebaik mungkin. "Tidak lama lagi, saya akan mempunyai banyak buah pic untuk diberikan kepadamu sebagai ucapan terima kasih atas nasihat kamu yang baik," kata Li Xin. Tetapi jiran hanya tersenyum. "Li Xin, adakah kamu masih ingat bahawa kamu harus sabar menunggu biji untuk kering?" Li Xin mengangguk. "Dan adakah kamu ingat bagaimana kamu memerlukan kesabaran yang lebih lagi semasa kamu menunggu biji kamu bercambah?" Li Xin mengingati ini juga. "Jadi," kata jiran, "pohon muda ini akan memakan masa lebih lama lagi untuk menjadi pohon matang dan agak lama lagi sebelum berbuah. Kamu harus menunggu bertahun-tahun sehingga pohon ini sedia menghasilkan buah pic untuk kamu nikmati."

Jadi, Li Xin pun menjaga pohon itu dan memenuhi keperluannya ketika pohon itu tumbuh daripada tunas menjadi pohon muda kepada pohon matang. Sedikit demi sedikit, pohnnya tumbuh semakin tinggi dan lebar, sama seperti Li Xin. Dan pada suatu hari, ketika Li Xin pulang dari sekolah, dia melihat buah-buah pic pertama dari pohon itu mulai muncul di mana sebelumnya hanya berupa bunga. Sekali lagi,

*dia merasakan kebahagiaan memenuhi hatinya seperti ketika biji tumbuh menjadi tunas. Sekali lagi, dia merasakan keriangan yang memenuhi hatinya ketika biji tersebut mulai bercambah. Dan sekali lagi, dia mengetahui bahawa dia harus bersabar. Kerana perlu masa yang lama lagi sebelum buah pic itu sedia untuk dinikmati.*

#### **E. Permainan: “Cari Pemula”**

Tutup mata seorang kanak-kanak dan bawa dia untuk meninggalkan kelas. Kemudian, dengan senyap tuding seorang kanak-kanak lain yang akan menjadi “pemula”. Sebelum meminta kanak-kanak yang pertama menyertai kumpulan tersebut, bantu kanak-kanak yang lain untuk berlatih aksi-aksi yang berikut oleh si “pemula. Contohnya, jika dia bertepuk tangan, semua yang lain harus melakukan yang sama. Jika dia mulai melambaikan tangan, kanak-kanak yang lain juga harus melakukannya. Kanak-kanak pertama itu kini boleh membuka ikatan pada mata dan menyertai kumpulan tersebut semula. Dia mestilah melihat dengan berhati-hati dan cuba untuk mencari siapa yang sedang bertindak sebagai “pemula”. Pada masa yang sama, kanak-kanak lain harus mencuba sedaya upaya untuk tidak melihat ke arah kanak-kanak yang memimpin aksi dengan terlalu ketara atau terlalu kerap, yang memudahkan orang yang mencari untuk mengenal pasti orangnya. Kanak-kanak boleh mengambil giliran menjadi “pemula” ataupun yang meneka.

#### **F. Mewarna: Lukisan 23**

#### **G. Doa penutup**

## **PELAJARAN 24**

#### **A. Melafazkan dan menghafal doa**

Seperti biasa, mulakan kelas dengan berdoa dan kemudian imbas semula dengan kanak-kanak doa yang mereka telah belajar untuk lafazkan melalui hati selama beberapa pelajaran yang lalu.

#### **B. Lagu (termasuk mengulangi lagu-lagu daripada pelajaran sebelum ini)**

##### **Teguh dalam Cinta Tuhan**

Kita berjalan  
Berjalan di jalan Tuhan  
Kita teguh  
Teguh dalam cinta-Nya  
Berjalan di jalan Tuhan  
Bila masalah datang  
Teguh dalam cinta-Nya  
Dan tetap di jalan-Nya

Kita mengabdi  
Kepercayaan Tuhan

Kita teguh  
Dalam cinta Tuhan  
Mengabdi pada Tuhan  
Sedaya upaya  
Teguh dalam cinta-Nya  
Mengabdi dengan keriangan

Kita berdiri  
Berpaling pada Tuhan  
Kita teguh  
Dalam cinta Tuhan  
Berpaling pada Tuhan  
Tak meragui bantuan-Nya  
Teguh dalam cinta-Nya  
Segala duka pudar

### C. Menghafal petikan

Idea-idea berikut akan membantu anda untuk memperkenalkan petikan yang akan dihafal oleh kanak-kanak dalam pelajaran terakhir ini, yang bertumpu pada tema keteguhan hati.

Salah satu sifat yang paling penting dalam seorang manusia yang benar-benar mencintai Tuhan ialah keteguhan hati. Tidak kira apa pun yang terjadi dalam kehidupan, kita sentiasa ingat pada Tuhan dan cinta kita kepada-Nya. Oleh itu, tidak ada apa-apa yang boleh dikatakan atau dilakukan oleh orang lain yang dapat mempengaruhi kepercayaan kita kepada-Nya. Kita mencintai-Nya dan mematuhi hukum-hukum dan ajaran-ajaran-Nya. Untuk memperingatkan kita bahawa kita harus tetap berteguh hati pada setiap masa, marilah kita menghafal petikan yang berikut daripada Bahá'u'lláh:

**“Kedudukanmu akan sangat luhur, jika engkau tetap berteguh hati dalam Akidah Tuhanmu.”<sup>127</sup>**

#### *Sangat*

1. Taman-taman itu lebih indah daripada segala yang pernah dilihat oleh Xavier. Dia tidak dapat membayangkan taman yang lagi sangat indah.
2. Ibu Keletso membuat kek yang sangat istimewa untuk keluarga. Semua ahli keluarga memakannya dengan penuh nikmat dan semua mengatakan kek itu sangat lazat.

#### *Luhur*

1. Setiap malam sebelum tidur, Martha berdoa dan berasa dekat dengan Tuhan. Semasa dia tidur, rohnya berada dalam keadaan yang luhur.
2. Dalam sebuah pertemuan, Kumar memberikan ceramah tentang kedamaian dunia dan kebaikan umat manusia. Kumar membicarakan hal-hal yang luhur.

### *Tetap berteguh hati*

1. Rakan Rosemary asyik memberitahunya bahawa bintang adalah lampu-lampu kecil yang terapung di langit. Namun, Rosemary pelajari dalam kelas bahawa setiap bintang sebenarnya ialah matahari yang berada sangat jauh. Rosemary tidak mengubah fikirannya. Dia tetap berteguh hati dengan apa dia tahu benar.
2. Seseorang memberitahu Mona bahawa tidaklah penting untuk berdoa setiap hari, namun Mona tetap berdoa kerana dia tahu bahawa berdoa ialah hukum Tuhan. Mona tetap berteguh hati dalam menjalankan hukum berdoa.

### **D. Cerita**

*Mungkin kamu tahu bahawa Bahíyyih Khánúm ialah adik perempuan ‘Abdu’l-Bahá. Dia hanya berumur enam tahun ketika Ayahanda mereka, Bahá’u’lláh, ditangkap dan dipenjarakan oleh pemerintah yang tidak adil. Kamu ingat dari cerita yang lain bahawa keluarganya merupakan golongan bangsawan . Namun, semasa penangkapan Ayahandanya, semua harta milik keluarga dirampas. Tanah-tanah, rumah-rumah, perabot-perabot, barang kepunyaan mereka—kesemua ini lenyap. Keluarga tersebut ditinggalkan dengan tangan yang hampir kosong, bahkan tiada makanan untuk dimakan. Ketika dia dan Abangnya yang dikasihi, ‘Abdu’l-Bahá, berasa lapar dan tiada roti untuk diberikan kepada mereka, ibunda mereka menuang sedikit tepung ke tapak tangan mereka untuk dimakan.*

*Beberapa lama kemudian, Ayahanda mereka dibebaskan dan dipaksa oleh pemerintah untuk meninggalkan tanah air mereka. Bahíyyih Khánúm dan keluarganya berangkat dalam kedinginan musim sejuk yang menusuk ke tulang menuju ke kota Baghdád di negara jiran. Untuk sampai ke kota tersebut, mereka harus merentas pergunungan yang amat besar dan dilitupi salji. Perjalanan tersebut membahayakan, dan bekalan-bekalan yang mereka ada untuk perjalanan tersebut tidak cukup. Pakaian mereka hanya membantu sedikit untuk melindungi mereka daripada salji dan kedinginan. Dengan bantuan beberapa baghal, mereka berjaya melalui puncak tinggi pergunungan tersebut dengan perlahan-lahan. Kerap kali , mereka harus membuat khemah untuk waktu malam di belantara. Namun, Tuhan melindungi mereka, dan melalui bantuan-Nya yang tidak pernah gagal, mereka tiba di Baghdád dengan selamat selepas tiga bulan. Tidak pernah lagi Bahíyyih Khánúm kembali ke tanah kelahirannya.*

*Sepanjang hayatnya, Bahíyyih Khánúm berkongsi penderitaan dan pembuangan Ayanhandanya. Akhirnya, pemerintah membuang Bahá’u’lláh ke kota penjara Akká, di mana dia dan keluarganya tinggal dalam kalangan penjenayah yang tidak diinginkan. Apabila Ayahanda yang amat dicintainya wafat, Bahíyyih Khánúm menyokong abangnya, ‘Abdu’l-Bahá, yang telah pun dilantik sebagai Pemimpin Akidah Ayahanda-Nya. Dan beberapa tahun kemudian, apabila ‘Abdu’l-Bahá juga telah pergi ke alam yang seterusnya, Bahíyyih Khánúm menjadi penyokong terbesar dan pembela yang paling kuat terhadap cucu-Nya, Shoghi Effendi, yang telah pun dinamakan Wali Akidah oleh ‘Abdu’l-Bahá.*

*Bahíyyih Khánúm kini merupakan seorang wanita tua. Hidupnya telah dipenuhi dengan kekacauan dan pergolakan. Ia beralih daripada satu kesukaran ke kesukaran*


*yang lain, daripada malapetaka ke malapetaka. Tetapi jiwanya tetap teguh, dan hatinya sentiasa dipenuhi dengan cinta Tuhan. Dia telah bersikap teguh hati dan kukuh sehingga ke hari-hari akhir hidupnya.*

#### **E. Permainan: “Tangan yang Membantu”**

Minta kanak-kanak untuk membentuk pasangan dan berpegangan tangan dengan pasangan mereka. Pertama sekali, minta mereka berjalan di sekitar kawasan secara berpasangan, dengan mata yang terbuka. Mereka harus bermula dengan langkah yang kecil, dan langkah mereka harus perlahan-lahan menjadi semakin memanjang. Setiap pasangan harus berhati-hati agar tidak bertembung dengan sesiapapun. Kemudian, satu orang dalam setiap pasangan harus menutup matanya, dan mereka harus mengulangi aktiviti berjalan. Sekarang, jika mereka ingin mengelak daripada bertembung dengan sesiapapun, kanak-kanak yang lagi satu akan perlu membimbang rakannya. Beritahu bahawa mereka mesti menggunakan isyarat-isyarat yang diberikan melalui sentuhan sahaja. Anda harus devise isyarat-isyarat sebelum mereka bermula—sebagai contoh, satu picitan tangan boleh bermaksud “berhenti”, dua “pergi belakang”, tiga “belok kanan”, dan empat “belok kiri”.

#### **F. Mewarna: Lukisan 24**

#### **G. Doa penutup**




**“ Wahai Putera Roh! Nasihat-Ku yang pertama adalah ini: Milikilah hati yang murni, baik dan cemerlang. . .”**





**“Jejakilah engkau jalan keadilan, kerana ini, sesungguhnya, adalah jalan yang lurus.”**






**“ Wahai Sahabat! Di taman hatimu janganlah menanam apa pun kecuali bunga mawar kasih sayang. . .”**





**“ Kebenaran adalah asas segala sifat baik manusia.”**





**“Memberi dan bersikap dermawan adalah sifat-sifat-Ku; beruntunglah dia yang menghiasi dirinya dengan sifat-sifat murni-Ku.”**






**“Diberkatilah dia yang mengutamakan saudaranya daripada dirinya sendiri.”**





**“ Wahai Putera Manusia! Bergembiralah dalam keriangan hatimu, agar engkau menjadi layak untuk berjumpa dengan-Ku dan untuk mencerminkan keindahan-Ku.”**





**“Dalam setiap saat, kita harus menjelmakan kebenaran dan ketulusan. . .”**





**“Wahai Putera Manusia! Rendahkanlah dirimu di hadapan-Ku, agar dengan belas kasihan Daku dapat mengunjungimu.”**





**“Bergembiralah engkau. Bersyukurlah engkau. Bangkitlah untuk berterima kasih kepada Tuhan, agar rasa syukurmu dapat membawa kepada peningkatan curahan rahmat.”**





**“... biarkanlah sifat kemaafan dan belas kasihan, dan apa yang menggembirakan hati orang-orang kesayangan Tuhan, menjadi perhiasanmu.”**





**“Indahkanlah lidah-lidahmu, Wahai manusia, dengan sifat kebenaran dan hiasilah jiwamu dengan perhiasan kejujuran.”**





**“Kerajaan Tuhan didirikan atas landasan kesaksamaan dan keadilan, juga berlandaskan pengampunan, belas kasihan dan kebaikan hati kepada setiap roh yang hidup.”**





**“Ketahuilah bahawa perhiasanmu yang sejati terdiri daripada cinta Tuhan dan ketakterikatanmu daripada segala sesuatu kecuali-Nya . . .”**






**“Sumber segala kemuliaan ialah menerima apa pun yang dianugerahi Raja,  
dan berpuas dengan apa sahaja yang telah ditetapkan Tuhan.”**






**“Diberkatilah dia yang bergaul dengan semua insan dalam  
satu semangat kebaikan hati dan kasih sayang.”**





**“ Sumber keberanian dan kekuasaan adalah mempromosikan Kalimat Tuhan,  
dan keteguhan dalam Cinta-Nya.”**





**“Janganlah hilang kepercayaanmu terhadap Tuhan. Jadilah engkau selalu penuh harapan, kerana kurnia Tuhan tidak akan pernah berhenti mengalir kepada umat manusia.”**






**“Sifat kebolehpercayaan ialah gerbang terbesar yang membawa kepada ketenangan dan keselamatan orang-orang.”**





**“Jadilah engkau berkobar, Wahai manusia, dengan kehangatan cinta Tuhan,  
agar engkau dapat mengobarkan kalbu-kalbu yang lain.”**





**“ Wahai Putera Wujud! Engkau adalah pelita-Ku dan cahaya-Ku berada dalam dirimu. Peroleh darinya kecemerlanganmu dan jangan mencari sesiapa pun selain Daku.”**






**“Berbahagialah orang yang setia yang dihiasi dengan pakaian usaha yang besar dan telah bangkit untuk mengabdi kepada Akidah ini.”**





**“Sesungguhnya, Dia akan melipatgandakan ganjaran bagi mereka yang bertahan dengan kesabaran.”**





**“ Kedudukanmu akan sangat luhur, jika engkau tetap berteguh hati  
dalam Akidah Tuhanmu.”**



## RUJUKAN

1. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers: A Selection of Prayers Revealed by Bahá’u’lláh, the Báb, and ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2002, 2017 printing), p. 28.
2. Ibid., p. 29.
3. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1988, 2005 printing), no. 6.25, pp. 66–67.
4. Bahá’u’lláh, cited by Shoghi Effendi, *The Advent of Divine Justice* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2006, 2018 printing), par. 42, p. 41.
5. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 3.23, p. 27.
6. Bahá’u’lláh, *The Hidden Words* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2003, 2012 printing), Arabic no. 2, pp. 3–4.
7. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 10.5, p. 155.
8. From a Tablet of ‘Abdu’l-Bahá. (authorized English translation)
9. Ibid.
10. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2010, 2015 printing), no. 12.1, p. 42.
11. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1983, 2017 printing), CXXXIX, par. 8, p. 345.
12. ‘Abdu’l-Bahá, cited by Shoghi Effendi, *The Advent of Divine Justice*, par. 40, p. 39.
13. ‘Abdu’l-Bahá, in “Trustworthiness: A Cardinal Bahá’í Virtue”, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice, published in *The Compilation of Compilations* (Maryborough: Bahá’í Publications Australia, 1991), vol. 2, no. 2053, p. 338.
14. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers*, p. 28.
15. Ibid., p. 29.
16. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 9.4, p. 138.
17. Ibid., no. 10.15, p. 156.
18. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 206.13, p. 357.
19. Ibid., no. 199.6, pp. 334–35.

20. From a talk given on 1 July 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace: Talks Delivered by ‘Abdu’l-Bahá during His Visit to the United States and Canada in 1912* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2012), par. 1, p. 304.
21. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 237.5, p. 442; also in *Bahá’í Prayers*, p. 328.
22. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 3 September 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 29, p. 441.
23. *The Tabernacle of Unity: Bahá’u’lláh’s Responses to Mánikchí Sáhib and Other Writings* (Haifa: Bahá’í World Centre, 2006), no. 5.7, p. 74.
24. *Days of Remembrance: Selections from the Writings of Bahá’u’lláh for Bahá’í Holy Days* (Haifa: Bahá’í World Centre, 2016), no. 42.8, pp. 209–10.
25. From a talk given on 22 November 1911, published in *Paris Talks: Addresses Given by ‘Abdu’l-Bahá in 1911* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2006, 2016 printing), no. 35.2, p. 135.
26. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 16.5, pp. 51–52.
27. *The Summons of the Lord of Hosts: Tablets of Bahá’u’lláh* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2006), no. 5.51, p. 301.
28. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 4.23, p. 39.
29. *The Summons of the Lord of Hosts*, no. 3.17, p. 249.
30. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 5 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 3, p. 127.
31. Bahá’u’lláh, in *Bahá’í Prayers*, p. 164.
32. Ibid., p. i.
33. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 6.19, p. 64.
34. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, LXXXII, par. 3, pp. 180–81.
35. Ibid., V, par. 2, pp. 6–7.
36. ‘Abdu’l-Bahá, *The Secret of Divine Civilization* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2007, 2016 printing), par. 130, p. 93.
37. *The Hidden Words*, Arabic no. 70, p. 21.
38. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CXXIX, par. 2, p. 316.
39. Ibid., CXXXIX, par. 4, p. 343.

40. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 23 April 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 5, p. 69.
41. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CXXV, par. 3, pp. 300–1.
42. *Ibid.*, XV, par. 1, p. 39.
43. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 5 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 4, p. 128.
44. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 2 December 1912, *ibid.*, par. 2, pp. 638–39.
45. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 6.3, p. 57.
46. Bahá’u’lláh, *Epistle to the Son of the Wolf* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1988, 2016 printing), p. 23.
47. Bahá’u’lláh, in “Trustworthiness”, published in *The Compilation of Compilations*, vol. 2, no. 2037, p. 334.
48. ‘Abdu’l-Bahá, in “Bahá’í Prayers and Tablets for Children: A Compilation Prepared by the Research Department of the Universal House of Justice”, no. 11.
49. *Ibid.*, no. 10.
50. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 14 April 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 9, p. 17.
51. *Abdul Baha on Divine Philosophy* (Boston: The Tudor Press, 1918), pp. 41–42.
52. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 35.8, p. 104.
53. *Ibid.*, no. 7.4, p. 33.
54. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CXXI, par. 6, p. 291.
55. *Ibid.*, LXVI, par. 6, p. 144.
56. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 10.8, p. 155.
57. Bahá’u’lláh, in *The Bahá’í World: Volume One, 1925–1926* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1926, 1980 printing), p. 42.
58. *The Hidden Words*, Arabic no. 40, p. 13.
59. *Ibid.*, Persian no. 50, p. 39.
60. From a Tablet of ‘Abdu’l-Bahá. (authorized English translation)
61. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CXLVI, par. 1, p. 357.

62. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 1.7, p. 8.
63. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 12 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 8, p. 166.
64. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 16 and 17 October 1911, published in *Paris Talks*, no. 1.7, p. 6.
65. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers*, p. 173.
66. Bahá’u’lláh, *ibid.*, p. 94.
67. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 179.1, p. 285.
68. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 10 November 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 8, p. 599.
69. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CLIII, par. 1, pp. 366–67.
70. *The Hidden Words*, Persian no. 21, p. 29.
71. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 178.1, p. 284.
72. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 21 November 1911, published in *Paris Talks*, no. 34.8, p. 133.
73. Bahá’u’lláh, in “Trustworthiness”, published in *The Compilation of Compilations*, vol. 2, no. 2013, p. 327.
74. *Ibid.*, no. 2024, p. 330.
75. *Ibid.*, no. 2027, p. 330.
76. Bahá’u’lláh, in “Guidelines for Teaching”, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice, published in *The Compilation of Compilations*, vol. 2, no. 1898, p. 293.
77. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, XV, par. 6, p. 41.
78. *The Summons of the Lord of Hosts*, no. 1.145, pp. 114–15.
79. *The Call of the Divine Beloved: Selected Mystical Works of Bahá’u’lláh* (Haifa: Bahá’í World Centre, 2018), no. 2.22, p. 21.
80. Bahá’u’lláh, in *Bahá’í Prayers*, p. 162.
81. ‘Abdu’l-Bahá, *ibid.*, p. 29.
82. From a Tablet of ‘Abdu’l-Bahá. (authorized English translation)

83. Bahá'u'lláh, in *The Kitáb-i-Aqdas: The Most Holy Book* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1993, 2013 printing), par. 70, p. 45.
84. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 23 November 1911, published in *Paris Talks*, no. 36.9, p. 140.
85. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 12 April 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 2, p. 10.
86. *The Tabernacle of Unity*, no. 3.16, p. 64.
87. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 141.4, p. 228.
88. Ibid., no. 1.4, p. 6.
89. *The Hidden Words*, Arabic no. 48, p. 15.
90. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, LXVI, par. 11, p. 146.
91. *The Summons of the Lord of Hosts*, no. 2.30, p. 229.
92. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 14.11, p. 212.
93. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXXXIV, par. 1, p. 328.
94. Ibid., CLXI, par. 1, p. 384.
95. Ibid., CXLIII, par. 1, pp. 353–54.
96. Bahá'u'lláh, *The Kitáb-i-Íqán: The Book of Certitude* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2003, 2018 printing), par. 146, pp. 123–24.
97. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 23 November 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 4, p. 632.
98. 'Abdu'l-Bahá, in *Bahá'í Prayers*, p. 29.
99. *The Hidden Words*, Arabic no. 1, p. 3.
100. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXVIII, par. 1, p. 283.
101. *The Hidden Words*, Persian no. 3, p. 23.
102. 'Abdu'l-Bahá, cited by Shoghi Effendi, *The Advent of Divine Justice*, par. 40, p. 39.
103. 'Abdu'l-Bahá, in *Bahá'í Prayers*, p. 29.
104. *The Hidden Words*, Persian no. 49, p. 39.
105. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 6.37, p. 71.

106. *The Hidden Words*, Arabic no. 36, p. 12.
107. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 225.30, p. 407.
108. Bahá’u’lláh, in *Bahá’í Prayers*, p. i.
109. *The Hidden Words*, Arabic no. 42, p. 13.
110. *Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá’í Publishing Committee, 1915, 1940 printing), vol. 2, p. 483. (authorized translation)
111. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 9.5, p. 139.
112. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CXXXVI, par. 6, p. 336.
113. ‘Abdu’l-Bahá, in “Bahá’í Prayers and Tablets for Children”, no. 10.
114. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 138.1, p. 220.
115. *The Summons of the Lord of Hosts*, no. 1.119, p. 93.
116. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 10.4, p. 155.
117. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, CLVI, par. 1, p. 378.
118. Bahá’u’lláh, in *Bahá’í Prayers*, p. 94.
119. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 10.10, p. 156.
120. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 178.1, p. 284.
121. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 4.16, p. 37.
122. From a Tablet of ‘Abdu’l-Bahá. (authorized English translation)
123. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers*, p. 29.
124. *The Hidden Words*, Arabic no. 11, p. 6.
125. *Tablets of Bahá’u’lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 17, p. 257.
126. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh*, LXVI, par. 10, p. 146.
127. Ibid., CXV, par. 13, p. 278.